

BAB KEEMPAT

ASAS-ASAS AKIDAH DAN PENDEKATANNYA DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

4.1 Pendahuluan

Setelah dijelaskan pengertian kanak-kanak secara terperinci, maka perbincangan seterusnya dalam bab keempat ini, penulis akan fokuskan kepada tiga perkara pokok iaitu tentang asas-asas akidah, pendekatan-pendekatan pendidikan akidah yang digunakan sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak iaitu menurut al-Quran, Sunnah dan dua orang tokoh sarjana Islam dan juga pendekatan yang digunakan untuk mengajar akidah kepada kanak-kanak mengikut peringkat umur 0 hingga 7 tahun.

4.2 Kepentingan Pendidikan Akidah Kepada Kanak-kanak

Pendidikan awal kanak-kanak penting dan perlu diberikan perhatian kerana 90% daripada perkembangan otak secara optimum berlaku sebelum kanak-kanak mencapai umur lima tahun¹. Pandangan ini sesuai dengan pendapat Piaget bahawa perkembangan kognitif pesat semasa peringkat deria motor, iaitu semenjak kanak-kanak lahir hingga berumur dua tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak banyak menggunakan deria motor seperti menghisap, menangis dan menggenggam. Pada peringkat ini juga kanak-kanak

¹ Azizah Lebai Nordin (2004), *Pendidikan Awal Kanak-Kanak Teori Dan Amali*, c. 2. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. h. 2.

mengembangkan pengetahuannya yang berkaitan dengan empat ciri, yaitu pengetahuan tentang objek, sebab-sebab sesuatu, ruang dan masa. Pengetahuan ini menjadi asas untuk perkembangan selanjutnya yang lebih sofistikated.

Peringkat kedua dalam perkembangan kognitif mengikut Piaget ialah peringkat praoperasi (2-6 tahun). Pada peringkat ini kanak-kanak menggunakan simbol atau nama objek-objek di persekitarannya. Setelah menguasai bahasa, ia mula belajar mengaitkan nama dengan objek-objek. Pemikirannya pada masa ini lebih konkrit, egosentrik dan belum memahami konsep pengekal. Pemusatannya pada masa ini hanya pada satu aspek dan menyetepikan aspek yang lain. Pada peringkat ini kanak-kanak kurang egosentrik, dan mengembangkan skemanya kearah yang lebih umum, lebih abstrak dan lebih berkebolehan dalam menyelesaikan masalah². Froebel juga menganggap peringkat awal kanak-kanak merupakan tahap yang kritikal dan menjadi asas bagi perkembangan seterusnya.³

Justeru itu, pendidikan untuk kanak-kanak perlu diberi perhatian khususnya pendidikan dalam ilmu akidah. Dan bagi memastikan pendidikan itu berkesan, kanak-kanak itu hendaklah diajar dari peringkat bawah atau asas dan meningkat sedikit demi sedikit.

Merujuk kepada pendidikan akidah maka kepentingannya untuk kanak-kanak sejak awal tidak dapat dinafikan. Pendidikan akidah untuk kanak-kanak sangat penting

² Piaget, J. (1963), *The Origins Of Intelligents In Children*. (M.Cook, Trans). New York: Norton., h. 12

³ Froebel, F. (1889), *The Education Of Man*. New York: E. Appleton. h. 35.

bagi menjamin pegangan dan prinsip hidup mereka. Bak kata pepatah Melayu, ‘Melentur buluh biarlah daripada rebungnya’. Tanpa didikan akidah yang betul oleh ibu bapa dan guru-guru pada peringkat awal, kanak-kanak akan dididik oleh unsur negatif luaran yang akan menyimpang akidah asli kanak-kanak iaitu fitrah semula jadinya. Apabila sudah dilenturkan ke arah yang salah maka proses untuk membetulkan akan mengambil masa dan tenaga. Jadi sebelum terlambat kita hendaklah sama-sama berganding bahu memikul tanggungjawab yang berat ini terhadap anak-anak didik sendiri.⁴

Ahmad Shalabi menulis tentang peri penting pendidikan akidah kanak-kanak, katanya,

“Sesungguhnya pendidikan kanak-kanak dalam Islam tiadalah terbatas kepada usaha-usaha untuk mengajar mereka saja, akan tetapi berlanjutan hingga mendidik budi pekertinya dan menghidupkan semangat-semangat yang suci ke dalam jiwanya dan membimbing mereka kepada adat-adat yang terpuji serta menggariskan untuk mereka cara-cara yang dengannya mereka boleh menjadi manusia-manusia yang berjaya dan patuh, yang akan memberi manfaat kepada agamanya, negaranya dan dirinya sendiri.”⁵

Hakikatnya, dengan pemeliharaan akidah kita dapat menyelamatkan kanak-kanak daripada kekufuran, iaitu mengingkari apa yang diwajibkan oleh Allah. Dengan pendidikan akidah juga, kita dapat menghindari daripada terjebak dengan dosa syirik, murtad, kufur, nifak dan fasiq.

⁴ Abdul Salam Muhamad Shukri (2003), *op.cit.*, h. 26.

⁵ Ahmad Shalabi (1976), *Sejarah Pendidikan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Singapura, h. 246-247.

Menurut ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan, Pendidikan akidah sangat penting kerana segala jenis kebajikan dan sumber kesempurnaan terletak pada akidah. Akidah adalah asas kepada masuknya seorang kanak-kanak dalam benteng dan lingkungan iman dan Islam. Tanpa pendidikan akidah, seorang kanak-kanak tidak mahu menjalankan tanggungjawabnya, tidak bersifat amanah, terumbang ambing tanpa arah tujuan, tidak menjadi manusia mulia dan tidak sanggup dianggap sebagai model. Kanak-kanak tanpa akidah seperti binatang. Ia hanya mementingkan keinginan perut dan hawa nafsu semata-mata. Tidak hairanlah kanak-kanak itu menjadi manusia jahat kemudian nanti. Jiwanya penuh dengan bibit-bibit kekufuran, kesesatan dan sikap serba boleh tanpa sekatan atau larangan.⁶

Oleh itu para ibu bapa dan guru hendaklah mengambil peluang keemasan pada zaman kanak-kanak bagi mengisi dada mereka dengan akidah Islam. Hati mereka perlu diisi dengan petunjuk-petunjuk keimanan agar ditetapkan imannya dengan diambil pelbagai pendekatan untuk menguatkan asas kepercayaan anak-anak tersebut. Pendidikan yang menggunakan peluang keemasan sebegini sudah digunakan oleh generasi awal Islam terutamanya oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dalam membimbing generasi-generasi baru. Mereka sentiasa berusaha membimbing anak-anak ke jalan yang benar dan menetapkan akidah dalam sanubari mereka. Dengan itu mereka menjadi generasi yang benar mewarisi ajaran Islam. Tanpa menggunakan peluang ini, para pendidik tentunya kerugian besar.

⁶ ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan (1995), *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.), vol 2. Singapura: Pustaka Nasional, h. 197-198.

4.3 Asas-asas Akidah Kepada Peringkat Awal Kanak-kanak

Asas-asas akidah ialah dasar atau tapak pegangan atau keyakinan yang teguh pada sesuatu berasaskan kebenaran yang kemudiannya berupaya menjadi pencetus kepada pelaksanaan segala apa yang terkandung dalam akidah yang dipegang.

‘Abdullah Nasih ‘Ulwan, menamakan asas-asas akidah dengan usul-usul keimanan, iaitu semua yang telah sabit kebenarannya dari berita-berita dan hakikat-hakikat keimanan, dan perkara-perkara yang ghaib, seperti beriman kepada Allah Ta ‘ala, beriman kepada para MalaikatNya, beriman kepada Kitab-kitabNya yang diturunkan dari langit, beriman kepada para Rasul sekaliannya dan beriman dengan soal dua Malaikat, siksa dalam kubur, kebangkitan, hisab, Syurga, Neraka dan segala hal-hal yang ghaib yang mesti diimani.⁷

Asas-asas akidah Islam yang paling utama adalah beriman kepada Allah dengan pengucapan dua kalimah syahadah iaitu *La ilaha illa Allah, Muhammad al-rasul Allah*. Di dalamnya mengandungi tentang keyakinan wujudnya dzat Allah, sifat-sifatNya, *af’alNya*, dan mengandungi keyakinan kebenaran Rasul.⁸

⁷ ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1997), *Tarbiyyah al-Awlad Fi al-Islam*, j. 1. Kaherah: Dar al-Salam, h. 117. Lihat juga Abdullah Nasih Ulwan (2007), *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Syed Ahmad Semait (terj.), j. 1. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, h. 177.

⁸ Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Al-Ghazali (1998), *Ihya’ ‘Ulum al-Din*, j. 1. Kaherah: Maktabah Misr, h. 375.

Beriman kepada Allah adalah meliputi beriman dengan Tauhid *Uluhiyyah* dan Tauhid *Rububiyyah*. Tauhid *Rububiyyah* adalah beriman bahawa Allah itu sebagai pencipta, pemberi rezeki serta pentadbir sekalian alam. Manakala Tauhid *Uluhiyyah* pula adalah mengEsakan Allah dalam ibadat dan beribadat kepadaNya menurut cara-cara yang telah ditentukan serta tidak menyekutukanNya dengan sesuatu pun. Ini bererti pergantungan hati kepada Allah terbit dari rasa takut kepadaNya dan mengharapkan rahmatNya serta menyerah diri sepenuhnya kepadaNya.⁹

Selain daripada itu, bagi memantapkan asas akidah di dalam jiwa muslim mereka mestilah tahu sifat-sifat Allah S.W.T. Sifat-sifat bagi Allah S.W.T. ada tiga iaitu sifat yang wajib bagi Allah iaitu sifat yang mesti ada padaNya. Kedua sifat-sifat yang mustahil bagi Allah iaitu yang mesti tidak ada padaNya. Dan yang ketiga adalah sifat yang harus bagi Allah iaitu sifat yang mungkin Allah buat atau tunai atau sebaliknya.¹⁰

Secara umumnya, asas-asas akidah menurut al-Quran dan Sunnah adalah terkandung dalam rukun-rukun iman yang enam.¹¹ Namun perbincangan berkenaan rukun iman disimpulkan kepada 3 asas dan dinamakan asas akidah atau *usul al-'aqidah*¹² iaitu :

1. Ketuhanan
2. Kenabian

⁹ Abu Bakr Jabir al-Jazairi (t.t), *'Aqidah al-Mu'min*. Qaherah: Maktabah al-Tawfiqiyyah, h. 71

¹⁰ Abi Asyraf (1986), *Asas Tauhid*. Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, h. 15.

¹¹ Rukun Iman sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab kedua kajian ini.

¹² Wahbah al-Zuhayli (1998), *al-Tafsir al-Munir*, j. 27-28. Beirut: Dar al-Fikr al-Munir, h. 5-6. Lihat juga Ibrahim Tawfiq al-Dib (1998), *Ya ni' al-Thamarat fi tafsir Surah al-Dharyat*, c. 2. Mansurah: Matba'ah Jazirah al-Ward, h. 16.

3. Hari Kebangkitan (Perkara Ghaib)

Justeru, dalam kajian ini penulis akan memfokuskan perbincangan kepada 3 asas akidah ini sahaja kerana memandangkan sasaran penulis adalah peringkat awal kanak-kanak iaitu dari 0 hingga 7 tahun, maka penulis berpendapat bahawa 3 asas ini merupakan perkara utama yang perlu di tanam di dalam diri dan jiwa kanak-kanak sejak dari kecil lagi. Tambahan pula 3 asas ini juga adalah perkara yang mula-mula ditekankan oleh Rasulullah s.a.w. ketika baginda berdakwah kepada para sahabat dan umat Islam di Mekah selama 13 tahun dengan tujuan mendidik dan mengajak masyarakat kepada akidah tauhid.

Tiga asas utama yang ditekankan adalah mengakui keesaan Allah, menerima kerasulan Nabi Muhammad dan meyakini adanya hari akhirat.¹³ Ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan di Mekah menekankan asas-asas tersebut sekali gus menjadikan al-Qur'an sumber utama akidah.¹⁴

4.3.1 Ketuhanan

Pendidikan agama (akidah) dari dahulu hingga sekarang mestilah dimulai dari asas keyakinan terhadap sesuatu yang ghaib serta sistem nilai benar dan salah kerana asas

¹³ Zulkifli Mohd Yusoff *et al.* (2008), *Biografi Muhammad Bin Abdullah*, c. 3. Selangor : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 48.

¹⁴ Dr. Abdul Salam Muhamad Shukri (2003), *Panduan Mengajar Akidah Kepada Kanak-kanak*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd., h. 3.

inilah yang menjadi titik tolak bagi setiap orang untuk bertindak dan membuat sesuatu. Walaupun sesuatu perbuatan atau tingkah laku itu tidak dilihat orang namun orang yang dibekali dengan pendidikan agama akan sedar bahawa ada yang terus menerus melihat dan menyaksikan perbuatannya.¹⁵

Kanak-kanak adalah anugerah dan amanah Allah buat ibu bapa. Mereka suka bertanya dan ikhlas hendak mengetahui sesuatu perkara. Pelbagai persoalan diajukan terutama kepada ibu bapa dan orang yang terdekat dengan mereka. Termasuklah pertanyaan tentang siapa Tuhan kita? Benarkah Tuhan itu ada? Adakah Tuhan mempunyai anak? Tuhan kita satu ataupun ramai? Sekiranya Tuhan itu ada, di manakah Dia? Mengapakah kita tidak dapat melihat Tuhan? Mengapa Tuhan jadikan kita? Dan pelbagai persoalan lagi dilontarkan kepada orang yang terdekat dengannya. Persoalan-persoalan seumpama ini seringkali ditanya dan mereka memerlukan jawapan yang jelas. Justeru itulah, ibu bapa terutamanya harus mempunyai ilmu keagamaan yang tinggi dan mampu memberi jawapan kepada setiap persoalan dengan baik dan logik dengan menggunakan bahasa yang mudah dan contoh yang sesuai untuk difahami oleh mereka.

Tidaklah menghairankan apabila kebanyakan kanak-kanak membayangkan Allah itu seperti sesuatu yang sudah mereka kenali; kadang-kadang mereka menggambarkan Allah itu sebagai lelaki, wanita, angin, cahaya atau campuran dari kesemuanya. Sebagai pendidik, ibu bapa tidak seharusnya menyalahkan mereka dalam hal itu, sebab ia boleh melenyapkan keyakinan akan adanya Tuhan kepada mengingkariNya. Tugas kita hanya

¹⁵ Hassan al-Asymawi (1996), *Mengajar Dan Mendidik Anak-anak Menghayati Islam*, Mohd Sofwan Amrullah (terj.), Selangor: Pustaka Ilmi h. 92.

membimbing mereka untuk meluruskan bentuk yang mereka gambarkan supaya lebih dekat kepada kebenaran tauhid.¹⁶

Salah satu pendekatan yang mendekati tujuan ini adalah menggambarkan Tuhan itu sebagai sesuatu yang memiliki kebaikan, keindahan, kelembutan dan penyayang yang tidak boleh digambarkan dengan tepat. Pendek kata, biarlah gambaran itu berupa bentuk zat yang indah, mencintai dan suka melimpahkan rahmat serta kasih sayang kepada semua orang, khususnya kanak-kanak seperti mereka. Tanamkanlah ke dalam hati mereka bahawa sesungguhnya Tuhan itu tidak suka menyiksa, menghukum dan tidak akan menyakiti sesiapa pun.

Dalam konteks tersebut, tuhan digambarkan sedemikian bukanlah bermaksud menafikan sifat-sifat Allah dan janji seksaNya ke atas orang-orang kafir dan orang-orang yang berbuat maksiat. Ini kerana kemampuan akal mereka masih di tahap kanak-kanak dan Allah tidak akan murka dan menyiksa mereka yang mempunyai gambaran yang sedemikian.¹⁷

Allah tidak akan menyiksa dengan hanya kerana memberi gambaran yang lebih dekat kepada pengertian kanak-kanak sekalipun gambaran tersebut tidak menepati seratus peratus. Sebaliknya, Allah pasti murka jika diberi gambaran yang menakutkan

¹⁶ *Ibid.*, h. 98

¹⁷ *Ibid.*, h. 100

tentangNya kepada kanak-kanak kerana gambaran itu boleh menyebabkan kanak-kanak sentiasa merasa takut dan membenci Tuhan.¹⁸

Kanak-kanak hendaklah diberitahu bahawa Allah adalah tuhan Yang Maha Esa, tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan Allah tidak mempunyai persamaan atau perserupaan.

Firman Allah:

فَاطِرُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ جَعَلَ لَكُمْ
مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا
يَذُرُّكُمْ فِيهِ ۚ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۗ
وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Surah al-Syura (42) : 11.

Maksudnya:

“ (Dia) Pencipta langit dan bumi. dia menjadikan bagi kamu dari jenis kamu sendiri pasangan-pasangan dan dari jenis binatang ternak pasangan-pasangan (pula), dijadikan-Nya kamu berkembang biak dengan jalan itu. tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah yang Maha mendengar dan Melihat.”

Allah mempunyai sejumlah nama yang agung yang lebih dikenali dengan *Asma' al Husna*. Sesungguhnya *Asma' Allah* (nama-nama Allah) itu merupakan lafaz yang

¹⁸ *Ibid.*, h. 100-101

mulia dan mempunyai kelebihan yang yang tidak sama dengan perkataan yang lain. Dengan menyebutNya mendapat pahala dan berkat. Orang yang selalu mengingat dan berzikir denganNya dibersihkan hati dan jiwa, terutama dengan hati yang juga sama mengingat Allah dan memahami maknanya.¹⁹

Penjelasan tentang Allah yang demikian dapat difahami oleh orang dewasa, tetapi kemungkinan besar tidak dapat difahami oleh kanak-kanak. Kanak-kanak selalunya hanya akan dapat memahami sesuatu yang berbentuk dan dapat dilihat dengan mata. Mereka memerlukan suatu objek yang dapat mereka bayangkan melalui daya imaginasi yang amat terhad. Sesuatu yang tidak berbentuk, bukan sahaja tidak dapat difahami malah mungkin mereka mengingkarinya. Justeru, apabila ibubapa ditanya mengenai ketuhanan, ibubapa hendaklah bijak memberi jawapan dan jangan membiarkan persoalan itu begitu sahaja. Bahkan ibubapa perlu menggalakkan kanak-kanak berfikir sesuai mengikut peringkat kematangan umur mereka.

Tuhan Yang Maha Esa adalah pencipta seluruh yang ada, ciptaanNya tidak terhingga banyaknya dan tidak dapat kita ketahui kepelbagaianya. Namun kita boleh mengetahui sebahagian kecil sahaja daripadanya. Maka, Tuhan itulah yang menciptakan bumi, langit dan apa yang ada di dalam kedua-duanya, termasuk atom yang berserakan di udara, tumbuh-tumbuhan serta binatang-binatang yang ada di darat dan di lautan. Terlalu

¹⁹ Abd. Hadi Awang (1996), *Beriman Kepada Allah*, c. 3. Selangor: The Commercial Press Sdn. Bhd., h. 109.

banyak lagi hal yang tidak diketahui manusia sekalipun orang yang paling pintar, dan itu tidak bermakna tidak wujud.²⁰

Allah Maha Mengetahui berkenaan keupayaan makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Allah tahu manusia tidak mampu menggunakan akal semata-mata bagi memikirkan siapakah sebenarnya Tuhan mereka. Justeru, Allah memberitahu manusia mengenai dirinya melalui wahyu yang diberikan kepada nabi-nabi.

Di dalam al-Qur'an banyak ayat yang membantu kita mengenal Allah. Antaranya ayat 225 dalam surah al-Baqarah :

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ
وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا كَسَبَتْ قُلُوبُكُمْ
وَاللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ

Surah al-Baqarah (2): 225

Maksudnya: “ Allah tidak mengira kamu bersalah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (dengan sumpah), tetapi Dia mengira kamu bersalah (dan akan mengenakan hukuman) dengan sebab sumpah yang diusahakan (disengajakan) oleh hati kamu (dengan niat bersumpah). Dan (ingatlah) Allah amat pengampun lagi amat penyayang.”

²⁰ *Ibid.*, h.101

Allah tidak merahsiakan dirinya kepada manusia. Allah menunjukkan kuasa-Nya dengan mencipta alam yang berwarna-warni. Allah juga mengingatkan manusia kemampuan mereka terbatas. Mereka tidak perlu bersusah payah berfikir bagaimana rupa bentuk Tuhan mereka kerana Allah sudah nyata, tidak ada sesiapa yang serupa dengan-Nya. Tetapi Allah menyuruh manusia mengetahui dan mempelajari tentang sifat-sifat Allah. Justeru, kita hendaklah mengajarkan anak-anak dengan segala sifat-sifat kesempurnaan Allah.

Allah menyuruh manusia menyembah-Nya dengan cara yang diajarkan kepada manusia melalui nabi-nabi utusan Allah. Sebagai contoh, Allah memerintahkan hamba-hambaNya untuk mendirikan solat. Maka perincian tentang solat ini sama ada dari segi pelaksanaan dan rukun-rukun yang berkaitan adalah menjadi tugas para nabi untuk menjelaskannya kepada umat manusia. Bagi kanak-kanak, ibu bapalah orang terdekat yang berperanan menerangkan bagaimana untuk mendirikan solat.²¹

Allah juga menyuruh manusia memikirkan ciptaan-ciptaan Allah yang ada di bumi dan di langit kerana dia tahu dengan berfikir manusia akhirnya mengakui kehebatan Allah yang mencipta. Tetapi Allah melarang kita memikirkan mengenai dirinya kerana Allah tahu, manusia tidak mampu memikinya.²²

Justeru, asas ketuhanan merupakan perkara utama yang perlu di tanam dalam jiwa kanak-kanak. Sebagaimana firman Allah:

²¹ Nabilah Hasan (2007), *Ibu, Benarkah Tuhan Itu Ada?* Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd., h. 5-6.

²² *Ibid.*, h. 7

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ
لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ
عَظِيمٌ

Surah Luqman (31) : 13

Maksudnya:

“ Dan (Ingatlah) ketika Luqman Berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar".

Berdasarkan ayat di atas, perkara pertama yang diberitahu oleh Luqman kepada anak-anaknya ialah supaya jangan mensyirikkan Allah. Inilah asas akidah yang penting yang mula-mula diterapkan kepada anak-anaknya sebagai tunjang dalam membentuk suatu kehidupan yang sempurna bila dewasa nanti.

Menanamkan Rasa Cinta Kepada Allah Dan Merasa Diawasi OlehNya.

Setiap anak mempunyai persoalan mereka sendiri, sama ada berkaitan dengan kejiwaan, sosial kemasyarakatan, ekonomi mahupun masalah pembelajaran. Persoalan yang dihadapi oleh setiap orang anak berbeza antara satu dengan yang lain.

Anak akan mengungkapkan persoalannya dengan gaya yang berbeza-beza, ada yang mengungkapkan dengan penuh perasaan dan yang lain tidak demikian. Dengan cara apa persoalan ini dapat di atasi dari dalam?

Caranya adalah dengan menanamkan kecintaan kepada Allah S.W.T, memohon pertolongan-Nya dan merasa selalu diawasi oleh-Nya serta beriman kepada Qadha' dan Qadar. Ini adalah cara yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

Melalui penanaman cinta kepada Allah yang mendalam, memohon pertolongan-Nya, mengukuhkan rasa selalu diawasi oleh-Nya, menanam keimanan kepada Qadha' dan Qadar di dalam lubuk hatinya, maka seorang anak akan dapat menghadapi masa kanak-kanaknya sekarang dan juga masa depannya sebagai ayah atau ibu.²³

Antara hadith Nabi yang mendorong menanamkan rasa cinta kepada Allah S.W.T. ialah seperti berikut:

1) Diriwayatkan dari Ibn 'Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Janganlah kamu mengangkat tongkat terhadap keluargamu, namun tanamkanlah rasa takut kepada Allah S.W.T. pada diri mereka”.

Diriwayatkan al-Tabrani dalam *Al-Saghir* dan *Al-Ausath* dengan *isnad jayyid*. Demikian seperti yang dikatakan oleh Haitsami dalam *Al-Majma'*.

2) al-Tirmidhi meriwayatkan hadith dari Ibn 'Abbas r.a. bahawa dia berkata:

²³ Muhammad Nur Suwaid (1998), *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li al-Tifl*, j. 2. Beirut: Dar Ibn Kathir, h.167-173.

“ Pada suatu hari saya pernah berada di belakang Rasulullah s.a.w. lalu baginda bersabda: “Wahai anak muda, sesungguhnya aku akan mengajarkan kepadamu beberapa kalimat. Jagalah Allah S.W.T., nescaya Dia akan balas menjagamu. Jagalah Allah S.W.T. nescaya engkau akan mendapati-Nya ada di hadapanmu. Apabila engkau menginginkan sesuatu, maka mintalah kepada Allah S.W.T. Ketahuilah, andaikan saja umat seluruhnya berkumpul untuk memberikan kemanfaatan kepadamu, maka mereka tidak akan dapat memberikan manfaat kepadamu kecuali dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan untukmu. Dan andaikan saja mereka bersatu untuk menimpakan kemudharatan itu terhadapmu tentu mereka tidak akan dapat memberikan kemudharatan itu terhadapmu kecuali dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan ke atasmu. Pena telah diangkat dan lembaran telah kering.”²⁴

3) Dalam riwayat lainnya disebutkan:

“Jagalah Allah, nescaya engkau temukan Dia ada di hadapanmu. Kenalilah Allah ketika dalam keadaan lapang, nescaya Dia akan mengenalmu ketika dalam keadaan sempit. Ketahuilah segala sesuatu yang luput darimu tidak akan menimpamu dan sesuatu yang menimpamu tidak akan dapat luput darimu. Ketahuilah bahawa kemenangan itu menyertai kesempitan dan kemudahan itu menyertai kesukaran.”²⁵

Hadis ini mempunyai kekuatan yang sangat kuat di dalam memecahkan persoalan anak, di samping juga mempunyai pengaruh dan semangat. Hadis ini mempunyai kemampuan dalam mendorong anak menuju ke depan dengan cara memohon pertolongan kepada Allah, selalu merasa diawasi oleh-Nya serta melalui keimanannya kepada Qadha' dan Qadar. Anak-anak para sahabat menerima bimbingan ini terus dari Rasulullah s.a.w. Mereka memohon pertolongan kepada Allah ketika mereka mendapat bencana dan

²⁴ Abu Zakariya bin Sharaf al- Nawawi (1999), *Matan al-Arba'in al-Nawawiyah*. Thailand: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Huda wa Awladah, h. 103.

²⁵ Ahmad, Hakim, Thabrani, Ibnu Sunni, Ajiri dan Dhiya'. *Sahih, Kitab Sahih al-Ami'*, no. hadith 7957.

mereka berkeyakinan bahawa tidak ada daya upaya dan kekuatan kecuali dengan bantuan Allah S.W.T. Mereka percaya bahawa kelapangan itu selalu menyertai kesempitan dan kemudahan itu menyertai kesukaran.

al-Ghazali dalam Kitabnya *Ihya'* (3/72) menampilkan sebuah kisah menarik sebagai berikut: Sahl bin Abdillah al-Tustari berkata:

“Ketika saya berusia tiga tahun pernah bangun malam lalu saya perhatikan solat yang dilakukan oleh bapa saudara saya yang bernama Muhammad bin Sawar. Pada suatu hari dia berkata kepadaku: “Apakah engkau mengingat Allah yang telah menciptakanmu?” Saya menjawab: “Bagaimana saya dapat mengingat-Nya?” Dia menjawab: “Ucapkan dalam hatimu ketika engkau hendak tidur sebanyak tiga kali tanpa henti: “Allah bersamaku, Allah memperhatikanku dan Allah menyaksikanku.” Maka aku akan ucapkan kata-kata itu pada malam-malam berikutnya dan kemudian saya berkata: “Ucapkan tujuh kali setiap malam.” aku pun mengucapkannya lalu saya khabarkan perkara itu kepadanya. Dia kemudian berkata: “Ucapkan sepuluh kali setiap malam,” saya pun mengucapkannya dan kemudian di dalam hati saya terasa dalam kemanisannya. Sesudah satu tahun berlalu, bapa saudara saya berkata kepadaku: “Jagalah terus apa yang telah aku ajarkan kepadamu dan lakukanlah terus hingga engkau masuk kubur kerana sesungguhnya perkara itu akan memberikan kemanfaatan bagimu di dunia dan di akhirat.” Maka aku terus melakukan perkara itu bertahun-tahun sehingga saya dapatkan kemanisan di dalam hati.”

Berdasarkan kisah yang diceritakan dalam kitab *Ihya'* di atas, ini menunjukkan perasaan cinta dan kasih kepada Allah serta merasa selalu diawasi olehNya boleh diterapkan kepada kanak-kanak sedikit demi sedikit hingga sehati dan akhirnya kanak-

kanak itu sendiri akan merasai kemanisan iaman itu, di samping keyakinan tentang kewujudan dan keEsaan Allah S.W.T.

4.3.2 Kenabian

Beriman kepada Nabi dan Rasul juga adalah perkara wajib diyakini oleh kanak-kanak. Nama-nama Nabi dan Rasul ada yang namanya disebut dalam al-Quran dan yang tidak disebut bilangan mereka yang sebenar tidak ketahui. Hanya 25 orang nabi dan rasul yang disebut di dalam al-Quran. Kesemuanya perlu diakui dan diterima tanpa ada perbezaan.

Kewajipan utama ke atas orang-orang yang beriman dengan para nabi dan rasul ialah mengakui kebenaran yang dibawa. Mengingkari mereka membawa kepada kekufuran. Mereka menjadi contoh teladan kerana mempunyai keistimewaan yang tidak dapat dicapai oleh orang lain terutama daripada sudut keilmuan dan akhlak. Mereka juga terpelihara daripada melakukan dosa, walaubagaimanapun mereka hanyalah manusia dan bukannya Tuhan atau memiliki sifat-sifat ketuhanan.

Kanak-kanak perlu dididik dengan cara peribadi Rasulullah sama ada dari segi percakapan, tingkah laku dan sebagainya. Nabi Muhammad s.a.w. adalah contoh ikutan yang terbaik. Sebagaimana firman Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ
حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Surah al-Ahzab (33) : 21

Maksudnya:“ Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”

Dalam membantu dan membuktikan kebenaran, mereka dikurniakan mukjizat di mana ia tidak dapat diatasi dengan sebarang benda atau kuasa yang ada pada manusia. Al-Quran adalah mukjizat yang terbesar yang kurniakan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w .

Menanam Cinta Rasulullah Dalam Jiwa Kanak-kanak

Kecintaan kepada Rasulullah s.a.w. pun perlu kita terapkan kepada kanak-kanak melalui pelbagai cara, antaranya :

1. Jadikan Rasulullah s.a.w. sebagai teladan pertama bagi kanak-kanak kemudian tanamkanlah cinta kepada beliau dalam jiwa mereka.

2. Menjelaskan kepada kanak-kanak tentang kedudukan Rasulullah s.a.w. atas umat Islam dengan cara yang dapat difahami oleh mereka.
3. Menceritakan kepada mereka keistimewaan sejarah perjalanan beliau dengan kaedah yang dapat menarik hati dan jiwa anak.
4. Ajarkan kepada mereka bacaan doa selawat atas Nabi (mengucapkan *solla Allah 'alaihi wa sallam*) ketika mereka mendengar nama Nabi disebut.
5. Didiklah mereka dengan tingkah laku atau akhlak yang mulia, yang sering Rasulullah s.a.w. lakukan, misalnya doa yang beliau baca setiap hari, iaitu doa bangun tidur, doa ketika selesai makan dan ketika keluar dari rumah.

Arahkan dan awasi mereka ketika menghafal hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Paling sedikit, dalam seminggu mesti ada satu hadis yang sudah dihafal. Disarankan agar hadis-hadis yang diajarkan harus pendek dan sesuai dengan kemampuan intelek setiap anak.²⁶

Semoga dengan cara penerapan cinta dan kasih terhadap nabi dan rasul kepada kanak-kanak itu dapat melahirkan anak-anak yang dikasihi oleh Allah, kerana cinta dan kasih kepada nabi dan rasul bermaksud cinta dan kasih kepada Allah.

4.3.3 Hari Kebangkitan

Asas yang ketiga ini merupakan antara perkara yang sukar untuk dijelaskan kepada kanak-kanak yang masih kecil ini. Kerana kanak-kanak lebih mudah menerima

²⁶ Najib Khalib al-‘Amir (t.t), *Tarbiyyah Rasulullah s.a.w.* Kuala Lumpur: Synergy Books International, h. 47-48.

sesuatu pengajaran itu apabila dapat dilihat dengan mata kasar. Walaubagaimanapun, perkara ini perlu diberitahu dan diterangkan kepada mereka. Semuanya bergantung kepada ibu bapa bagaimana untuk menerapkan keimanan tentang hari kebangkitan ini kepada kanak-kanak. Mungkin salah satu cara, ibu bapa kaitkan dengan balasan dosa dan pahala iaitu setiap perbuatan baik Allah akan sayang dan Allah akan beri hadiah (pahala), sebaliknya jika perbuatan yang Allah tidak suka tetapi dilakukan, maka Allah tidak akan sayang dan akan dapat dosa.

Perlu dijelaskan kepada kanak-kanak dengan memberi gambaran yang jelas tentang alam yang ada ketika hidup di dunia, seperti adanya jin, syaitan dan malaikat supaya dia tidak lagi takut menghadapinya. Kemudian kita perlu pula diberi penjelasan yang sempurna tentang kesudahan manusia setelah tempoh hidup di dunianya berakhir, seperti peristiwa kematian, hari berbangkit, syurga dan neraka.

Perlu juga dijelaskan asal-usul manusia yang pada awalnya dijadikan daripada tanah dan akan kembali ke tanah. Itulah yang ditetapkan oleh ajaran Islam. Sedangkan hari berbangkit yang pasti akan tiba, juga disebut dengan hari akhirat iaitu hari yang masing-masing orang akan dibalas sesuai dengan amalannya di dunia. Hari berbangkit setelah mati merupakan hari penting dan ia wajib diimani, kerana kesan atau pengaruh dari beriman kepadanya akan terbukti dalam tingkah laku manusia ketika di dunia. Ini penting sekali ditanamkan ke dalam jiwa kanak-kanak.

Sesungguhnya, tidak diterima iman seseorang selagi dia belum mempercayai adanya hari berbangkit. Dan memang diakui bahawa peristiwa dibangkitkan semula ini merupakan prinsip metafizik yang amat pelik dan menguji pemikiran manusia dari dahulu hingga hari ini. Maka menurut fakta sejarah, sejak dahulu selalu ada orang yang mempercayainya dan mengingkarinya, begitu pula ketika munculnya agama-agama langit, hinggalah ke zaman teknologi canggih dewasa ini.²⁷

4.4 Pendekatan Pendidikan Akidah Kepada Peringkat Awal Kanak-kanak

Menurut Perspektif Islam

Pendidikan yang berkesan kepada kanak-kanak adalah hasil daripada pendekatan dan metode pendidikan yang terbaik yang digunakan oleh ibu bapa kepada anak-anak. Pendekatan yang digunakan sekaligus akan mencorakkan peribadi dan tingkahlaku anak-anak. Justeru, pendekatan yang terbaik dalam pendidikan anak-anak wajar diaplikasikan dalam proses pembentukan jatidiri mereka.

Al-Abrasyi mendefinisikan kaedah pengajaran atau pendekatan pengajaran adalah sebagai jalan yang diikuti untuk memberi faham kepada pelajar²⁸. Mohamad Abdul Rahim Ghunaimah pula menyatakan kaedah atau pendekatan ialah suatu cara yang

²⁷ Hassan al-Asymawi (1996), *op.cit.*, h. 106-107.

²⁸ Mohd 'Atiyah Al-Abrasyi (1970), *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*, H.Bustani A. Ghani, (terj.), Jakarta : Bulan Bintang, h. 188-191.

praktis yang boleh melaksanakan tujuan-tujuan pengajaran. Manakala al-Jumbarlathy dan Abu al-Fath al-Tawanshy mentakrifkan sebagai cara yang diikuti oleh guru bagi menyampaikan maklumat kepada pelajar-pelajar²⁹.

Al-Shaybani menyatakan:

“ Tidak ada satu metode pengajaran yang berguna untuk tujuan pendidikan dan segala mata pelajaran begitu juga tidak ada perkaedahan yang lebih baik bagi semua pendidik dalam semua keadaan dan suasana. Guru boleh memilih metode yang sesuai dengan tujuan pendidikan yang ingin dicapainya atau pelajaran yang ingin diajar, serta tahap perkembangan, kemarangan dan kecerdasan pelajar³⁰ ”

Dalam bab keempat ini juga, penulis akan membincangkan tentang pendekatan-pendekatan atau metode-metode pendidikan akidah yang sesuai untuk peringkat awal kanak-kanak iaitu yang berumur 0 hingga 7 tahun. Pendekatan-pendekatan tersebut adalah berdasarkan pendekatan al-Quran, al-Sunnah dan juga pendekatan yang digunakan oleh dua orang tokoh sarjana Islam iaitu Imam al-Ghazali dan ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan.

4.4.1 Pendekatan al-Quran

Pendekatan pendidikan akidah untuk kanak-kanak menurut al-Quran dapat dilihat umpamanya dalam surah al-Nahl ayat 125:

²⁹ Abdullah Ishak (1989), *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*, Petaling Jaya : Al-Rahmaniah , h. 102.

³⁰ Umar Muhammad Al-Shaybani (1975), *Falsafah al-Tarbiah al-Islamiyyah*, Tripoly, h. 557-580.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ
 الْحَسَنَةِ ^ط وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ^ج
 إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ
 سَبِيلِهِ ^ط وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Surah al-Nahl (16): 125

Maksudnya:

“ Serulah ke jalan Tuhanmu wahai Muhammad, dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka yang engkau serukan itu dengan cara yang baik; sesungguhnya Tuhanmu, Dialah jua yang lebih mengetahui orang-orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat hidayah pentunjuk.”

Umumnya ayat di atas menamakan tiga metode utama dalam mengajak manusia ke jalan Allah yaitu Islam melalui metode:

1. Hikmat kebijaksanaan
2. Nasihat pengajaran yang baik
3. Berbahas dengan cara yang baik.

Walaupun langkah terperinci tidak diberikan oleh al-Quran, ia sebenarnya mementingkan kepada penggunaan metode yang bersesuaian dalam menanam akidah dan berdakwah kepada agamaNya. Al-Quran meletakkan tanggungjawab dan peranan yang besar kepada ibubapa dalam mendidik, menanam dan menyuburkan akidah kepada anak-anak. Allah berfirman dalam surah al-Tahrim:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ
نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ
مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Surah al-Tahrim (66): 6

Maksudnya:

“ Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu berhala; mereka itu dijaga dan dikawal oleh malai-kat-malaikat yang keras dan kasar layanannya; mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

1. Hikmah Kebijaksanaan.

Muhammad Farid al-Wajdi mendefinisikan hikmah iaitu orang yang mengetahui, meletakkan sesuatu di tempatnya, ilmu, lembut dan kenabian.³¹ Ibn Manzur pula mendefinisikan hikmah itu sebagai orang yang berilmu pengetahuan.³² Sementara dalam *Encyclopedia of Islam*, Ibn Sina telah membahagikan hikmah kepada dua pecahan, iaitu dari kurniaan Allah S.W.T. seperti akal dan satu lagi terletak pada diri manusia, yang mana jika mereka pandai menggunakan hikmah yang dikurniakan itu maka akan tercapailah sesuatu matlamat yang baik.³³

Daripada takrif yang dikemukakan, penulis berpendapat bahawa secara umumnya hikmah kebijaksanaan berkisar pada persoalan meletak suatu perkara yang betul dan sesuai dengan masa dan tempat.

Perkara-perkara yang perlu ditimbang dalam melakukan suatu tindakan berdasarkan kebijaksanaan ialah mengetahui keadaan anak itu sendiri, mengetahui kandungan maklumat yang sesuai dan metode yang digunakan. Umpamanya bagi diri anak itu sendiri, para ibu bapa perlulah mempunyai ilmu berkenaan keupayaan akal anak-anak. Kandungan maklumat yang hendak disampaikan hendaklah bersesuaian dengan tingkat akal mereka. Kita umpamanya, tidak perlu mengemukakan dalil bagi menanam akidah. Manakala metode hendaklah dipelbagaikan. Jangan hanya menggunakan satu metode sahaja. Elakkan daripada menggunakan kata-kata kesat. Pendekatan hendaklah menarik dan tidak membosankan. Sebarang bentuk paksaan juga hendaklah dielakkan.

³¹ Muhammad Farid al-Wajdi (1971), *Da'irat Ma 'arif al-Quran al-Ishrin*, j. 3. Beirut: Dar al-Ma 'arif, h. 473.

³² Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur (1968), *Lisan al 'Arab*, j. 2. Beirut : Dar Beirut, h. 140.

³³ B. Menage, V.L, Pellat, C.H. & Achacht Lewis (1971), *The Encyclopedia Of Islam*, vol. 3. Leiden: E.J. Brill, h. 378.

Kanak-kanak biasanya hanya mengikut sahaja. Begitu juga jangan mudah berputus asa dalam mendidik anak-anak.³⁴

2. Nasihat pengajaran yang baik.

Al-Damshiqi mengatakan bahawa nasihat pengajaran yang baik itu ialah mengingatkan manusia terhadap realiti yang berlaku kepada diri mereka supaya beringat-ingat dengan balasan Allah.³⁵

Wan Hussein Azmi pula berpendapat nasihat yang baik ialah yang disampaikan dengan lemah-lembut sehingga dapat meresap ke dalam jiwa dengan lembut. Sesungguhnya berlemah-lembut di dalam memberikan nasihat biasanya dapat memberi petunjuk kepada hati yang sesat dan dapat menjinakkannya serta mendatangkan natijah yang lebih baik.³⁶

Nasihat pengajaran yang baik melibatkan dua perkara utama iaitu meyakinkan anak-anak melalui cara memujuk dan menjelaskan hal yang sebenar dan memberi amaran berkenaan akibat buruk sekiranya ia melanggar suruhan dan larangan dalam Islam. Menurut al-Maududi, nasihat pengajaran yang baik dapat dilakukan apabila pendekatan yang menyeluruh dalam meyakini anak dijalankan. Ini termasuklah menarik perasaan kanak-kanak itu, mengutuk perbuatan jahat, memberi amaran berkaitan kejahatan,

³⁴ Abdul Salam Muhammad Shukri (2003), *op.cit.*, h. 77.

³⁵ 'Imad al-Din Abi Fida' Isma'il Ibn Kathir al-Qurashi al-Damshiqi (1986), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, c. 4. juz. 2. Kaherah: Dar al-Hadith, h. 572.

³⁶ Wan Hussein Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 36.

menggunakan hujjah yang betul dan mempamerkan betapa perlunya hidayah dan amalan yang baik. Di samping itu, pengajaran yang ditunjukkan hendaklah lahir daripada keikhlasan yang penuh untuk kebaikan kanak-kanak itu bukannya dibuat-buat.³⁷

Selain itu, nasihat pengajaran yang baik juga berkisar pada menyebut perkara yang terbaik dan benar sahaja. Perkara yang salah jangan disembarkan. Dalam memberi nasihat juga hendaklah mengelak daripada menggunakan kata-kata yang kesat, malah hendaklah menggunakan perkataan yang senang difahami. Kata-kata yang diucapkan hendaklah lembut dan berhemah. Pendidik atau ibu bapa juga hendaklah mempamerkan sifat-sifat yang baik kepada anak-anak.³⁸

Kisah Luqman al-Hakim yang tercatat di dalam al-Quran telah memberi mesej yang jelas tentang cara Luqman al-Hakim menggunakan kaedah memberi nasihat untuk mendidik anaknya. Firman Allah S.W.T :

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنِ اشْكُرْ
لِلَّهِ ۚ وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ
لِنَفْسِهِ ۗ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ
حَمِيدٌ ﴿١٢﴾ وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنِهِ

³⁷ Abdul Salam Muhammad Shukri (2003), *op.cit.*, h. 78.

³⁸ *Ibid.*, h. 78

وَهُوَ يَعِظُهُرُ يَبْنِي لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ^ط
 إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾ وَوَصَّيْنَا
 الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُرُ وَهَنَا عَلَى
 وَهْنٍ وَفِصْلُهُرُ فِي عَامَيْنِ أَنْ أَشْكُرَ
 لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾ وَإِنْ
 جَاهَدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا
 لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ^ط
 وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ^ط وَاتَّبِعْ
 سَبِيلَ مَنْ أَنْابَ إِلَى ^ج ثُمَّ إِلَى
 مَرَجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ
 ﴿١٥﴾ يَبْنِي إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةِ
 مِّنْ خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي
 السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ
^ج إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿١٦﴾ يَبْنِي أَقِمِ
 الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ

الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ
 ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾ وَلَا تُصَعِّرْ
 خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ
 مَرْحًا ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ
 فَخُورٍ ﴿١٨﴾ وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ
 وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنْكَرَ
 الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

Surah Luqman (31): 12-19

Maksudnya:

“ Dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepada Luqman, hikamt kebijaksanaan, (serta kami perintahkan kepadanya): “Bersyukur lah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu!)” Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Amat terpuji. Dan Ingatlah tatkala Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya. “ Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar”. Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapa mu; (Ingatlah!) kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). Dan jika mereka berdua

mendesakmu supaya engkau mempersekutukan dnganKu sesuatu yang engkau-tidak mengeahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. Luqman menasihati anaknya dengan berkata .” Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara yang baik atau buruk sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau dilangit atau di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah untuk dihakimi dan dibalasNya, kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya lagi amat meliputi akan segala yang tersembunyi.”“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang dikehendaki untuk dilakukan dan diambil berat.”“ Dan janganlah engkau memalingkan mukamu kerana memandang rendah kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membangga diri.”“ Dan sederhanakanlah langkah-langkah semasa berjalan, juga rendahlah suaramu semasa berkata-kata, sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.”

Kisah Luqman menggambarkan peranan yang perlu dimainkan oleh ibubapa dalam pendidikan anak-anak terutamanya dalam pendidikan akidah, ibadah dan akhlak. Menurut Ibn Kathir, kebanyakan pendapat daripada ulama salaf mengatakan, Luqman hanyalah seorang hamba yang soleh dan bukannya seorang nabi. Ibn ‘Abbas menyatakan dia hanya seorang hamba keturunan Habshi bekerja sebagai tukang kayu. Dia diberikan oleh Allah hikmat yang merupakan ilmu dan kefahaman berkenaan Islam. Dengan ilmu dan apa yang ada padanya, Luqman mendidik anaknya menerusi pendekatan nasihat.³⁹

³⁹ *Ibid.*

Berdasarkan dari apa yang termaktub dalam potongan ayat suci al-Quran tadi, dengan begitu ringkas dan padat Luqman al-Hakim telah menggariskan beberapa perkara yang penting dalam mendidik anak , berikut adalah nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya:

1) Allah S.W.T. Tuhan Yang Esa

Firman Allah:

يٰۤاِبْنِيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللّٰهِ ۗ اِنَّ الشِّرْكََ
لَظُلْمٌ عَظِيْمٌ ﴿١٣﴾

Surah Luqman (31) : 13

“ Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar

Dalam ayat ini jelas menunjukkan bahawa Luqman memulakan nasihat kepada anaknya dengan membentuk supaya menjauhkan diri daripada melakukan syirik kepada Allah. Jiwa yang suci murni mesti bersih daripada sebarang punca kerosakan dan kesastan. Antara punca kerosakan akidah ialah syirik. Oleh itu ia hendaklah dijaga

daripada syirik agar sentiasa berada dalam keadaan baik kerana kebaikan dan kemurnian akidah itulah punca segala amalan yang baik.⁴⁰

2) Berbuat Baik Kepada Kedua Ibu bapa

Firman Allah :

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا
عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصْلُهُ فِي تَامَيْنِ أَنْ
أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

(Surah Luqman (31): 14

Maksudnya:

“Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepadaKu dan kepada kedua ibubapa mu; (Ingatlah!) kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).”

Ibu bapa menduduki tempat yang paling istimewa dalam Islam. Mereka menduduki tempat yang kedua sesudah beriman dengan Allah dan Rasul, kerana itu tidak ada seorang manusia pun di muka bumi ini yang dapat menyamai kedudukan ibu bapa.

⁴⁰ Abdul Rashid Ahmad (2003), *Kuliah Tafsir Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 62.

Sebesar-besar hak bagi seorang hamba yang wajib ditunaikan oleh hamba ialah hak kedua-dua ibu bapa.⁴¹

c) Bersyukur Kepada Allah dan Berterima Kasih Terhadap Kedua Ibu Bapa

Firman Allah :

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا
لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا^ط
وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا^ط وَأَتَّبِعْ
سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ^ج ثُمَّ إِلَيَّ
مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ



Surah Luqman (31) : 15

Maksudnya:

“Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau-tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali

⁴¹ *Ibid*, h. 196.

kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.”

d) Semua Amal Perbuatan Akan Beroleh Pembalasan

Firman Allah :

يَبْنِيَّ إِنَّهَا إِنْ تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ
خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي
السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا اللَّهُ
إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿١٦﴾

(Surah Luqman 31 : 16)

Maksudnya :

“ Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara yang baik atau buruk sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau dilangit atau di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah untuk dihakimi dan dibalasNya, kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya lagi amat meliputi akan segala yang tersembunyi.”

Di sini hikmatnya juga terlalu besar. Antaranya anak-anak akan terlatih merasakan tanggungjawab, mereka bertanggungjawab atas segala apa yang hendak dilakukan. Kalau yang belum dilakukan mereka akan bersegera melakukannya. Dan mereka akan berlumba-lumba untuk berbuat kebaikan kerana mereka tahu walau secekil manapun kebaikan yang mereka lakukan akan beroleh ganjaran dari Allah.

Dengan itu juga mereka akan cuba untuk menjauhkan diri dari kejahatan. Kerana walau sekecil manapun kejahatan ia tetap juga akan ditimpa pembalasan dari Allah.⁴²

e) Dirikanlah Sembahyang

Firman Allah:

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ
إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Surah Luqman (31): 17

Maksudnya:

“Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala’ bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”

Sembahyang adalah penting. Ia diibaratkan satu cara proses pembersihan diri. Dengannya akan dapat membersihkan akal fikiran kita dan juga roh kita. Dengannya juga akan dapat menghindarkan diri kita dari melakukan kejahatan dan maksiat. Dengan kata lain, sembahyang adalah jalan untuk membersihkan atau menyucikan diri dan juga jalan untuk membangunkan jiwa raga kanak-kanak.⁴³

⁴² Junaid al-Baghdadi (t.t.), *Proses Awal Sistem Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 42.

⁴³ *Ibid.*, h. 42.

f) Bersabar Dan Kuatkan Azam

Firman Allah :

وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ

الْأُمُورِ

(Surah Luqman 31: 17)

Maksudnya:

“dan bersabarlah atas segala bala’ bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”

Hidup ini penuh dengan pelbagai cabaran. Oleh itu kita perlu tanamkan dalam jiwa anak-anak kita supaya mempunyai sifat sabar. Sabar adalah salah satu jalan untuk mendapatkan Iman. Sabar dapat mendidik serta melatih anak mempunyai jiwa besar,

semangat tinggi, rasa bertanggungjawab serta tabah menghadapi berbagai ujian dan rintangan. Firman Allah:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ
وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ
وَدَشِّرِ^ق الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا
أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا
إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

(Surah al-Baqarah 2: 155-156)

Maksudnya:

“ Dan sungguh akan kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.

(yaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan: "Inna lillaahi wa innaa ilaihi raaji'uun"⁴⁴.

Allah telah sebut dalam al-Quran bahawa hidup ini akan dipenuhi dengan berbagai ujian serta rintangan. Jadi semestinya kita bekalkan pada semua anak-anak kita sifat sabar. Dan perlu kita ketahui lagi bahawa sabar tadi mestilah dibekalkan lagi dengan

⁴⁴ Ertinya: Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya-lah kami kembali. kalimat ini dinamakan kalimat *istirjaa* (pernyataan kembali kepada Allah). Disunatkan menyebutnya waktu ditimpa marabahaya baik besar maupun kecil.

azam yang kuat. Bila sabar dan azam yang kuat bergabung nescaya kita tidak akan gentar untuk menghadapi segala ujian.⁴⁵

g) Tidak Takbur

Firman Allah:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي
الْأَرْضِ مَرَحًا ^ط إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ
مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

(Surah Luqman 31:18)

Maksudnya:

“ Dan janganlah engkau memalingkan mukamu kerana memandang rendah kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membangga diri.”

⁴⁵ Junaid al-Baghdadi (t.t.), *op.cit.*, h. 44-45.

Untuk mendidik anak-anak agar menjadi orang yang disukai ramai sebab akhlak dan peribadinya adalah dituntut. Perkara inilah yang bakal menentukan nasib anak adakah akan terus hidup dalam kemuliaan ataupun kehinaan. Kita mesti hindarkan anak dari bersifat ego, takabur, sombong, suka menghina orang, memandang rendah kepada orang lain. Kerana perkara-perkara inilah yang akan membawa kepada pecahnya ukhuwah di kalangan masyarakat hingga membawa kepada bermusuhan.⁴⁶

h) Sopan Santun Dalam Berjalan Serta Lunakkan Suara

Firman Allah:

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ
إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

(Surah Luqman 31: 19)

Maksudnya:

“ Dan sederhanakanlah langkah-langkah semasa berjalan, juga rendahlah suaramu semasa berkata-kata, sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.”

⁴⁶ *Ibid*, h. 45

Didikan yang baik bakal memberi kesan yang baik buat anak-anak. Antaranya akan lahir lah nanti buah-buah yang baik seperti sopan satun serta lunak dalam berkata-kata. Sopan santun dalam berjalan serta lunak berkata-kata akan memberi ketenangan jiwa kepada seseorang.

Beberapa pengajaran dapat diperolehi antaranya, sebelum dapat memenuhi tanggungjawab mendidik anak-anak, ibubapa hendaklah terlebih dahulu mendapat pendidikan yang sempurna. Ini adalah apa yang tersirat dalam surah Luqman ayat 12. Kerana tanpa ilmu dan pengakuan keimanan kepada Allah, ibu bapa tidak dapat menyempurnakan tanggungjawab pendidikan itu.⁴⁷

Satu perkara yang ditekankan dalam surah Luqman ayat 13 adalah nasihat pertama Luqman kepada anak kesayangannya supaya jangan mensyirikkan Allah. Ia berkaitan dengan akidah. Pendekatan Luqman di sini adalah melalui pendekatan nasihat atau *wa 'z, maw 'izah*. Al-Quran menggunakan perkataan *ya 'izuhu* (*يَعْظُهُ*), bermaksud memberi nasihat. Ia menunjukkan nasihat itu perlu dilakukan sepanjang masa kepada kanak-kanak.⁴⁸

Ayat ini juga telah menekankan bahawa konsep *maw'izah hasanah*, iaitu nasihat yang baik menjadi keutamaan dalam seruan beriman kepada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, implementasi kaedah nasihat dalam pendidikan akidah terutama kanak-kanak adalah satu langkah yang yang dituntut di dalam Islam.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 79

⁴⁸ *Ibid.*, h. 80

Manakala dalam ayat 16 dari surah Luqman pula, ditegaskan ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu. Di samping menggalakkan lahirnya akhlak yang mulia, ia juga menerangkan salah satu daripada sifat-sifat Allah Yang maha Mengetahui. Pada keseluruhannya, ayat-ayat di atas melihat pada perlu adanya pendidikan bersepadu antara pendidikan akidah, syariah dan akhlak untuk kanak-kanak. Tanpa pendidikan bersepadu kanak-kanak akhirnya akan bercelaru dalam pegangan, amalan dan akhlaknya.⁴⁹

3. Berbahas dengan cara yang baik.

Berbahas dilakukan apabila perlu sahaja. Sekiranya timbul pelbagai persoalan dari kanak-kanak, maka ibubapa sebagai pendidik haruslah bijak memberi jawapan yang betul dan tepat kepada mereka sebaliknya jangan dibiarkan soalan-soalan itu tidak terjawab dan hilang begitu sahaja. Ia hendaklah diselesaikan dengan cara yang terbaik, termasuklah dari segi sikap dan penyapaian ibubapa.⁵⁰

Justeru, kaedah atau pendekatan adalah merupakan cara bagi mencapai matlamat sesuatu pengajaran. Pengajaran akidah khususnya, pendekatan atau kaedah lain yang sesuai untuk peringkat awal kanak-kanak banyak disebutkan di dalam al-Quran secara langsung. Antaranya:

1) Pendekatan secara *Tikrar* (Pengulangan)

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid.*

Peristiwa wahyu pertama diturunkan, iaitu ketika Nabi Muhammad s.a.w. sedang beribadat di Gua Hira', tiba-tiba muncul seorang lelaki berpakaian putih iaitu malaikat Jibril a.s yang telah menjelma sebagai manusia dan menyuruh Rasulullah s.a.w. membaca⁵¹. Sebagaimana Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

Maksudnya:

*“Muhammad berkata, ‘Aku menjadi takut apabila lelaki itu muncul secara tiba-tiba. Dia berjalan ke arahku dan menyuruh aku membaca, ‘Iqra!’ (baca!). aku menjawab dalam ketakutan, ‘Aku tak tahu membaca’. Ketika itu lelaki itu memelukku dengan pelukan yang sangat kuat, hampir nyawa aku keluar dari jasad. Ketika itu hilang rasa takut aku. Lelaki itu menyuruh aku lagi, ‘Iqra!’’. Aku menjawab, ‘Aku tidak boleh membaca’. Dipeluknya aku lagi seperti pelukan yang pertama tadi. Dia menyuruh lagi, “Wahai Muhammad, baca!”. Aku jawab lagi, ‘Aku tidak boleh membaca!’. Lelaki itu berkata, ‘Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk, Dia menciptakan manusia daripada segumpal darah; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”*⁵²

Berdasarkan peristiwa dalam hadith Nabi s.a.w di atas, pendekatan yang boleh diambil di sini ialah pendekatan secara *tikrar* (pengulangan)⁵³ Pendekatan pengulangan

⁵¹Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti (1999), *Fiqh al-Sirah al-Nabawi*, c. 6. Kaherah: Dar al-Salam, h. 62. Lihat juga Zulkifli Mohd. Yusoff *et al.* (2007), *Biografi Muhammad Bin Abdullah*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd., h. 40.

⁵² Ibn Hajar al-‘As-Qalani (1998), *Fath al-Bari Bisharh Sahih al-Bukhari*, “*Kitab al-Ta’bir*”, no. hadith 6982, j. 12. Kaherah: Dar al-Hadith. h. 430

⁵³ Mohamed Ropi Ismail, Ketua Sektor Pendidikan Islam dan Moral Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Temubual pada 10 November 2007.

ini turut diakui oleh sarjana muslim yang tersohor iaitu Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*. Menurut beliau kesan daripada pengulangan sesuatu perkara akan meniggalkan pengaruh yang agak lama. Menurut beliau lagi :

*“ ...If the first and last things of a discipline are present in the mind and prevent the effects of forgetfulness, the (scholarly) habit is more easily acquired, more firmly established and closer to becoming a (true) coloring.”*⁵⁴

Kaedah atau pendekatan seumpama ini sekiranya diaplikasikan kepada kanak-kanak ibubapa tidak boleh jemu untuk bercakap secara berulang-ulang kali kepada anak-anak, sebagai contoh apabila menyuruh anak-anak sembahyang, tidak cukup dengan sekali suruh sahaja. Perlu sentiasa diulang-ulang. Begitu juga apabila menyuruh mereka melakukan perkara-perkara yang lain seperti mandi, membaca buku dan lain-lain.

Kajian mengatakan, jika dalam masa sebulan ibu bapa perlu mengulang-ulang suruhannya sebanyak 200 kali agar anak-anak sembahyang, tahap kecerdikan atau IQ anak-anak tersebut adalah sederhana. Jika suruhan itu sebanyak 150 kali (sekali suruhan sahaja untuk setiap waktu sembahyang), anak-anak tersebut adalah golongan anak-anak yang cerdik dan pintar.

Firman Allah :

⁵⁴ Ibn Khaldun (1980), *The Muqaddimah: An Introduction to History Ibn Khaldun*, c. 2, F.Rosenthal (terj.), New Jersey: Princeton University Press, h. 294.

وَلَا تَأْيِسُوا مِنَ رَّوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا
يَأْيِسُ مِنَ رَّوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْكَافِرُونَ

Surah Yusuf (12) : 87

Maksudnya :

“ Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir”

Ertinya dalam mendidik anak-anak, ibu bapa perlulah mempunyai kesabaran dan keimanan yang mantap. Dan apabila keimanan dan kesabaran ini dapat diterapkan ke dalam jiwa anak-anak, maka akan terbentuklah anak-anak yang soleh dan solehah.⁵⁵

Selain itu, penerimaan wahyu dalam pelbagai situasi, sama ada menerusi ilham atau terdengar suara Jibril tanpa rupanya mahupun dengan kedatangan Jibril menjelma atau bentuknya yang asal, menggambarkan suatu kaedah atau metode pengajaran. Dalam hal ini Jibril banyak memainkan peranan menerangkan dan menjelaskan kepada Rasulullah terhadap sesuatu isu. Kaedah yang pihak pengajarnya lebih banyak melibatkan diri memberi huraian, penjelasan serta penerangan ini dikategorikan sebagai kaedah syarahan dalam istilah Pendidikan Islam.⁵⁶

⁵⁵ Zulinah Hasan, Anak perhiasan hidup di dunia dan akhirat, dalam *Majalah Nur*, Mac 2003, h. 140.

⁵⁶ *Ibid.*

2) Dialog dan Soal Jawab

Kaedah soal jawab adalah satu kaedah yang diambil dari al-Qur'an. Al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s telah lengkap membekalkan perkaedahan pengajaran yang komprehensif. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang mempunyai perkaitan di antara kaedah soal jawab dengan pengajaran akidah sejak permulaan pendidikan akidah yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. melalui perantaraan Malaikat. Persoalan yang dikemukakan mengandungi tujuan tertentu.

Antara contoh-contoh ayat yang dipetik dari al-Quran mengenai kaedah soal jawab dalam pengajaran akidah ialah:

Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰئِكَةِ اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى
الْاَرْضِ خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِىْهَا مَنْ
يُّفْسِدُ فِىْهَا وَاِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰئِكَةِ
اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا
اَتَجْعَلُ فِىْهَا مَنْ يُّفْسِدُ فِىْهَا وَيَسْفِكُ
الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ

لَكَ ۖ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ



Surah al-Baqarah (2) : 30

Maksudnya:

“ Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."

Dalam ayat berikut malaikat telah bertanya kepada Allah tentang khalifah yang akan dilantik di muka bumi: ‘Mengapa Engkau hendak menjadikan Khalifah di muka bumi, orang yang akan membuat kerosakan padanya? Secara tidak langsung apabila berlakunya soal jawab ini, menyatakan pemilihan nabi Adam sebagai khalifah dari kalangan manusia, perintah Allah yang harus dipatuhi tentang perlantikan khalifah tersebut. Kaedah soal jawab ini merupakan respon terhadap kenyataan tersebut.⁵⁷

Kaedah ini juga sememangnya seringkali digunakan oleh Rasulullah S.A.W. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Umar bin al-Khattab, atau dikenali sebagai hadith Jibril. Sebagai ringkasannya hadith tersebut menjelaskan , pada

⁵⁷ Abdul Rahman Salih Abdullah (1991), *Landasan dan Tujuan Pendidikan Menurut al-Quran Serta Implementasinya*. Bandung: C.U. Diponegoro, h. 25. Lihat juga Siti Zubaidah Mohamad Ali (2005), “Keberkesanan Kaedah Soal Jawab Dalam Pengajaran Akidah” (Disertasi Fakulti Pendidikan Universiti Malaya), h. 26-27.

suatu ketika sedang Rasulullah S.A.W dikelilingi oleh para sahabat dalam sebuah majlis ilmu, tiba-tiba datang seorang lelaki yang berpakaian putih, lalu duduk di sisi Rasulullah S.A.W . Ia merapatkan lututnya ke lutut Nabi dan meletakkan dua tangannya ke atas riba Nabi, sambil bertanya mengenai Islam, Iman, Ihsan dan Hari Qiamat.

Tiap-tiap soalan dijawab oleh junjungan dengan baik dan sempurna. Sebaik sahaja selesai jawapan yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W, lelaki tersebut menghilangkan diri. Rasulullah S.A.W menjelaskan kepada para sahabat dengan sabdanya yang bermaksud :⁵⁸

*“Jibril datang kerana hendak mengajar kamu akan Din kamu”*⁵⁹

Situasi tersebut telah menggambarkan satu proses kaedah pengajaran dan pembelajaran akidah yang memberi kesan yang baik dan mendalam. Kaedah soal jawab dan dialog yang ditunjukkan dapat menambahkan lagi keberkesanan dan membantu kemahiran berfikir. Berdasarkan hadith tersebut juga, telah menunjukkan pengajaran agama iaitu pengajaran akidah tentang Islam, Iman, Ihsan dan hari kiamat melalui kaedah soal jawab. Keadaan dan tingkah laku Jibrail a.s. dalam majlis itu telah menerangkan secara tidak langsung tentang struktur pengkaedahan soal jawab adalah baik dan berkesan.

⁵⁸ Abdul Fatah Haron (2002), *Akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Kebatinan*. JAKIM : Kuala Lumpur, h. 101.

⁵⁹ Abu Zakariya bin Sharaf al- Nawawi (1999),*op.cit.*,h. 25.

Al-Quran dan hadis yang dikemukakan di atas, tidak dapat tidak dinafikan bahawa kaedah soal jawab telah digunakan dalam pengajaran akidah. Ianya merupakan suatu kaedah yang baik dan berkesan. Tetapi perlu diingat bahawa kaedah yang baik dan berkesan bergantung kepada penyampai ilmu tersebut.

Kaedah soal jawab juga telah berlaku kepada Nabi Ibrahim a.s ketika Nabi Ibrahim mengemukakan pertanyaan kepada Allah S.W.T mengenai proses menghidupkan semula makhluk yang telah mati. Persoalan ini bagi menetapkan hati dan menambah ilmu pengetahuan. Firman Allah S.W.T :

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ أَرِنِي كَيْفَ
 تُحْيِي الْمَوْتَىٰ قَالَ أُولَٰئِكَ تُؤْمِنُ ۖ قَالَ
 بَلَىٰ وَلَٰكِن لِّيَطْمَئِنَّ قُلُوبِي ۖ قَالَ فَخُذْ
 أَرْبَعَةً مِّنَ الطَّيْرِ فَصُرْهُنَّ إِلَيْكَ ثُمَّ
 اجْعَلْ عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٍ مِّنْهُنَّ جُزْءًا ثُمَّ
 ادْعُهُنَّ يَأْتِينَكَ سَعْيًا ۚ وَاعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ

عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Surah al-Baqarah (2) : 260

Maksudnya: "Dan (Ingatlah) ketika Ibrahim berkata: "Ya Tuhanku, perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan orang-orang mati." Allah berfirman:

"Belum yakinkah kamu ?" Ibrahim menjawab: "Aku Telah meyakinkannya, akan tetapi agar hatiku tetap mantap (dengan imanku) Allah berfirman: "(Kalau demikian) ambillah empat ekor burung, lalu cincanglah semuanya olehmu. (Allah berfirman): "Lalu letakkan diatas tiap-tiap satu bukit satu bahagian dari bahagian-bahagian itu, Kemudian panggillah mereka, nescaya mereka datang kepadamu dengan segera." dan Ketahuilah bahawa Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Ini bermakna kaedah soal-jawab bukan sahaja untuk menjelaskan sesuatu yang belum diketahui, malah kaedah ini juga bertujuan sebagai langkah pengukuhan dalam memahami pelajaran akidah.

Para ulama Islam juga telah menggunakan kaedah dialog dalam pengajaran dan juga proses pembelajaran mereka. Antaranya ialah Abu Hasan al-Basry, Wasil bin 'Ata', Imam Abu Hanifah dan Imam Malik. Imam al-Ghazali juga pernah menggunakan kaedah dialog dan perbincangan bagi mendalami lagi kefahaman terhadap sesuatu ilmu pengetahuan. Ibn Khaldun berpendapat kaedah dialog dapat membantu bagi memahami sesuatu ilmu pengetahuan dan menambahkan lagi kemampuan seseorang untuk menghuraikannya.

Kaedah dialog dan soal jawab ini amat sesuai digunakan dalam menanam asas-asas akidah kepada kanak-kanak, ini disebabkan kanak-kanak juga mempunyai perasaan ingin tahu dan suka bertanya. Pertanyaan mereka berbeza-beza mengikut tahap kecerdikan mereka. Ibu bapalah yang harus memainkan peranan menjawab setiap persoalan yang diajukan dengan baik dan sempurna sehingga nampak kepuasan di hati mereka. Jangan

sekali-kali ibu bapa membiarkan sahaja persoalan itu tidak terjawab, kerana peluang yang sesuai seumpama ini mungkin tidak akan datang lagi dan kesempatan yang ada berlalu begitu saja. Justeru, ibu bapa perlu mendalami ilmu-ilmu khususnya ilmu akidah sebagai bekalan untuk diri dan juga untuk mengajarkannya kepada anak-anak.

3) Rehlah (Lawatan, Pengembaraan)

Kaedah lawatan merupakan aktiviti susulan yang memberi pendedahan kepada pelajar selepas mempelajari sesuatu topik tertentu. Oleh itu, sewaktu lawatan dijalankan pelajar perlu mendapatkan perkara-perkara yang dipelajari. Kaedah ini juga membuka peluang memerhati sendiri bagaimana sesuatu itu berlaku.⁶⁰

Kaedah lawatan atau rehlah ini boleh diaplikasikan dalam pengajaran akidah sebagaimana contoh peristiwa Isra' dan Mi'raj yang berlaku kepada junjungan besar Muhammad s.a.w. Firman Allah S.W.T :

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا

⁶⁰ Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 46

الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Surah *al-Isra'* (17) : 1.

Maksudnya: "Maha suci Allah yang memperjalankan hambanya pada malam hari dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang kami berkati sekelilingnya, supaya kami perhatikan keterangan-keterangan kami kepadanya. Sesungguhnya Dia maha mendengar lagi maha melihat.

Dalam Peristiwa *Isra'* dan *Mi'raj* Rasulullah s.a.w. telah dibawa ke dalam satu misi pengembaraan bersama malaikat Jibril a.s. Sewaktu *Isra'* dan juga *Mi'raj* Rasulullah S.A.W telah diperlihatkan dengan pelbagai peristiwa menerusi penyaksian pancainderanya. Visualisasi ini diinterpretasikan semula oleh Jibril a.s. Gambaran yang jelas sebegini ternyata memberi pengalaman yang bermakna dan menguatkan lagi daya ingatan dan keyakinan Rasulullah S.A.W. Malah kaedah *rehlah* ini juga telah menjadi tradisi para *muhaddithin* dan ilmuwan Islam. Imam al-Bukhari telah mengembara dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mengumpulkan hadith-hadith sahih. Begitu juga dengan Said Ibn Al-Musayyib telah banyak melalui 'rehlah ilmu' untuk mendapat sebuah hadith.⁶¹ Imam al-Nawawi dan Imam al-Ghazali juga turut mengembara memperluas ilmu pengetahuan mereka.

Antara lain firman Allah yang menggalakkan kaedah *rehlah* ialah:

⁶¹ Muhammad 'Atiyah al- Ibrashi (1970), *op. cit.*, h. 188-191. Lihat juga 'Umar Muhammad Al- Shaybani, (1975), *op. cit.*, h. 564 -579.

Firman Allah :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ ثُمَّ أَنْظِرُوا كَيْفَ
كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

Surah al-An 'am (6) : 11

Maksudnya: “ Katakanlah: "Berjalanlah di muka bumi, Kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan itu."

Firman Allah :

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ
اعْبُدُوا اللَّهَ وَأَجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ ۗ فَمِنْهُمْ
مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ
الضَّلَالَةُ ۗ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا
كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

Surah al-Nahl (16): 36

Maksudnya: “ Dan sesungguhnya kami Telah mengutus Rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyerukan): "Sembahlah Allah (saja), dan jauhilah Thaghut⁶² itu", Maka di antara umat itu ada orang-orang yang diberi

⁶² Thaghut ialah syaitan dan apa saja yang disembah selain dari Allah s.w.t.

petunjuk oleh Allah dan ada pula di antaranya orang-orang yang Telah pasti kesesatan baginya. Maka berjalanlah kamu dimuka bumi dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul).

Firman Allah:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ
كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ ﴿٦٩﴾

Surah al-Naml (27) : 69

Maksudnya: “ Katakanlah: "Berjalanlah kamu (di muka) bumi, lalu perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang berdosa.”

Firman Allah :

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ
بَدَأَ الْخَلْقَ ۚ ثُمَّ اللَّهُ يُنشِئُ النَّشْأَةَ
الْآخِرَةَ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

Surah al-Ankabuut (29) : 20

Maksudnya: “ Katakanlah: "Berjalanlah di (muka) bumi, Maka perhatikanlah bagaimana Allah menciptakan (manusia) dari permulaannya, Kemudian Allah

menjadikannya sekali lagi⁶³. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.”

Firman Allah:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ
عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلُ ۚ كَانَ أَكْثَرُهُم
مُشْرِكِينَ

(Surah al-Rum 30 : 42)

Maksudnya: “ Katakanlah: "Adakanlah perjalanan di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu. kebanyakan dari mereka itu adalah orang-orang yang mempersekutukan (Allah)."

4) Lemah-lembut dan Kasih Sayang

Perasaan kasih sayang dan belas kasihan dalam diri seseorang muslim adalah tanda ia mempunyai hubungan yang kukuh dengan Allah. Berdasarkan maksud hadits di bawah ini menganjurkan didikan secara baik, lembut dan kasih sayang ke atas anak-anak di peringkat 0 hingga 7 tahun:

“ Anak-anak adalah tuan ketika umurnya 7 tahun....sesungguhnya, kamu (ibu bapa) telah

⁶³ Maksudnya: Allah membangkitkan manusia sesudah mati kelak di akhirat

memperbanyakkan keuzuran (dosa) kepada allah pada mereka.”⁶⁴

Berdasarkan maksud hadith di atas, anak-anak pada peringkat usia 0 hingga 7 tahun seharusnya dilayan seperti seorang tuan. Oleh itu, ibu bapa seharusnya bercakap dengan baik dan lembut kepada mereka, tidak memukul, tidak menjerit, tidak marah, tidak mengeraskan suara malahan sentiasa memberi perhatian, kasih sayang dan kemajuan kepada mereka serta memenuhi permintaan mereka secara berpatutan.⁶⁵ Inilah yang seharusnya dilakukan dalam mendidik anak-anak di peringkat usia begini.

Sekiranya pada usia sebegini melakukan sesuatu kesilapan, bersikap berlebih-lebihan atau nakal maka ibu bapa seharusnya menunjukkan sikap merajuk yang tidak lama kepadanya bukannya memukul, mendenda atau memarahinya⁶⁶

Berdasarkan hadis di atas juga, mendidik secara baik dan lembut ke atas anak-anak di dalam lingkungan usia berkenaan adalah seperti berikut:

- i) Menurut kehendak anak tetapi tidak berlebih-lebihan dan tidak pula terkurang
- ii) Menggunkan kaedah merajuk yang tidak berpanjangan (tidak lama) sekiranya mereka bersikap berlebih-lebihan, melakukan kesilapan atau nakal.⁶⁷

⁶⁴ ‘Ali al-Muttaqi (1989), Sahih. “ *Kanzu’l – ‘ummal fi sunan al-aqwal wa al-af’al*”, no.hadith 45338. j. 16. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 442.

⁶⁵ Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 204

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Ibid.*, h. 205.

Peristiwa Jibril a.s memeluk Rasulullah ketika di Gua Hira' juga boleh digambarkan sebagai peranan ibu bapa mendidik dengan kasih sayang dan menenangkan anak-anak. Dengan ini anak-anak akan lebih berkeyakinan.

Selain itu, Allah juga berfirman Allah :

﴿ ٤٤ ﴾ فُقُولَا لَهُ قَوْلًا لِّئِنَّا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Surah Taha (20) : 44

Maksudnya :

“ Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, Mudah-mudahan ia ingat atau takut”.

Firman Allah :

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Surah Ali ‘Imran (3) :159

Maksudnya:

“Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah Lembut terhadap mereka. sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Karena itu ma'afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu⁶⁸[246]. Kemudian apabila kamu Telah membulatkan tekad, Maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.”

5) Perumpamaan

Ketika Allah S.W.T. ingin menjelaskan sesuatu permasalahan yang masih menjadi kesamaran kepada sebahagian manusia tentang sesuatu perkara, Allah S.W.T. selalu menerangkannya dengan menggunakan perumpamaan supaya mudah difahami oleh manusia. Perumpamaan yang digunakan Allah jika dinilai boleh dikategorikan sebagai karya sastera yang unggul.⁶⁹

Menurut Mohd. Najib Abd. Kadir, *al-amthal* adalah ungkapan perumpamaan atau perbandingan bagi sesuatu perkara dengan sesuatu perkara lain yang telah pun diterima kenyataan dan kebenarannya serta telah tersebar penggunaannya di kalangan masyarakat. Ianya juga sebagai suara sesuatu bangsa, intipati daripada susur galur

⁶⁸ Maksudnya: urusan peperangan dan hal-hal duniawiyah lainnya, seperti urusan politik, ekonomi, kemasyarakatan dan lain-lain.

⁶⁹ Mohd. Najib Abd. Kadir (1999), “*Amthal* Dalam al-Quran Mengenai Munafiq”, *Jurnal al-Maw'izah*, j. 7, Jun 1999, h. 102.

sejarah, kehidupan dan konsepnya serta segala fenomena yang dialami oleh manusia. Ianya dipindahkan secara warisan oleh satu generasi kepada generasi yang lain.⁷⁰

Al-Razi dalam tafsirnya menyatakan bahawa tujuan penggunaan *amthal* ialah untuk memberi kesan yang lebih mendalam dalam jiwa seseorang kerana ia menerangkan perkara yang agak sembunyi kepada yang lebih jelas dan perkara yang ghaib kepada yang dapat dilihat dengan pancaindera.⁷¹

Firman Allah :

مَثَلُ الَّذِينَ أَخَذُوا مِنَ دُونِ اللَّهِ
أَوْلِيَاءَ كَمَا لَأَعْنَكَبُوتِ أَخَذَتْ بَيْتًا^ط
وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ
لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ^ط



Surah al-Ankabuut (29): 41

Maksudnya: "Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti laba-laba yang membuat rumah. dan Sesungguhnya rumah yang paling lemah adalah rumah laba-laba kalau mereka Mengetahui."

⁷⁰ *Ibid.*, h. 104-105.

⁷¹ Fakhr al-Din al-Razi (1411H/1990M), *al-Tafsir al-Kabir*, j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, h. 66.

Berdasarkan ayat di atas, Allah membuat perumpamaan kepada sesiapa yang menyembah selain Allah S.W.T. dan yang tidak memberi manfaat dan mudharat samalah keadaannya dengan rumah labah-labah yang lemah yang tidak dapat bertahan dari panas dan sejuk.⁷²

Firman Allah:

أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ
وَبَرْقٌ يَّجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ
الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ ۗ وَاللَّهُ مُحِيطٌ
بِالْكَافِرِينَ ۖ يَكَادُ ٱلْبَرْقُ يَخْطَفُ
أَبْصَرَهُمْ ۗ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَّشَوْا فِيهِ
وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا ۗ وَلَوْ شَاءَ ٱللَّهُ
لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ ۗ إِنَّا ٱللَّهُ
عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Surah al-Baqarah (2) : 19-20.

Maksudnya:

⁷² Wahbah al-Zuhayli (1998), *op.cit.*, j. 19-20. h. 240

“Atau seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit disertai gelap gulita, guruh dan kilat; mereka menyumbat telinganya dengan anak jarinya, Karena (mendengar suara) petir, sebab takut akan mati.⁷³ dan Allah meliputi orang-orang yang kafir.⁷⁴ Hampir-hampir kilat itu menyambar penglihatan mereka. setiap kali kilat itu menyinari mereka, mereka berjalan di bawah sinar itu, dan bila gelap menimpa mereka, mereka berhenti. Jikalau Allah menghendaki, niscaya dia melenyapkan pendengaran dan penglihatan mereka. Sesungguhnya Allah berkuasa atas segala sesuatu.”

Berdasarkan ayat di atas, hujan diumpamakan iman dalam al-Quran, kegelapan, guru dan petir diibaratkan perkara-perkara yang berat ke atas orang munafiq seperti solat, puasa, jihad dan menurut perintah Rasulullah s.a.w. Apabila perkara-perkara ini diabaikan mereka, maka mereka tidak mendapat apa-apa habuan malah mereka mendapat azab dari Allah. Yang dimaksudkan dengan firman Allah (كَلَّمَا أَصْأَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ) apabila mendapat sesuatu yang memberi manfaat kepada mereka seperti mendapat perlindungan dari segi harta benda, jiwa raga, harta rampasan dan sebagainya maka mereka berminat untuk menjadi orang beriman dan (وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا) bilamana mereka tidak mendapat apa-apa faedah dan kepentingan maka mereka membenci Islam dan ajarannya dan tidak mahu beriman. Inilah sifat-sifat orang munafiq.⁷⁵

6) Bercerita

⁷³ Keadaan orang-orang munafik itu, ketika mendengar ayat-ayat yang mengandung peringatan, adalah seperti orang yang ditimpa hujan lebat dan petir. Mereka menyumbat telinganya karena tidak sanggup mendengar peringatan-peringatan al- Quran itu.

⁷⁴ Maksudnya pengetahuan dan kekuasaan Allah meliputi orang-orang kafir.

⁷⁵ Fakhr al-Din al-Razi (1411H/1990M), *op.cit.*, j. 2, h.71.

Bercerita⁷⁶ juga merupakan pendekatan yang terbaik dalam usaha memberi pemahaman berkaitan pendidikan akidah untuk kanak-kanak. Olahan dan huraian yang baik mampu merangsang minat dan minda kanak-kanak. Penceritaan mengenai kisah-kisah teladan, nikmat yang terdapaat dalam syurga, azab yang akan menimpa manusia melanggar perintah Allah dan sebagainya ini dapat memberi pengajaran kepada kanak-kanak. Penerapan akidah melalui pendekatan ini adalah mudah dan sesuai dengan peringkat umur mereka. Firman Allah:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا
 أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ وَإِن كُنْتَ
 مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الْغَافِلِينَ ﴿٣﴾

Surah Yusof (120) : 3

Maksudnya:

“ Kami menceritakan kepadamu kisah yang paling baik dengan mewahyukan al-Quran Ini kepadamu, dan Sesungguhnya kamu sebelum (Kami mewahyukan) nya adalah termasuk orang-orang yang belum Mengetahui.”

Firman Allah:

فَأَقْصِبْ قَصَصَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾

⁷⁶ Nazihah Mohd. Fauzi (2005), “Penerapan Nilai-nilai Akidah Dalam Pendidikan Anak-anak Dari Peringkat Sebelum Baligh: Analisis Terhadap Pemikiran Dan Pengalaman Pensyarah Bahagian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya” (Latihan Ilmiah, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h.73.

Maksudnya:

“ Maka Ceritakanlah (kepada mereka) kisah-kisah itu agar mereka berfikir.”

7) Nyanyian dan Muzik

Satu kajian terperinci oleh Universiti Harvard mendapati bahawa tempoh proses pembelajaran bagi kanak-kanak bertambah mudah apabila mereka belajar muzik. Keadaan yang sama berlaku pada orang dewasa apabila mereka mendengar muzik-muzik tertentu, termasuk Mozart. Sebilangan pakar mendakwa bahawa hanya dengan mendengar muzik mampu mengembangkan satu ingatan ketika sedang belajar sesuatu objek yang membabitkan irama dan rentak seperti mengeja, berpuisi dan belajar bahasa asing.⁷⁷

Muzik juga dikatakan mampu mempengaruhi watak dan tingkahlaku seseorang. Hal ini pernah diutarakan oleh Aristotle (384-322 S.M) yang berpendapat bahawa muzik boleh menghasilkan pelbagai emosi dengan melodi dan irama. Muzik baginya mampu membentuk perangai dan watak individu yang tertentu.⁷⁸

⁷⁷ Utusan Malaysia, Ogos 29, 2002: 6. “ Muzik Merangsang Proses Pembelajaran”.

⁷⁸ Dr. Sulaiman Noordin (1991), “Muzik Rock Suara Membangun Atau Perosak”, Al-Islam Dis 1991, UKM : Pusat Pengajian Umum, h. 21.

Menurut Dr. Howard Hauson, bekas pensyarah sekolah muzik Eastman di University of Rochester, muzik boleh menyegarkan dan meninggikan hemah. Ia berpengaruh untuk kebaikan dan keburukan.⁷⁹

Frank Wilson yang merupakan seorang ahli neurologi di California, mengatakan bahawa muzik bukan sahaja menyedapkan telinga bila memdengarnya tetapi juga boleh meluaskan fikiran dengan menolong memajukan otak, “*good for one’s health because it refines and developes the brain and the neuromuscular system*”.⁸⁰ Alasannya ialah bahawa otak manusia ada kesediaan dan kemahiran menganalisa bunyi-bunyian:

*..in the human brain, the dominant temporal lobe is geared to musical abilities and has becomes highly specialised in analysing and processing sound.*⁸¹

8) Qudwah Hasanah

Metode *qudwah hasanah*⁸² adalah salah satu pendekatan yang boleh membantu ibubapa mendidik anak-anak. Anak-anak mudah untuk meniru tindak tanduk dan gerak geri insan yang paling hampir dengan dirinya. Oleh itu, ibubapa perlulah menunjukkan contoh teladaan yang baik kepada anak-anak agar mereka membesar dan terdidik dalam suasana yang baik dan terpelihara dari segala perkara keji dan mungkar. Ketika menghadapi sesuatu musibah dan kekecewaan, ibubapa perlu bijak menanganinya dengan baik serta memberi pengajaran kepada anak-anak. Ini boleh diterap dengan menanam rasa kehambaan dan redha dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah.

⁷⁹ *Ibid.*, h. 21.

⁸⁰ *The Star*, Julai 16, 1986: 25 “Make Music and Develop The Brain”.

⁸¹ *Ibid.*

⁸² Nazihah Mohd. Fauzi (2005), *op.cit.*, h. 74

Pengucapan *istighfar*, pujian dan kesyukuran kepada Allah seperti *al-hamdulillah*, *masha Allah*, *subhana Allah* dan *astaghfirullah* hendaklah dibiasakan dengan diungkapkan di bibir ibubapa supaya ia menjadi contoh teladan kepada kanak-kanak.

Firman Allah :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ
حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Surah al-Ahzab (33) : 21

Maksudnya:

“ Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”

Firman Allah :

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ
وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَّاءُ
مِّنْكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ
كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةُ

وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَحَدُّهُ
 إِلَّا قَوْلَ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ
 وَمَا أَمْلِكُ لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ
 رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا وَإِلَيْكَ
 الْمَصِيرُ

Surah al-Mumtahanah (60) : 4

Maksudnya : Sesungguhnya Telah ada suri tauladan yang baik bagimu pada Ibrahim dan orang-orang yang bersama dengan Dia; ketika mereka Berkata kepada kaum mereka: "Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dari daripada apa yang kamu sembah selain Allah, kami ingkari (kekafiran)mu dan Telah nyata antara kami dan kamu permusuhan dan kebencian buat selama-lamanya sampai kamu beriman kepada Allah saja. kecuali perkataan Ibrahim kepada bapaknya⁸³: "Sesungguhnya Aku akan memohonkan ampunan bagi kamu dan Aku tiada dapat menolak sesuatupun dari kamu (siksaan) Allah". (Ibrahim berkata): "Ya Tuhan kami Hanya kepada Engkau lah kami bertawakkal dan Hanya kepada Engkau lah kami bertaubat dan Hanya kepada Engkau lah kami kembali."

Firman Allah:

⁸³ Nabi Ibrahim pernah meminta keampunan bagi bapanya yang musyrik kepada Allah : Ini tidak boleh ditiru, kerana Allah tidak membenarkan orang mukmin meminta keampunan untuk orang-orang kafir (lihat surat Al- Nisa' ayat 48).

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن
 كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ ۖ وَمَن
 يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴿٦﴾

Surah al-Mumtahanah (60) : 6

Maksudnya: “Sesungguhnya pada mereka itu (Ibrahim dan umatnya) ada teladan yang baik bagimu; (yaitu) bagi orang-orang yang mengharap (pahala) Allah dan (keselamatan pada) hari kemudian. dan barangsiapa yang berpaling, Maka Sesungguhnya Allah Dia-lah yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

9) Bermain

Pendidikan secara bermain dan bergurau juga wajar dilaksanakan. Tetapi tidak pula ibubapa bermain-main dan bergurau dengan anak-anak hingga melampaui batas dan berlarutan hingga meninggalkan ibadah wajib. Sebagaimana Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“ Bermainlah dengan kanak-kanak selama 7 tahun, disiplinkan mereka selama 7 tahun dan berkawanlah dengan mereka selama 7 tahun.”

Menurut Tengku Sarina Aini, tujuh tahun pertama merupakan peringkat awal kanak-kanak yang mementingkan permainan sebagai proses awal untuk mereka memasuki dunia pengajaran dan pembelajaran. Menerusi permainan, kanak-kanak

sebenarnya sedang berusaha untuk berinteraksi, memahami dan meneroka dunia interaksi sosial mereka.⁸⁴

Peringkat tujuh tahun kedua pula adalah peringkat ketika kanak-kanak berumur antara 7-14 tahun. Peringkat ini ialah peringkat terakhir dunia mereka sebagai seorang kanak-kanak. Pada peringkat ini mereka bersedia sepenuhnya untuk memasuki dunia pengajaran dan pembelajaran yang lebih serius dan sistematik.

Manakala peringkat tujuh tahun yang ketiga adalah peringkat ketika kanak-kanak ini berusia 14-21 tahun. Peringkat ini adalah peringkat kemuncak zaman remaja bagi seorang kanak-kanak. Zaman ini merupakan zaman transisi yang penuh dengan cabaran dan godaan bagi seorang kanak-kanak. Mereka mula berperasaan yang tidak konsisten, inginkan pembaharuan dan kebebasan, pertumbuhan yang tidak seimbang sama ada dari sudut emosi ataupun fizikal. Pada peringkat ini nabi menasihatkan ibu bapa supaya melayan anak-anak seperti seorang kawan yang dewasa. Berkawan dengan anak pada masa ini menyediakan mereka peluang kehidupan yang lebih selamat, emosi yang lebih terjain, merasa diri mereka dihargai dan disayangi seterusnya menyediakan mereka peluang untuk berdikari dan bertanggungjawab dalam hidup.⁸⁵

Rasulullah s.a.w. sendiri pun mencari masa untuk bermain , bergurau dan bermesra dengan isteri, anak-anak dan cucu baginda. Seinggakan ketika baginda solat

⁸⁴ Tengku Sarina Aini (2006), "Pengajaran Dan Pembelajaran Kanak-kanak Dari Perspektif Islam", dalam Nor Raudhah Hj. Siren *et al.*, *Dakwah Islam Semasa Konsep Dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 96.

⁸⁵ *Ibid.*, h. 97

cucunda baginda Sayyidina Hassan r.a pernah memanjat belakang baginda ketika baginda sujud. Baginda membiarkannya sehingga baginda sujud begitu lama sekali sehingga cucu baginda turun.⁸⁶

Sebagaimana yang diceritakan oleh Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq, “ Pada suatu hari, Rasulullah s.a.w. sedang bersembahyang bersama-sama kami. Tiba-tiba datang Hassan kepada beliau ketika beliau sedang sujud. Ketika itu Hassan masih kecil benar. Lalu Hassan memanjat ke atas belakang Rasulullah s.a.w. (yang sedang sujud) dan pada ketika yang lain memanjat ke atas lutut beliau. Rasulullah s.a.w. mengangkatnya dengan perlahan-lahan dan lembut. Setelah sembahyang selesai dikerjakan, maka para sahabat bertanya kepada beliau, “Wahai Rasulullah, tuan melakukan terhadap anak ini sesuatu yang belum pernah tuan lakukan terhadap sesiapaupun.” Rasulullah s.a.w. menjawab, “Dia adalah buah hatiku.”⁸⁷

Ya’la bin Murrah pula bercerita, “ Kami pernah menghadiri undangan jamuan makan bersama-sama Rasulullah s.a.w. Tiba-tiba beliau terpandang kepada Hassan yang sedang bermain-main di atas jalan. Cepat-cepat Rasulullah s.a.w. menghampirinya dan beliau terus membentangi kedua-dua tangannya untuk bergurau menghalang Hassan yang terus lari ke sana ke mari (kerana Rasulullah s.a.w. mengejar dan mahu menghalangnya itu). Rasulullah s.a.w. mengajaknya bermain sehingga Hassan tertawa-tawa gembira. Kemudian Rasulullah s.a.w. menangkapnya dan terus mendukungnya di perut baginda

⁸⁶ Tarikuddin Hj. Hassan (2008), *Sejarah Dua Cucunda Rasulullah s.a.w. Sayyidina Hasan Dan Sayyidina Husein*. Johor : Perniagaan Jahabersa, h. 15. Lihat juga Muhammad Nur Suwaid (1998), *op.cit.*, h. 347.

⁸⁷ *Ibid.*

dengan sebelah tangan baginda memegang Hassan dan sebelah lagi menggosok-gosok rambut cucu baginda itu.”⁸⁸

10) Logik Akal

Pendekatan menggunakan logik akal⁸⁹ kepada kanak-kanak juga adalah metode yang sesuai digunakan dalam proses menerapkan asas-asas akidah. Pada peringkat ini, kanak-kanak amat berminat berfikir dan akan berfikir mengikut kerangka logik akal. Sebagai contoh, bagaimana cara untuk menerangkan kepada anak-anak tentang kewujudan Allah S.W.T.? Perumpamaan yang bernas serta menggunakan pancaindera akan memudahkan mereka berfikir dan menerima sesuatu perkara. Walaupun begitu, metode logik akal ini perlulah ditambah dengan dalil-dalil lain setelah kanak-kanak meningkat matang dan mampu berfikir dengan lebih baik.

11) Melalui al-Quran

Al-Quran merupakan kitab panduan yang lengkap dan menjadi sumber rujukan utama umat Islam. Pendidikan akidah melalui al-Quran adalah cara yang mudah dan berkesan ke dalam jiwa kanak-kanak. Proses mendidik ini boleh dilakukan ketika kanak-kanak mula belajar membaca al-Quran. Dengan menghuraikan ayat-ayat al-Quran yang

⁸⁸ Tarikuddin Hj. Hassan (2008), *op.cit.*, h. 15

⁸⁹ Nazihah Mohd. Fauzi (2005), *op.cit.*, h. 74.

mudah seperti kalimah Basmalah sudah memadai bagi peringkat umur kanak-kanak yang baru mula mengenal Allah.⁹⁰

Kaedah dan pendekatan lain yang digunakan oleh semua ibubapa adalah menghantar kanak-kanak ke sekolah. Sistem sukatan berkaitan pendidikan akidah di sekolah-sekolah agama sekarang sudah agak lengkap dan sedikit sebanyak dapat membantu ibubapa mendidik anak-anak khususnya dalam pendidikan akidah.

Salah satu pendekatan yang sering diterapkan dalam masyarakat Melayu kini ialah pendekatan menakutkan kanak-kanak dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan roh seperti hantu, pontianak, penunggu dan sebagainya. Pendekatan ini akan menyebabkan akidah kanak-kanak terpesong dan dalam sedar atau tidak boleh menjurus kepada ajaran sesat. Tidak dapat dinafikan perkara tersebut sudah menjadi tradisi dan budaya dalam masyarakat kini. Tujuan asal ibubapa untuk menakutkan kanak-kanak supaya dapat mengawal tindakan mereka tetapi akhirnya akan menyebabkan kanak-kanak sentiasa merasa takut dan tidak ada keyakinan dalam diri sendiri.

4.4.2 Pendekatan al-Sunnah

Menurut pendapat Muhammad Nur Abdullah Hafiz Suaid, terdapat lima perkara asas dalam pendidikan akidah untuk kanak-kanak mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. Asas tersebut ialah:

⁹⁰ Nazihah Mohd. Fauzi (2005), *op.cit.*, h. 75

1. Mengajar Kanak-kanak Dengan Kalimah Tauhid⁹¹

Al-Hakim meriwayatkan dari Ibn ‘Abbas r.a. dari Nabi Muhammad s.a.w. bahawa baginda bersabda yang bermaksud:

افتحوا على صبيانكم أول كلمة لا اله الا الله

“ Bacakanlah kepada anak-anak kamu kalimah pertama dengan La Ilaha Illallah (Tidak ada Tuhan selain Allah)”

Seperti yang diketahui, kalimah shahadah adalah kalimah pertama yang didengari oleh kanak-kanak selepas kelahiran mereka melalui amalan azan dan iqamah. Laungan azan dan iqamat yang dilaksanakan ini merupakan langkah pertama dalam proses mendidik akidah anak-anak.

Dua kalimah shahadah adalah tanda keislaman seorang hamba iaitu melalui penyaksian kepada keEsaan Allah serta penyaksian terhadap nabi Muhammad s.a.w. sebagai utusan Allah.⁹² Kalimah shahadah adalah kunci kepada pintu Islam dan mereka yang mengucapkannya dengan penuh keyakinan maka ditaklifkan ke atasnya segala hukum syariat yang telah ditetapkan oleh Islam.

Sesungguhnya Iman dan Islam itu tersimpul dalam dua kalimah shahadah. Semua amalan Iman dan Islam adalah untuk mentahqiqkan dua kalimah shahadah dalam hati

⁹¹ Muhammad Nur Suwaid (1998), *op.cit.*, h. 95.

⁹² Mahmud Shaltut (1980), *al-Islam: ‘Aqidah wa Shari’ah*. Kaherah: Dar al-Shuruq, h. 18.

seseorang muslim. Ia menjadi permulaan kehidupan sebagai muslim dan penyudah selepas kematian.⁹³

Sayyid Qutb pula dalam kitabnya *Manhaj Hidup Muslim*, dengan mengucapkan kalimah shahadah, seseorang akan mengalami perubahan yang besar dalam dirinya.⁹⁴ Dari seorang kafir berubah menjadi muslim. Dari seorang yang kotor menjadi seorang yang suci. Jelas, menunjukkan bahawa dua kalimah shahadah merupakan pra syarat dalam kesempurnaan akidah dan iman seseorang. Ia juga merupakan kewajipan kepada setiap mukallaf untuk mengucapkan kalimah ini setelah mencapai umur baligh.⁹⁵

2. Menanam rasa cintakan Allah, memohon pertolongan hanya daripadaNya, menghampirkan diri kepadaNya dan menanam iman dengan qada' dan Qadar.⁹⁶

Kanak-kanak perlu dididik dan disemai perasaan cintakan Allah. Selain itu, ibubapa perlu memupuk ke dalam jiwa kanak-kanak bahawa hanya Allah sahaja tempat yang terbaik untuk meminta pertolongan di samping menghampirkan diri kanak-kanak denganNya melalui zikir-zikir yang mudah dan mengajar anak-anak membaca al-Quran. Ibubapa juga perlu menyemaikan keyakinan dalam diri kanak-kanak bahawa segala yang

⁹³ Abdul Hadi Awang (1988), *Muqaddimah Aqidah Muslim*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, h. 52.

⁹⁴ Al-Sayyid Qutb dan Sayyid Abu al-A'la al-Maududi (1985), *Manhaj Hidup Muslim*, Hafid Muhammad Uthman, *et al.*(terj.), Selangor: Dewan Pustaka Fajar, h. 38.

⁹⁵ Abdullah Irwani (1988), *Asas-asas Akidah Islam*, Abdul Majid Abdullah (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 45.

⁹⁶ *Ibid.*, h. 100.

terjadi sama ada berupa nikmat, kaya, miskin, suka, duka dan kecewa merupakan qada' dan qadar Allah.

Perlu diterangkan kepada anak-anak setiap yang berlaku adalah dari ketentuan Allah dan manusia tidak akan rugi walau dalam apa keadaan sekalipun. Ini kerana setiap yang diberikan kepada manusia adalah ujian dan pinjaman semata-mata.⁹⁷ Walaupun begitu, ibubapa perlulah bijak dalam menerangkan hal-hal sedemikian. Anak-anak perlu dibiasakan dengan ucapan-ucapan seperti mengucap kesyukuran, *istighfar*, pujian dan sebagainya supaya bibit-bibit keyakinan terhadap qada' dan qadar mula terbina di dalam jiwa mereka.

3. Menyemai rasa cintakan Nabi s.a.w. dan ahli keluarga serta para sahabat Baginda.⁹⁸

Kanak-kanak perlu dididik dan menyemai rasa cintakan Nabi, ahli keluarga serta para sahabat. Ini adalah proses menguatkan akidah dan iman mereka. Al-Tabrani meriwayatkan dari Ali r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“ Didiklah anak-anak kamu paada tiga perkara: mencintai Nabi, mencintai ahli bait dan membaca al-Quran ”

Perasaan ini dapat dipupuk dengan membacakan kisah kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. dan mengajar kanak-kanak akan sunnah Nabi dalam kehidupan seharian.

⁹⁷ Wan Zailan Kamarudin Wan Ali, Pensyarah Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya. Temubual pada 27 Mei 2009.

⁹⁸ Abdullah Irwani (1988), *op.cit.*, h. 150

4. Mengajar kanak-kanak membaca al-Quran

Al-Quran merupakan kitab utama yang menjadi sumber rujukan akidah Islam dan ia kekal sepanjang zaman dan sesuai setiap masa dan tempat. Isi kandungannya meliputi semua aspek kehidupan. Kanak-kanak perlulah diajar membaca al-Quran sejak kecil. Kanak-kanak juga digalakkan mengahafal al-Quran ketika berusia di antara tujuh hingga sepuluh tahun. Jelas menunjukkan di sini kepentingan al-Quran di dalam kehidupan kanak-kanak masa akan datang. Sewajarnya dididik dan diajar seawal mungkin.⁹⁹

5. Pengukuhan akidah dan semangat pengorbanan di dalam diri kanak-kanak¹⁰⁰

Akidah yang telah disemai dan dipupuk sejak kecil pada kanak-kanak perlulah diperkukuhkan dan dimantapkan lagi dengan ilmu dan beberapa amalan lain sesuai mengikut peringkat umur mereka. Semangat jihad juga perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak agar mereka sentiasa istiqamah. Ibubapa juga digalakkan membaca kisah kanak-kanak yang boleh dijadikan contoh kepada kanak-kanak seperti kisah *Ghulam al-Ukhduh*.

⁹⁹ *Ibid.*, h. 181.

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 203

4.4.3 Pendekatan Sarjana Islam

Dalam bab ini juga, penulis akan mengupas pendekatan pengajaran akidah menurut tokoh sarjana Islam iaitu seorang tokoh ulama' silam Imam al-Ghazali dan seorang tokoh zaman moden iaitu Abdullah Nasih al-Ulwan.

4.4.3.1 Pendekatan al-Ghazali.

Al-Ghazali merupakan salah seorang ulama yang begitu mengambil berat berkenaan persoalan pendidikan untuk kanak-kanak. Beliau banyak menulis buku dalam bidang pendidikan terutama pendidikan akhlak. Di samping pendidikan akhlak, al-Ghazali juga menyuarakan idea berkaitan pendidikan akidah untuk kanak-kanak. Buku beliau yang terkenal ialah *Ihya' 'Ulum al-Din*. Di dalam buku ini, al-Ghazali membicarakan metode pendidikan akidah untuk kanak-kanak. Buku beliau yang lain yang ada kaitan dengan pendidikan untuk kanak-kanak ialah *Ayyuha al-walad*. Justeru itu, berdasarkan buku-buku tersebut penulis mengambil peluang untuk memanfaatkan idea-idea beliau di dalam memantapkan lagi proses pendidikan akidah untuk kanak-kanak.

Pendekatan yang disarankan oleh al-Ghazali tersebut dalam kitab *Qawa'id al 'Aqa'id*, iaitu salah satu kitab yang terdapat dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*. Al-Ghazali menjelaskan bahawa pendekatan pendidikan akidah yang mesti diajarkan kepada kanak-

kanak dan orang awam itu ialah dengan cara semua selok-belok isi kandungan akidah itu mestilah diterapkan melalui empat tahap¹⁰¹ berikut:

1. Mestilah dimulai dengan menghafaz (menghafal kandungan akidah semata-mata)
2. Kemudian apabila ia sudah besar, kanak-kanak diajar memahami kandungannya sedikit demi sedikit. iaitu dengan dibentuk kefahaman menerusi cara mendedahkan pengertian isi kandungan akidah tersebut sedikit demi sedikit.
3. Setelah itu diiktikadkan dengan penuh kepercayaan, iaitu kanak-kanak mendalami dan menghalusi isi kandungannya sehingga terbentuk akidah dalam diri kanak-kanak itu.

Akidah yang masuk dalam diri kanak-kanak itu adalah berbentuk kepercayaan atau pegangan dan keyakinan, serta pengakuan atau penerimaan realiti dan kebenaran yang ada dalam akidah itu. Dengan kata lain, pada peringkat permulaan adalah secara hafalan, diikuti dengan fahaman dan selepas itu berpegang dengan akidah itu dan membenarkan apa yang terkandung di dalamnya.¹⁰²

Pendidikan akidah seperti ini membolehkan akidah dipelajari tanpa menggunakan dalil. Menurut al-Ghazali, antara kelebihan atau kurniaan Allah kepada kanak-kanak adalah mereka dapat menerima akidah tanpa perlu menggunakan hujah atau dalil akal. Ia

¹⁰¹ Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Al-Ghazali (1998), *op.cit.*, h. 125-126.

¹⁰² *Ibid.*, h.125

sama sekali tidak perlu dipakai. Penggunaan dalil hanya membebaskan dan tidak perlu pada peringkat awal.¹⁰³

Al-Ghazali berpendapat, ilmu itu boleh diperoleh dan juga dipindahkan. Baginya, pendekatan pada peringkat kanak-kanak berbeza dengan peringkat-peringkat yang lain. Kanak-kanak secara fitrah dapat menerima sesuatu tanpa perlu dalil akal bagi menyokongnya. Apa yang perlu adalah kanak-kanak dapat disemai dengan akidah itu. Kanak-kanak dalam konteks ini memperoleh ilmu daripada perpindahan yang dibuat daripada seseorang atau masyarakat dalam diri kanak-kanak itu. Ia membawa kebaikan kepada kanak-kanak itu sendiri dan begitu juga ibu bapa dan masyarakat.

Pendekatan saranan al-Ghazali di atas, walaupun nampak *simple* dan tidak ada apa yang luar biasa, kalau diperincikan secara teliti ternyata bahawa ia membabitkan suatu persoalan serius, di mana dua tahap utama dalam diri manusia menjadi terbabit secara langsung. Tahap-tahap tersebut ialah, pertamanya tahap ingatan mental dan kefahaman mental di satu pihak, dan keduanya tahap kepercayaan serta keyakinan dalam diri di pihak yang lain.

Tahap pertama itu (menghafaz) tidak begitu sukar untuk diperolehi oleh seseorang manusia yang normal, asalkan sahaja orang berkenaan sanggup memberikan sedikit waktu kepada hal-hal akidah, misalnya mengikuti kelas-kelas formal di sekolah atau mendengar dengan teliti penerangan-penerangan dalam majlis-majlis tertentu. Namun

¹⁰³ Abdul Salam Yussof (2003), *Imam al-Ghazali : Pendidikan Berkesan*, Kuala Lumpur : Utusan Publication Sdn. Bhd., h. 132. Lihat juga Abdul Salam Muhammad Shukri (2003), *op.cit.*, h. 87.

tahap ini tidak menjanjikan apa-apa kepastian bahawa pemiliknya akan bertindak mengikut apa yang difahami atau dihafaznya, kerana kalangan orientalis misalnya, yang memahami dengan jelas tentang akidah Islam, adalah juga berada pada tahap ini.¹⁰⁴ Walaupun begitu tahap ini tetap juga merupakan satu tahap yang cukup penting kerana ia berfungsi sebagai mukaddimah atau meminjam ungkapan al-Ghazali sendiri bagaikan peringkat kerja “menabur biji benih”¹⁰⁵ kepada tahap kedua yang akan persoalan kepercayaan dan keyakinan yang terpahat kukuh lagi mendalam dalam diri seseorang.

Al-Ghazali mengkhususkan metode hafalan kerana beberapa sebab iaitu:

1. Metode hafalan hampir menjadi metode dasar pengajaran pada tahap yang berdasarkan atas hafalan al-Quran.
2. Dalam pemikiran pendidikan semasa, hafalan menjadi bulan-bulanan serangan yang sengit.
3. Akibatnya, pemikiran pendidikan semasa melihat metode ini sebagai suatu kemunduran. Dengan pemahaman ini, jumlah penghafal al-Quran pada saat ini semakin berkurang di dunia Islam, dan ini menunjukkan bahawa serangan

¹⁰⁴ Zakaria Stapa (2001), *op.cit.*, h. 88

¹⁰⁵ Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Al-Ghazali (1998), *op.cit.*, j. 1. h. 162.

kuat atas metode hafalan direncanakan sebagai serangan terhadap al-Quran, kemudian datang psikologi untuk melayani rencana ini.¹⁰⁶

Berbeza dengan kanak-kanak, di mana menurut al-Ghazali kanak-kanak menerima pendidikan daripada ibu bapa dan para guru secara ikutan atau *taklid* dan ajaran atau *talkin* semata-mata. Mereka menerima apa sahaja yang disampaikan kepada mereka. Kanak-kanak tidak mungkin dapat mengingkari akidah itu kerana semua kepercayaan yang mereka perolehi hanya melalui cara ajaran dan ikutan semata-mata. Menurutya lagi, akidah yang tertanam dalam diri kanak-kanak sama daripada sudut kekuatannya dengan akidah yang dimiliki oleh masyarakat umum. Tidak mudah tercabut akidah yang sudah dipegang oleh seseorang individu kecuali dirinya sendiri yang mencabutnya.

Bagaimanapun, al-Ghazali mengakui kelemahan akidah yang yang diterima secara ikutan atau ajaran terutamanya pada kanak-kanak dan orang awam. Pendidikan akidah yang sditerima mungkin tergugat apabila mereka dosogok dengan ajaran lain yang bertentangan. Ini kerana akidah yang ada pada mereka hanya sekadar ikutan dan ajaran berdasarkan pengaruh ibu bapa dan guru. Demi menjaga akidah itu, ia perlu diperkuatkan agar sehati dalam diri kanak-kanak itu dan akidah yang dipegang tidak terpesong.

Tahap kedua dalam proses penerapan pendidikan akidah seperti yang dicatatkan di atas memerlukan kepada pendekatan yang tersendiri untuk menjamin ia menjadi

¹⁰⁶ Abdul Ghani Abud (2003), *Wahai Ananda Wasiat al-Ghazali Atas Pengaduan Seorang Muridnya*. Jakarta: Iiman, h. 160.

mantap dan bertapak kukuh dalam diri seseorang. Dan sememangnya kerja-kerja pemantapan dan penebatian sesuatu kepercayaan dan keyakinan tertentu dalam diri seseorang sehingga ke tahap ia tidak mudah digugat oleh apa pun juga perkara lain yang mendatang, bukan suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Maka itu, dalam hubungan ini, al-Ghazali telah menyarankan beberapa pendekatan seperti berikut:

1. Memenuhi waktu dengan banyak membaca al-Quran serta tafsirannya, juga membaca hadith bersama dengan memahaminya;
2. Memenuhi waktu dengan banyak melaksanakan tugas-tugas ibadat;
3. Sentiasa bergaul dengan kalangan orang-orang yang soleh, iaitu dilaksanakan dengan cara sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu mereka, mendengar kata-kata mereka, melihat tingkah laku mereka yang sentiasa tunduk dan menyerah diri kepada Allah S.W.T.

Dalam hubungan dengan saranan-saranan di atas yang pelaksanaannya dianggap oleh al-Ghazali bagaikan siraman air serta taburan baja untuk menumbuh dan menyuburkan “biji benih” yang sudah sedia ada “disemai” maka beliau bermaksud bahawa penuaian sempurna kesemua saranan berkenaan akan menjadi asas kepada pertambahan kemantapan dan pengukuhan pegangan akidah dalam diri seseorang.

Dengan kata lain, beliau menyifatkan pendidikan akidah untuk kanak-kanak dengan cara hafalan adalah seperti menabur benih di tanah untuk ditanam. Apabila sudah disemai, ia hendaklah dijaga dengan baik dengan disirami oleh air supaya ia dapat hidup subur dengan akar yang kuat. Pendidikan akidah yang diterima melalui metode yang

dikemukakan oleh beliau dengan dalil al-Quran dan hadis diumpamakan dengan siraman air supaya bijinya tumbuh membesar, subur dan teguh.

Hal yang sama dikemukakan oleh al-Quran dalam Surah Ibrahim ayat 24:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً
طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ
وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾

Surah Ibrahim (14) : 24

Maksudnya: “Tidakkah engkau melihat wahai Muhammad, bagaimana Allah mengemukakan suatu perbandingan iaitu; kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya atau akarnya tunjangnya tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat dan mendapat pelajaran.”

Jelas betapa pentingnya akidah yang benar. Ia dianggap seperti pokok yang teguh di mana hasilnya begitu tinggi. Begitu juga dengan akidah yang benar, ia memberi manfaat kepada diri kanak-kanak dan juga masyarakat.

Beliau meyakini bahawa hasil daripada pembacaan al-Quran serta telaah hadith secara berterusaan, bersama dengan tafsiran dan kefahaman yang jelas, akan menyumbang ke arah bertambah kukuhnya iktikad dan *tasdiq* dalam diri orang yang terlibat. Ini kerana, menurut beliau lagi, dalam al-Quran dan hadith banyak sekali

terdapat dalil , hujah serta bukti yang boleh memberi sumbangan untuk memantapkan keimanan atau akidah seseorang.

Selain itu, saranan pertama itu juga merujuk kepada tabiat suka membaca bahan-bahan bacaan yang berfaedah dan tentunya akan melahirkan pula masyarakat yang cintakan ilmu dan berbudaya ilmu dan mestilah dilebarkan skop cakupannya tidak Cuma tertumpu kepada bacaan al-Quran dan telaah Hadis secara literal, tetapi juga kepada pembacaan bahan-bahan kesusasteraan atau literatur semasa yang dihasilkan oleh para cendekiawan semasa yang beroleh inspirasi daripada kandungan al-Quran dan hadis.

Demikian juga apa yang diutarakan untuk kanak-kanak, iaitu mengajarnya membaca al-Quran dan mengetahui pengertiannya dengan membaca huraian atau tafsir. Begitu juga kanak-kanak diajar supaya membaca hadis-hadis Rasulullah s.a.w. beserta maknanya.

Dalam pelaksanaan tugas ibadat pula, kanak-kanak diajar supaya menunaikan amal ibadah yang diwajibkan seperti sembahyang dan juga segala tanggungjawab keagamaan. Kesemuanya dapat memperkuat akidah kanak-kanak kerana ia dapat mendengar dalil dan hujah daripada al-Quran dan keterangan hadis dan keterangan lain yang berkaitan ibadah.

Menurut beliau lagi, seseorang akan beroleh sinaran cahaya yang dapat menambahkan rasa keyakinan di dalam diri terhadap kebenaran akidah yang dipegang. Walaubagaimanapun ia tidak hanya dihadkan kepada tugas ibadat khusus sahaja, tetapi

mesti juga dirangkumkan bersama tugas-tugas ibadat umum. Dalam kata lain, ibadat mestilah diberi dan diletakkan dalam definisi atau perspektif baru sehingga diperluaskan skopnya bagi menjadikan setiap aktiviti hidup harian masyarakat sebagai satu ibadat. Maka dengan itu, semua kegiatan hidup seharian setiap individu akan menyumbangkan bibit-bibit cahaya kepada hati seperti yang dijelaskan dalam ungkapan Sayyidina Ali bin Abi Talib¹⁰⁷ :

“Keimanan itu di dalam hati nampak berupa titik-titik putih; setiap kali bertambah keimanan, maka titik-titik putih akan bertambah putih. Apabila seseorang hamba telah dapat menyempurnakan keimanannya, maka seluruh hatinya menjadi sangat putih. Sesungguhnya munafik itu nampak dalam hati berupa titik-titik hitam; setiap kali bertambah munafik itu, maka titik-titik hitam pun bertambah pula. Apabila seseorang hamba itu menjadi sempurna sifat munafiknya, maka seluruh hati menjadi sangat hitam.”

Sedangkan sikap suka bergaul dengan kalangan orang-orang soleh pula bermaksud supaya seseorang dapat mengambil contoh teladan yang baik daripada gaya hidup dan perlakuan harian kalangan orang yang rapat hubungan mereka dengan Allah S.W.T. yang tentunya mempunyai sumbangan tersendiri pula dalam proses pengukuhan akidah.¹⁰⁸ Melalui saranan ini apa yang perlu diberi perhatian kepada kanak-kanak ialah berkenaan peraturan hidup dan pergaulan kanak-kanak. Mereka hendaklah sentiasa mengikut majlis-majlis ilmu dan bergaul dengan orang-orang yang soleh. Dengan memerhati dan mendengar percakapan orang-orang yang soleh, kanak-kanak akan terdidik dengan akhlak yang baik dan ini dapat menguatkan akidah mereka. Begitu juga

¹⁰⁷ Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Al-Ghazali (1998), *op.cit.*, h. 82.

¹⁰⁸ Zakaria Stapa (2001), *op.cit.*, h. 109.

mendengar cerita dari orang-orang yang soleh, kanak-kanak dapat mengambil iktibar berkaitan kepatuhan kepada Allah.

Menurut al-Ghazali, para guru dan ibu bapa tidak perlu mendedahkan pendidikan akidah untuk kanak-kanak dengan cara perdebatan atau menggunakan dalil akal berkaitan akidah dengan sesetengah guru atau orang lain. Ini kerana, ia banyak membawa keburukan daripada kebaikan. Ia boleh menjurus kepada keraguan semata-mata dan merosakkan pegangan akidah mereka.

Melalui penggunaan metode perdebatan juga, kanak-kanak mungkin merasa takut untuk berdepan atau bertanya sesuatu masalah.¹⁰⁹ Mereka hendaklah dijauhi daripada pendekatan sedemikian. Hanya yang perlu bagi mereka adalah menerima akidah menerusi pendekatan ikutan ibu bapa dan autoriti para guru tanpa cuba membahaskan dalil-dalil akidah itu.

Pendedahan kepada pendekatan akal dalam akidah menurut al-Ghazali seperti menggunakan tukul besi untuk mengetuk batang pohon bagi tujuan menguatkannya. Perbuatan sedemikian tanpa disedari sebenarnya merosakkan pohon itu dan bukannya menguatkannya. Oleh itu, pendekatan spekulatif dalam berakidah perlu dihindari pada peringkat kanak-kanak. Menurut beliau lagi, kanak-kanak yang mendapat pendidikan akidah seperti yang dianjurkan di atas tergolong dalam golongan kebenaran dan dibalas syurga nanti.

¹⁰⁹ Abdul Salam Muhammad Shukri (2003), *op.cit*, h. 88

Kita melihat saranan-saranan ke arah pemantapan akidah yang diketengahkan oleh al-Ghazali seperti di atas mempunyai kekuatan tersendiri dan cukup relevan untuk menjadi pemangkin kepada kekentalan akidah. Justeru itu, dalam konteks masa kini, mestilah dilebih –lebarkan ruang cangkupnya, sesuai dengan zaman kini yang segala sesuatunya semakin canggih dan kompleks sifatnya, sedang planet bumi pula sudah semakin sempit; dipersempitkan oleh pencapaian teknologi telekomunikasi serta satelit.

Kesimpulannya, pelaksanaan semua pendekatan dan saranan al-Ghazali berhubung dengan pendidikan akidah bukanlah suatu perkara yang senang dan boleh diselesaikan dalam masa yang singkat. Ia tentunya memerlukan perancangan dan plan tindakan yang teliti dan malahan yang lebih utama, iltizam yang berterusan khususnya daripada kalangan mereka yang terlibat dalam kepimpinan negara.

Bagaimanapun, dalam konteks negara kita masa kini, kita melihat pendekatan dan saranan al-Ghazali tersebut mestilah dirangkakan dalam dua set untuk dilaksanakan kepada dua kumpulan sasar yang berbeza; iaitu pertama untuk dimasukkan menjadi sebahagian daripada kurikulum Pendidikan Islam dalam sistem persekolahan dan yang keduanya ialah untuk kegunaan orang awam yang barangkali pelaksanaannya boleh diserapkan ke dalam pelbagai kegiatan harian pelbagai institusi yang ada dalam masyarakat kita.¹¹⁰

Daripada perbincangan di atas dan juga kajian yang dibuat oleh Dr. HM.Zurkani Jahja berkenaan akidah menurut al-Ghazali kesimpulan utama dapat dibuat iaitu pendidikan akidah menurut beliau terbahagi kepada tiga peringkat:

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 113.

a) Peringkat Penanaman.

Peringkat penanaman akidah ini adalah peringkat yang paling penting. Menurut al-Ghazali, ia mesti berlaku kepada semua orang. Apabila setiap mukmin meyakini kebenaran akidah tanpa ragu-ragu dan ditakdirkan meninggal, maka ia dikira mukmin dan terlepas daripada azab. Bagi mencapai tahap ini, al-Ghazali menyediakan dua perkara utama, iaitu kandungan akidah itu sendiri dan metode mendidik seseorang kepada akidah itu. Isi kandungan akidah berkisar kepada kalimah syahadah, manakala metodenya mesti diperkenalkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi. Pertama, dengan hafalan isi kandungan akidah satu persatu. Kedua, isi kandungan akidah diperjelas secara beransur-ansur menurut peringkat umur dan daya pemikiran. Ketiga, apabila sudah memahaminya, hendaklah diiktikadkan di dalam hati termasuk meyakini dan membenarkan akidah itu.

b) Peringkat Pemantapan.

Peringkat ini juga penting kerana akidah secara ikutan masih belum mantap dan mungkin digugat oleh unsur-unsur luar yang negatif. Bagi memantapkan akidah secara ikutan atau *taqlid*, al-Ghazali menganjurkan metode pendidikan yang lebih meluas dan mantap. Antaranya, kanak-kanak didedahkan dengan pemahaman al-Quran dan hadis secara komprehensif meliputi pembacaan dan memahami pengertiannya. Dengan menggunakan al-Quran dan hadis, akan ada kesan psikologi dalam diri kanak-kanak.

Mereka hendaklah dihindari daripada dalil-dalil rasional pada peringkat ini kerana dikhuatiri berlaku keraguan. Terdapat bukunya yang bertajuk *Jawahir al-Quran* yang memaparkan hujah-hujah akidah berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Bagi mengelakkan akidah Islam diganggu gugat oleh anasir luar yang bertujuan merosakkan akidah Islam, al-Ghazali mengambil pendekatan defensif dan ofensif. Pendekatan defensif dikemukakan dengan mempertahankan kebenaran isi kandungan akidah dengan mematahkan hujah pihak lawan yang dianggap menggugat akidah Islam. Antara tulisannya yang terkenal ialah *Risalah al-Qudsiyyah* dan *Kitab al-Iqtisodiyah fi al-I'tiqad*. Manakala pendekatan ofensif juga digunakan, iaitu dengan menyerang idea-idea atau akidah pihak lawan. Tulisannya yang terkenal dalam pendekatan ini ialah buku *Tahafut al-Falasafah*.

c) Peringkat Penghayatan.

Peringkat ini adalah peringkat yang mana kebenaran isi kandungan akidah dihayati secara pengalaman peribadi berkaitan hakikat-hakikat ketuhanan, kenabian dan hari akhirat. Caranya adalah dengan melakukan amal secara yang berterusan dengan melakukan mujahadah diri dan sebagainya menurut cara orang-orang tasawuf.¹¹¹

Metode yang dianjurkan oleh al-Ghazali ini dapat digunakan oleh para ibu bapa dan pendidik. Kedua-duanya perlu memainkan peranan dalam menjayakan metode pendidikan akidah ini. Ia sudah pasti memberi kesan yang besar kerana diambil daripada tokoh yang disegani dan dibuat berdasarkan buah fikiran yang benar-benar matang.

¹¹¹ Dr. HM. Zurkani Jahja (1996), *Teologi al-Ghazali: Pendekatan Metodologi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 106-113.

4.4.3.2 Pendekatan ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan

Syeikh ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan telah menulis buku *Tarbiyyah al-Awlad Fi al-Islam* dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Syed Ahmad Semait dengan tajuk *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*. Menurut pandangan penterjemahnya, Syed Ahmad Semait buku ini sungguh istimewa kerana topiknya luar biasa dan perbahasannya sangat luas, menyeluruh dan meliputi segala aspek pendidikan dan pengetahuan Islam tentang pendidikan. Pendekatan yang digunakan ialah dengan memetik aspek-aspek pendidikan berdasarkan sumber autentik¹¹² iaitu al-Quran, hadith nabi serta pendapat para salaf al-soleh.¹¹³

Dalam pelbagai aspek pendidikan yang ditulis oleh Abdullah Nasih al-Ulwan, penulis hanya akan menyentuh dan menfokuskan kaedah atau pendekatan pendidikan akidah untuk kanak-kanak sahaja iaitu sesuai dengan tajuk perbincangan penulis dalam kajian ini.

Justeru, berdasarkan buku tersebut penulis akan mengetengahkan idea-idea beliau untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada para ibu bapa dan pendidik dalam mendidik akidah untuk kanak-kanak mengikut cara Islam yang sebenar.

¹¹² Menurut Kamus Dewan, autentik ialah dapat dipercayai atau dijadikan pegangan, asli dan benar (bukan palsu, rekaan dan sebagainya). Lihat Noresah Baharom (2007), Kamus Dewan, edisi 4, Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka, h. 9.

¹¹³ *Ibid.*, h. 2

Pendidikan akidah kepada kanak-kanak menurut Ulwan mestilah sesuai dengan jiwa kanak-kanak. Ini kerana setiap anak dilahirkan atas fitrah tauhid dan iman kepada Allah. Ulwan menyokong pendidikan akidah dengan mengaitkan dengan konsep fitrah dalam Islam. Beliau mengemukakan dalil al-Qur'an daripada surah al-Rum ayat 30 dalam hal ini. Firman Allah:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ اللَّهِ
الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ
لِخَلْقِ اللَّهِ ۚ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ
وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Surah al-Ruum (30): 30

Maksudnya: “.....(Turutlah terus) 'Agama Allah' iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia daripada semula lagi) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu¹¹⁴; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”.

Dalam aspek mendidik anak kepada keimanan kepada Allah, beliau mencadangkan agar ia dimulakan sejak usia *tamyiz* atau tahu membezakan yang baik dan yang buruk dalam lingkungan lima tahun hingga tujuh tahun. Bimbingan hendaklah secara berterusan dan berperingkat sehingga anak dapat mengenal ciptaan Allah menerusi

¹¹⁴ Iaitu janganlah kamu mengubah agama Allah yang berdasarkan tauhid itu kepada sebarang perbuatan syirik.

pancaindera dan terpahat dalam akal fikiran mereka. Ia hendaklah berserta dengan dalil untuk memberi kepuasan intelektual. Dengan berbuat demikian, akidah akan terpahat di dalam hati dan mereka tidak mudah dipesongkan.

‘Abdullah Nasih ‘Ulwan telah mengemukakan beberapa pendekatan mendidik anak dengan cara yang berkesan meliputi pendidikan¹¹⁵ berdasarkan:

1. Contoh teladan
2. Adat kebiasaan
3. Nasihat dan bimbingan
4. Pemerhatian dan pengawasan
5. Denda dan hukuman.

Kesemuanya amat penting dalam mendidik akidah anak-anak. Dalam aspek akidah, ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan mengemukakan teorinya berdasarkan al-Quran, hadith dan pandangan para *salaf al-soleh*. Menurutnya, setiap pendidik mesti melengkapkan anak daripada masa ia mula membesar dengan kefahaman yang berasal daripada pendidikan keimanan dan kebiasaan asas-asas Islam. Tujuannya supaya anak-anak menghubungkan diri mereka dengan Islam daripada segi ibadah dan akidah serta syariah Islam. Ia juga bagi memastikan supaya anak-anak akan hanya berpandu kepada petunjuk Islam dan al-Quran serta Sunnah Rasulullah s.a.w. dijadikan sebagai pemimpin dan teladan.¹¹⁶

¹¹⁵ ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1997), *op.cit*, h. 475

¹¹⁶ *Ibid.*, h. 476. Lihat juga ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1995), *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*, Syed Ahmad Semait (terj.), j. 2, Singapura: Pustaka Nasional, h. 177-200.

1. Contoh teladan

Contoh teladan di dalam pendidikan adalah di antara cara-cara berkesan yang banyak manfaatnya pada melengkapkan anak itu dari segi akhlak, rohani dan sosial. Sebab, pendidik itu adalah contoh teladan yang paling utama sekali pada pandangan anak. Anak akan menirunya sama ada dari hal kelakuan, percakapan dan sebagainya. Adalah mudah bagi ibu bapa untuk mendidik anak-anak tentang sesuatu kebaikan, namun sukar bagi seorang anak untuk menerima pendidikan itu apabila dia mendapati ibu bapanya sendiri tidak melaksanakan apa yang diberitahu dan diajarkan kepadanya.¹¹⁷

Anak kecil yang dapat melihat dari kedua ibu bapanya contoh teladan yang baik dalam semua perkara, dia nanti akan menghirup dasar-dasar yang baik itu dan akan mencetak dirinya dengan akhlak Islam yang mulia. Jika ibu bapa inginkan anak-anaknya terbiasa dengan kelakuan berkata benar, bersifat amanah, iffah dan rahmat serta menjauhi yang batil, maka wajiblah ibu bapa menunjukkan dirinya dengan contoh-contoh yang baik dalam melakukan kebajikan, menjauhkan diri dari kejahatan, melengkapkan diri dengan sifat-sifat yang mulia, menyingkirkannya dari sifat-sifat yang tercela, selalu menurut yang benar, membelakangi yang batil, berani mengerjakan perkara-perkara yang terpuji dan meninggalkan segala perkara-perkara yang dipandang rendah dan hina.

118

2. Adat kebiasaan

¹¹⁷ *Ibid.*, h. 141.

¹¹⁸ *Ibid.*, h. 174.

Diantara perkara-perkara yang sudah ditetapkan dalam syariat Islam, bahawa si anak itu memang difitrahkan dari sejak penciptaanNya atas dasar tauhid yang suci, juga atas dasar agama yang lurus serta iman kepada Allah;¹¹⁹ iaitu bertepatan sekali dengan firman Allah Ta ‘ala:

فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا^ج
لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ^ح ذَلِكَ الدِّينُ
الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا
يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Surah al-Rum (30): 30

Maksudnya: “..... fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui¹²⁰

Dari sinilah datang adat kebiasaan, pengajaran lisan serta tunjuk ajar dalam mendidik anak dan membesarkan atas tauhid yang suci, kelakuan yang mulia, sifat-sifat rohani yang baik serta adab-adab syariat yang murni. Di antara yang tidak akan berselisih dua

¹¹⁹ ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan (1997), *op.cit.*, h. 498. Lihat juga ‘Abdulah Nasih ‘Ulwan (2006), *op.cit.*, h. 181-182.

¹²⁰ Fitrah Allah: maksudnya ciptaan Allah. Manusia diciptakan Allah mempunyai naluri beragama iaitu agama tauhid. Kalau ada manusia tidak beragama tauhid, maka hal itu tidaklah wajar. Mereka tidak beragama tauhid itu hanyalah antara pengaruh lingkungan.

orang; iaitu apabila si anak diberikan dua kemudahan: Gejala pendidikan Islamiah yang utama bercampur-gaul yang baik, maka si anak itu, tidak syak lagi akan membesar atas dasar iman yang benar dan akan bersifat dengan kelakuan Islam, kemudian dia akan sampai ke kemuncak nilai-nilai jiwa yang baik serta budi pekerti luhur yang utama.¹²¹

Rasulullah telah bersabda yang bermaksud:

*“ Ajarkanlah anak-anak kamu itu tiga perkara : Mencintai nabi kamu, mencintai kaum keluarganya serta membaca al-Quran.”*¹²²

- Riwayat al-Thabarani

Menurut Abdullah Nasih al-Ulwan, dasar-dasar Islam dalam pembentukan anak-anak adalah berdasarkan kepada dua asas, iaitu *talqin* (pengajaran berulang-ulang dengan lisan) dan *ta'wid* (pembimbingan amali). *Talqin* ialah sudut yang nyata dalam pembetulan dan pendidikan. Manakala *ta'wid* pula ialah sudut amali dalam pembentukan dan pelengkapan.

Oleh kerana bakat kanak-kanak dan fitrahnya di dalam kedua-dua *talqin* dan *ta'wid* ini sangat besar pengaruhnya dari mana-mana umur yang lain, ataupun dari mana-mana peringkat yang lain, maka wajarlah atas para pendidik sama ada ibu bapa atau guru-guru menumpukan perhatian kepada mentalqinkan segala perbuatan yang baik serta membiasakannya dengan mengerjakan segala yang baik dari sejak dia mula berakal dan memahami hakikat-hakikat kehidupan.¹²³

¹²¹ ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1997), *op.cit.*, h. 498.

¹²² *Ibid.*, Bab al-Tarbiyyah bi al-‘Adah, h. 498

¹²³ *Ibid.*, h. 507.

Manakala dari sudut amali pula, iaitu dengan menyediakan anak-anak serta membiasakannya untuk mempercayai dari lubuk hatinya bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah. Hakikatnya anak-anak tidak akan terkesan untuk mempercayainya melainkan sesuatu yang dapat dilihat dengan mata kasarnya. Kalau begitu, hakikat yang mesti disampaikan kepada kanak-kanak ialah dengan memberitahu mereka bahawa alam ini adalah penuh dengan berbagai-bagai ciptaan Allah dan semuanya dapat dikesan oleh pendengaran dan penglihatan dan bahawasanya yang telah tercipta itu tidak mungkin terjadi dengan sendirinya. Dia mestilah ada penciptanya yang mewujudkannya iaitu Allah.¹²⁴

3. Nasihat dan bimbingan

Menurut Ulwan, cara pendidikan yang berkesan sekali dalam membentuk anak dari segi keimanannya ialah mendidik dengan memberikan bimbingan dan mengingatkannya dengan nasihat. Sebab bimbingan dan nasihat itu mempunyai kesan yang besar untuk mengenalkan anak-anak itu hakikat-hakikat benda, menolaknya kepada urusan-urusan yang penting, melengkapkannya dengan akhlak yang mulia dan menyedarkannya dengan prinsip-prinsip Islam.¹²⁵

¹²⁴ *Ibid.*

¹²⁵ *Ibid.*, h. 511

Tidak dapat diragukan lagi, bahawa bimbingan yang ikhlas serta nasihat yang berkesan itu, jika diletakkan kepada jiwa yang bersih seperti kanak-kanak, maka ia tentu cepat akan diterima dan akan memberikan kesan kepada jiwa itu.¹²⁶

4. Pemerhatian dan pengawasan

Pendidikan dengan pemerhatian dan pengawasan ialah memerhatikan anak serta mengiringnya dalam pembentukan akidah dan akhlaknya, menjaganya serta mendampingi dalam melengkapkan rohani dan jasmaninya, dan sentiasa bertanya tentang jasmani dan pertambahan ilmunya.¹²⁷

Pendidikan cara ini adalah merupakan sekukuh asas dalam membentuk seorang manusia yang sempurna dan bertimbangrasa. Dia akan menunaikan hak dari keperluan hidup, terdorong kepada menjalankan tanggungjawab-tanggungjawabnya serta tahu memerhatikan segala kewajipan dalam keadaan yang sempurna dan dalam erti kata yang baik. Dia juga akan menjadikannya seorang Muslim yang benar-benar tulen, sebagai batu asas untuk membangunkan tiang-tiang Islam yang kuat, yang dengannya akan tercapai ketinggian Islam.¹²⁸ Firman Allah:

¹²⁶ *Ibid.*, h. 208.

¹²⁷ *Ibid.*, h. 543.

¹²⁸ *Ibid.*

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ
نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا
أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Surah al-Tahrim (66) : 6

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”

Bagaimana ibu bapa hendak menyelamatkan kaum keluarga dan anak-anaknya dari api neraka, jika dia tidak memerintah, melarang, mengawas atau memerhatikan kelakuan mereka? Ini bermakna ibu bapa hendaklah mendidik keluarga dan anak-anak serta mengajar mereka dengan perkara-perkara yang baik. Ibu bapa perlu mencegah mereka mereka terhadap segala yang dicegah oleh Allah dan memerintah mereka apa yang diperintahkan oleh Allah, kerana itu semualah ibu bapa dapat menyelamatkan anak-anak dan keluarganya dari api neraka. Firman Allah:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا .

Surah Taahaa (20) :132

Maksudnya: “Dan perintahkanlah kepada keluargamu mendirikan shalat dan Bersabarlah kamu dalam mengerjakannya.”

Berdasarkan ayat di atas, ibu bapa hendaklah menyuruh anak-anak menunaikan solat apabila kelihatan mereka cuai atau malas untuk mengerjakan perintah Allah.

Dalam konteks pendidikan secara pemerhatian dan pengawasan ini juga, ibu bapa perlu memerhatikan apa yang dibaca oleh anak-anak sama ada dari buku-buku, majalah-majalah atau sebaran-sebaran umum. Sekiranya didapati bahan-bahan bacaan itu mengandungi fikiran-fikiran yang sesat, propaganda-propaganda ajaran yang salah, maka hendaklah ibu bapa segera mengambilnya dan memberitahu anak bahawa bahan bacaan itu akan merosakkan keimanannya yang suci serta keislamannya sebagai agama yang mulia.

Di samping itu juga, ibu bapa perlu memerhatikan siapakah yang dipilih untuk menjadi kawan atau teman oleh anak-anak. Sekiranya didapati bahawa kawan-kawan yang dipilihnya itu kawan-kawan buruk akhlak dan menyesatkan dari akidahnya, maka ibu bapa perlu bertindak serta merta untuk mencari kawan-kawan yang lain yang patuh serta taat kepada perintah Allah. Selain itu, ibu bapa juga perlu memerhati dan mengawasi segala tindak tanduk anak-anak sama ada yang berkaitan dengan keimanan, akhlak dan sebagainya.¹²⁹

¹²⁹ *Ibid.*, j. 2, h. 554.

5. Denda dan hukuman.

Hukuman atau denda yang dikenakan kepada kanak-kanak adalah berbeza dengan hukuman yang dikenakan kepada orang dewasa.¹³⁰ Berikut ialah cara yang diletakkan oleh Islam tentang hukuman kepada anak:

- a) Bertindak dengan lemah-lembut dan penuh kasih sayang.

Al-Bukhari telah meriwayatkan di dalam *al-Adab al-Mufrad*, sebuah hadith yang bermaksud:

“ Hendaklah anda bersifat lembut-lembut dan jangan sekali-kali bersikap keras dan jahat.”¹³¹

Muslim juga meriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy‘ari, bahawasanya Rasulullah s.a.w telah mengutusnyanya bersama-sama Mu‘adh ke Negeri Yaman, seraya berpesan kepada keduanya:

“ Hendaklah kamu mempermudah dan jangan menyukarkan serta ajarkanlah mereka dan jangan menakut-nakutkan.”¹³²

Al-Haris, Al-Tayalisi dan al-Baihaqi telah meriwayatkan yang bermaksud:

¹³⁰ *Ibid.*, h. 559.

¹³¹ *Ibid.*, h. 564.

¹³² *Ibid.*

“ Ajarkanlah mereka dan jangan mengerasi mereka, sesungguhnya guru itu lebih baik daripada seorang pengeras.”¹³³

Nabi s.a.w. sentiasa memandang berat terhadap anak-anak, sambil berbelas kasihan, berlemah-lembut dan bergurau senda dengan mereka.

b) Mengenakan hukuman di samping menjaga tabiat anak.

Anak-anak itu tentu berbeza-beza di dalam kepintaran, sikap dan penerimaan, sama sebagaimana perasaan mereka juga tidak sama antara satu sama lain. Ada yang tabiatnya cukup tenang boleh menerima apa saja, ada yang tabiatnya pertengahan dan ada yang tabiatnya keras, degil, sukar untuk tunduk. Semua ini kembali kepada keturunan dan terpengaruh dengan kesan-kesan sekitaran dan gejala-gejala pemeliharaan dan pendidikan.

Sesetengah anak cukup dengan bermasam muka saja untuk mencegahnya dari sesuatu perkara, atau untuk membetulkannya. Ada anak yang mesti dimarah dan dicerca kelakuannya sebagai hukuman ke atasnya. Ada juga yang terpaksa menggunakan rotan atau tongkat apabila ternyata tidak berguna nasihat dan bicara yang lembut atau tidak terkesan dengan marah dan cerca.

Pada sesetengah ulama' pendidikan Islam, di antaranya Ibn Sina, al-Abdari dan Ibnu Khaldun, bahawasanya tidak diharuskan menjatuhkan hukuman, kecuali pada saat-saat

¹³³ *Ibid.*

yang genting sekali dan memang perlu. Dan tidak boleh memukul, kecuali sesudah diingatkan dan diherdik atau diancam serta sesudah meminta orang lain mengingatkannya, untuk mewujudkan kesan yang perlu dalam memperbaiki anak itu serta membentuknya dari segi moral dan rohani.¹³⁴

c) Berperingkat-peringkat dalam pemulihan dari yang ringan kepada yang berat.

Hukuman yang hendak dijalankan oleh ibu bapa mestilah berlaku pada peringkat terakhir. Jadi maknanya, sebelum itu mestilah ada beberapa peringkat dari pemulihan dan peringatan yang wajib di lalui oleh ibu bapa sebelum dia menjatuhkan hukuman pukul.

Rasulullah s.a.w. telah meletakkan berbagai-bagai cara yang jelas tujuannya untuk memulihkan kesilapan anak-anak. Antaranya:

i) Menunjukkan kesalahan dengan bimbingan

Al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan daripada Umar bin Abu Salimah r.a. yang bermaksud:

“Dulu aku menjadi pembantu di rumah Rasulullah s.a.w. Ketika makan, biasanya aku menghulurkan tanganku ke perbagai-bagai penjuru.¹³⁵ Melihat itu baginda bersabda: “Hai ghulam, bacalah basmallah, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah apa yang berdekatan denganmu.”¹³⁶

¹³⁴ *Ibid*, h. 564.

¹³⁵ Najib Khalid Al’ Amir (t.t), *op.cit.*, h. 15. Lihat juga ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1997), *op.cit.*, j. 1, h. 328.

¹³⁶ Muslim (1999), *op.cit.*, no.hadith 2022, j. 13-15, h. 167.

Cuba perhatikan, betapa Rasulullah s.a.w. menunjukkan Umar bin Abu Salimah kepada kesalahannya dengan nasihat yang baik dan petunjuk yang ringkas, tetapi berkesan.¹³⁷

ii) Menunjukkan kesalahan dengan lemah-lembut

Al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan daripada Sahel bin Sa ‘ad r.a. yang bermaksud:

“ Sekali peristiwa Rasulullah s.a.w. telah dibawa kepadanya minuman, maka baginda pun minum sedikit daripadanya, sedang di kanannya ada seorang anak kecil, manakala di kirinya pula ada beberapa orang tua. Maka berkata Rasulullah s.a.w. kepada anak kecil itu : Bolehkah engkau benarkan aku memberikan minuman ini kepada mereka (yang di kiri) ? Anak kecil itu menjawab: Tidak! Demi Allah, saya tidak akan memberikan bahagian saya daripadamu kepada sesiapa pun. Maka Rasulullah s.a.w. pun menyerahkan minuman itu ke tangannya. Dan anak kecil itu tiada lain daripada Abdullah bin Abbas sendiri.”¹³⁸

Rasulullah s.a.w. mahu mengajar anak kecil itu cara-cara adab terhadap orang tua untuk memberikan haknya dalam minuman itu. Cara beginilah yang paling utama sekali. Kata baginda meminta izin dan berlemah-lembut: Bolehkah engkau benarkan aku memberikan minuman ini kepada mereka? Tetapi rupanya si anak itu enggan memberikannya dan itu memanglah wajar sekali, sebab tiada seorang pun yang akan membiarkan bahagiannya dari lebihan Rasulullah itu diberikan kepada orang lain.¹³⁹

¹³⁷ ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1997), *op.cit.*, j. 2, h. 566.

¹³⁸ *Ibid.*, h. 566

¹³⁹ *Ibid.*, h. 320.

iii) Menunjukkan kesalahan dengan isyarat

Al-Bukhari telah meriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. yang bermaksud:

“ Adalah al-Fadhhl menumpang di belakang di atas satu tunggangan bersama-sama Rasulullah s.a.w., tiba-tiba datang seorang wanita dari Khats ‘am, maka Al-Fadhhl merenung kepadanya, dan wanita itu juga merenung kepadanya dan Rasulullah s.a.w. pun memalingkan wajah Al-Fadhhl ke arah lain. Wanita itu lalu bertanya: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya fardhu haji yang diturunkan oleh Allah Ta ‘ala ke atas hamba-hambanya telah sampai kepada ayahku, malangnya dia adalah seorang yang terlalu tua sekali sekarang ini, tidak boleh lagi menumpang di atas tunggangan, apakah boleh aku berhaji untuknya? Berkata Nabi s.a.w.: Boleh! Dan peristiwa ini berlaku pada masa Hajjatul-wada’.”¹⁴⁰

Hadith di atas memperlihatkan bagaimana Rasulullah s.a.w. membetulkan kesalahan memandang kepada wanita asing, iaitu dengan memalingkan wajah Al-Fadhhl ke arah yang lain dan pengajaran ini telah memberi kesan kepada Al-Fadhhl sesudah itu.¹⁴¹

iv) Menunjukkan kesalahan dengan marah

Al-Bukhari telah meriwayatkan daripada Abu Zar r.a. yang bermaksud:

“ Aku telah memaki seorang lelaki, aku memalukannya dengan menyebut ibunya (katanya: Wahai anak Jariah hitam!), maka berkata Rasulullah s.a.w.: Wahai Abu Zar! Tak patut engkau mengatannya dengan menyebut ibunya. Sesungguhnya engkau masih terpengaruh dengan cara-cara zaman jahiliah. Hamba sahaya kamu itu adalah saudara-saudara kamu. Allah telah meletakkan mereka itu

¹⁴⁰ *Ibid.*, h. 567

¹⁴¹ *Ibid.*

di bawah kuasa kamu. Barangsiapa saudaranya berada di bawah kuasanya, maka hendaklah dia memberinya makan dari makanan yang dia makan; memberi pakai dari pakaian yang dia pakai dan janganlah kamu memaksanya membuat kerja-kerja yang dia tidak sanggup kerjakan, dan andaikata kamu suruh juga, maka hendaklah kamu sama-sama membantunya.”

Hadith ini menunjukkan Rasulullah s.a.w. telah membetulkan kesalahan Abu Zar, ketika Abu Zar mengata hamba lelakinya itu dengan warna hitamnya, dengan memarahnya dan mengherdiknya, iaitu dengan kata-kata baginda ‘Wahai Abu zar! Engkau masih terpengaruh dengan cara-cara zaman jahiliah’, padahal semua orang telah meninggalkan tabiat kaum jahiliah itu. Kemudian baginda menasihati Abu Dhar dengan cara yang sesuai dengan kedudukannya dan dengan bimbingan yang baik.¹⁴²

v) Menunjukkan kesalahan dengan memukul

Abu Daud dan al-Hakim telah meriwayatkan daripada Umar bin Syu‘iab daripada ayahnya, dariada datuknya, bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

Yang bermaksud : “ Suruhlah anak-anak kamu mengerjakan sembahyang pada usia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan sembahyang apabila telah mencapai usia sepuluh tahun dan pisahkanlah antara mereka di tempat tidur.”¹⁴³

¹⁴² *Ibid.*, h. 322.

¹⁴³ Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash’ath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddad bin ‘Amru al-Azdi al-Sajistani, *Sunan Abi Dawud*, Dicitak bersama, al-Hafiz al-Mundhiri (1980), *Mukhtasar Sunan Abi Dawud*, Beirut : Dar al-Ma’rifah Kitab al-Hudud, j. 333.

Firman Allah :

وَالَّتِي تُخَافُونَ نُنَزِّلْهُنَّ عَلَى مَقَاطِعِهُنَّ فَفَعَّضْهُنَّ
وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُنَّ
فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا
﴿٤٠﴾

Surah al-Nisa' (4) : 34

Maksudnya: “wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya[291], Maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, Maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya..”

Jika dilihat hukuman dengan memukul itu adalah suatu perkara yang disetujui oleh Islam dan dibolehkan di peringkat yang penghabisan sekali, sesudah diberi nasihat dan ditinggalkannya di tempat tidur. Peraturan ini menunjukkan ibu bapa itu tidak harus memilih cara yang berat dan keras sekali, andaikata masih ada jalan untuk melakukan cara yang ringan dan lembut, supaya cara pukul itu menjadi satu-satunya hukuman yang paling keras sekali, dan tidak boleh dipakai hukuman itu, kecuali sudah ternyata putus asa

dari segala cara-cara yang lain, yang boleh dilakukan untuk membetulkan dengan mengambil ingatan bahawa Nabi s.a.w. tidak pernah meletakkan tangan ke atas sesiapa pun dari isteri-isterinya.¹⁴⁴

vi) Menunjukkan kesalahan dengan hukuman yang berkesan

Al-Quran telah menentukan prinsip hukuman yang berkesan di dalam firmanNya yang berikut:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا
مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي
دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ
الْمُؤْمِنِينَ

(Surah al-Nur 24: 2)

Maksudnya: “ Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, Maka deralah tiap-tiap seorang dari keduanya seratus dali dera, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman.”

¹⁴⁴ *Ibid.* h. 568.

Cara menjalankan hukuman ini, supaya siksanya itu disaksikan dan dijalankan di hadapan anak-anak masyarakat, maka kesannya itu nanti tentulah lebih mendalam, dan pengajarannya juga tentu lebih kuat pada diri manusia. Ada pepatah lama mengatakan: Orang yang bahagia ialah orang yang mengambil pelajaran dari kesalahan orang lain.¹⁴⁵ Dan ini jugalah apa yang dimaksudkan oleh firman Allah yang berbunyi:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ

Surah al-Baqarah (2) : 179

Maksudnya: “ Dan dalam qishaash itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, Hai orang-orang yang berakal, ”

Tidak syak lagi, apabila ibu bapa menghukum anak yang berkelakuan tidak senonoh di hadapan adik-beradiknya ataupun di hadapan teman-temannya, maka hukuman itu akan meninggalkan kesan yang besar pada jiwa anak-anak yang lain.¹⁴⁶

Berdasarkan cara-cara yang telah digariskan oleh Rasulullah s.a.w. di atas, maka ibu bapa boleh memilih mana satu hukuman yang lebih sesuai atau padan kepada anak dalam hal memulihkan kesalahan yang dilakukan. Adakalanya pemulihan itu cukup

¹⁴⁵ *Ibid.*, h. 323.

¹⁴⁶ *Ibid.*

dengan nasihat-nasihat yang berkesan ataupun dengan sekali renungan pengingkaran atau dengan berkata yang baik dan manis atau dengan isyarat atau sindirian yang bermakna. Justeru, apabila sesudah anak dikenakan hukuman, dan telah berubah sikap dan tingkahlakunya, maka berlemah-l lembut dan bermanis mukalah kepada mereka dan beritahulah anak-anak bahawa apa yang ibu bapa lakukan itu adalah untuk kebaikan dan kebahagiaannya.

Jelas di sini bahawa Islam telah mengambil berat terhadap masalah hukuman ini dengan penuh perhatian, sama ada hukuman maknawiah mahupun hukuman madiyah dan hukuman-hukuman ini tertakluk kepada syarat-syarat dan ikatan-ikatan tertentu. Maka ibu bapa tidak boleh mengambil mudah tanpa memikirkan sebab dan akibatnya. Ibu bapa akan mendapat taufik dan bijaksana ketika meletakkan hukuman itu di tempatnya yang betul, sebagaimana dia meletakkan pula sifat lemah-l lembut dan kehalusan pada tempatnya yang sesuai. Ibu bapa akan menjadi seorang yang jahil sekiranya bersikap kasihan pada tempat yang sepatutnya dia berlaku keras dan tegas. Dan sebaliknya dia bersifat keras pada tempat yang sepatutnya dia bersifat rahmat dan pemaaf.¹⁴⁷

Demikianlah apa yang dapat penulis utarakan tentang pendekatan-pendekatan Abdullah Nasih al-Ulwan kepada pendidikan akidah untuk kanak-kanak. Semoga sedikit sebanyak dapat membantu menambahkan pengetahuan para pembaca khususnya ibu bapa dalam menerapkan asas-asas akidah kepada anak-anak mereka.

¹⁴⁷ Ibid., *op.cit.*, h. 328.

4.5 Pendekatan Asas-asas Akidah Dalam Peringkat Pendidikan Awal Kanak-kanak

Seseorang akan menghadapi kebingungan bagaimana dia mesti menyampaikan pendidikan asas-asas akidah kepada anak dan bagaimana pula anak dapat terinteraksi dengan ini semua pada usia yang terlalu awal?

Rasulullah s.a.w. pernah menyebut, bahawa mendidik anak-anak hendaklah menggunakan pendekatan yang bertahap-tahap mengikut umur. Apabila Rasulullah s.a.w. memberi nasihat, nasihat baginda singkat, pendek, padat dan tidak membosankan¹⁴⁸. Kita tidak boleh terlampau ghairah dalam mendidik anak-anak hingga sering memberi ceramah, celoteh dan khutbah yang panjang menjela-jela. Lagi rendah usia anak itu, lagi ringkas dan pendek nasihat kita. Firman Allah Ta ‘ala:

وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

Surah al-An ‘am (6): 141

Maksudnya: “.....janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya, Ia (Allah) tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.”

¹⁴⁸ Najib Khalid Al’ Amir (t.t), *op.cit.*, h. 33.

Maka untuk mendidik anak-anak juga perlu diambil perhatian kemampuan anak itu untuk menerima nasihat yang berkaitan. Anak yang lebih cerdas dan yang telah meningkat *baligh* mungkin boleh menerima arahan yang lebih sulit dan rumit tetapi anak yang berusia muda (belum *baligh*) tidak mampu menerima bebanan yang sama. Jika pun ada, bebanan dan nasihat itu haruslah dipermudah dan diringkaskan.

Pendidikan secara bertahap kepada kanak-kanak ini adalah selaras dengan tahap usia, kemampuan berfikir dan kematangan berbahasa oleh kanak-kanak. Menurut Imam Muhammad Baqir a.s. pendidikan kanak-kanak secara bertahap adalah yang paling sesuai memandangkan keadaan psikologi mereka.¹⁴⁹

Khayr Fatimah juga, berpendapat pendidikan anak-anak perlu dibuat secara berperingkat kerana bertepatan dengan suruhan Rasulullah s.a.w. bersabda :

Bermaksud:

“ Ajarlah atau suruhlah kanak-kanak bersembahyang ketika berumur 7 tahun dan pukullah ketika berumur sepuluh tahun dan pisahkan antara mereka dii tempat tidur.”¹⁵⁰

¹⁴⁹ Tengku Sarina Aini (1999), *op.cit.*, h. 97.

¹⁵⁰ Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddad bin 'Amru al-Azdi al-Sajistani (1980), *op.cit.*, h. 333

Selain itu, pendidikan secara berperingkat ini membolehkan para pendidik terutama ibu bapa dan guru melihat ciri-ciri tertentu dan perbezaannya pada setiap peringkat daripada sudut pendekatan pendidikan.¹⁵¹

Proses pendidikan awal dalam Islam secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu :

- a) Peringkat Pra Kelahiran
- b) Peringkat Selepas Kelahiran.¹⁵²

Penulis akan mulakan perbincangan tentang proses pendidikan untuk kanak-kanak bermula dari peringkat pra kelahiran dan diikuti dengan peringkat selepas kelahiran. Alasannya, penulis berpendapat bahawa proses pendidikan untuk kanak-kanak merupakan satu perkara yang saling berkait antara satu peringkat dengan satu peringkat yang lain . Dengan kata lain, pendidikan pada peringkat 0 hingga 7 tahun tidak akan sempurna sekiranya semasa dalam kandungan anak-anak tidak diberi pendidikan. Begitu juga, sekiranya kanak-kanak tidak mendapat pendidikan semasa peringkat 0 hingga 7 tahun, maka tidak akan sempurna pendidikan yang akan diterima oleh kanak-kanak untuk peringkat umur yang seterusnya.

Sebagaimana kata Saedah Siraj dalam bukunya Pendidikan anak-anak:

*“Pendidikan bermula apabila bermulanya satu kehidupan.
Kehidupan manusia itu bermula apabila berlaku*

¹⁵¹ Abdul Salam Muhammad Shukri (2003), *op.cit.*, h. 112.

¹⁵² Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 81.

percantuman benih dan menjadi janin. Pendidikan bermula apabila bermulanya satu pengalaman. Pengalaman bermula apabila janin dalam kandungan boleh mendengar, merasa dan mengalami sepertimana yang dialami oleh ibunya.”¹⁵³

Justeru, berdasarkan kata-kata professor di atas, penulis akan teruskan perbincangan tentang pendidikan akidah untuk kanak-kanak bermula dari peringkat pra kelahiran dan seterusnya kepada peringkat selepas kelahiran iaitu dengan memfokuskan kepada peringkat awal kanak-kanak iaitu dari umur 0 hingga 7 tahun . Bagi memastikan pendidikan itu berkesan, kanak-kanak itu hendaklah diajar dari peringkat bawah atau asas dan meningkat sedikit demi sedikit.

Pendidikan pada peringkat pra kelahiran, penulis hanya akan fokuskan secara umum sahaja kerana skop kajian penulis adalah pada peringkat selepas kelahiran iaitu dari 0 hingga 7 tahun.

Pendidikan akidah untuk peringkat awal kanak-kanak sangat penting bagi menjamin pegangan dan prinsip hidup mereka. Bak kata pepatah Melayu, ‘Melentur buluh biarlah daripada rebungnya’. Tanpa didikan akidah yang betul oleh ibu bapa pada peringkat awal, kanak-kanak akan dididik oleh unsur negatif luaran yang akan menyimpang akidah asli kanak-kanak iaitu fitrah semula jadinya. Apabila sudah dilenturkan ke arah yang salah maka proses untuk membetulkan akan mengambil masa dan tenaga. Jadi sebelum

¹⁵³ *Ibid.*, h. 129.

terlambat kita hendaklah sama-sama berganding bahu memikul tanggungjawab yang berat ini terhadap anak-anak didik sendiri.¹⁵⁴

4.5.1 Peringkat Pra Kelahiran

Pada asasnya, pendidikan kanak-kanak di dalam Islam bermula semenjak pemilihan calon isteri dilakukan. Islam menggalakkan pemilihan dilakukan kepada wanita yang beragama serta berakhlak, kerana ia bakal menjadi pendidik pertama dan utama terhadap anak-anak, malah merupakan pemberi pengaruh yang amat kuat kepada mereka. Proses pendidikan ini berterusan sepanjang tempoh kehamilan dan selepas kelahiran. Dengan kata lain, proses pendidikan ini adalah bergantung kepada tingkahlaku ibu sendiri.

Lantaran itu Nabi Muhammad s.a.w. telah menasihatkan orang-orang yang akan menempuh perkahwinan supaya memilih isteri yang mempunyai latar belakang pengetahuan agama sepertimana dijelaskan di dalam maksud hadis di bawah ini:

“ Seorang wanita boleh dikahwini kerana (salah satu) empat sebab (berikut): kerana hartanya, kerana kedudukannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Oleh itu, utamakanlah (wanita) yang memiliki agama pastilah kamu akan selamat....”¹⁵⁵

Hadis di atas mengutamakan calon wanita yang mempunyai latar belakang pengetahuan agama atau seorang wanita yang berpegang teguh kepada agama untuk

¹⁵⁴ Abdul Salam Muhamad Shukri (2003), *op.cit.*, h. 26.

¹⁵⁵ Muslim (1971), *Sahih*, no. hadith 3458, j.2, h. 749-750,

dijadikan isteri. Seorang wanita yang mempunyai latar belakang pengetahuan agama akan menjadikan pasangan suami isteri hidup aman dan bahagia. Sebaliknya, kejahilan, khususnya jahil dari segi agama, akan membawa seseorang kepada keburukan-keburukan yang lain.

Anak yang lahir daripada adunan zuriat yang baik akan mewarisi kebaikan kedua ibu bapa mereka sama ada dari segi akhlak, kecerdikan, tabiat dan segala aspek berkaitan dengannya.¹⁵⁶ Justeru, wanita yang hamil perlu mengambil perhatian ke atas perkara-perkara berikut:

- a) Mengambil perhatian perkembangan roh anak dalam rahim.¹⁵⁷

Sepertimana yang telah dibincangkan dalam bab ketiga,¹⁵⁸ hukum warisan menunjukkan anak dalam rahim dididik (dipengaruhi) oleh dalaman (sifat-sifat dalaman termasuk roh, pemikiran dan perasaan) ibunya. Dengan erti kata lain, dalaman anak yang berada dalam rahim berkembang mengikut kualiti dalaman ibunya. Sekiranya dalaman ibunya kotor (berdosa, buruk) maka dalaman anak akan menjadi kotor. Begitu juga, selain dalaman suami yang kotor memberi kesan ke atas dalaman isteri, dalaman bapa yang kotor juga akan memberi kesan ke atas dalaman anak dalam rahim. Justeru, seseorang remaja muslim yang ingin berkahwin seharusnya benar-benar dapat

¹⁵⁶ Asiah Ali (1993), *Muslimat Pencorak Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 90.

¹⁵⁷ Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 167.

¹⁵⁸ Perbincangan tentang elemen yang mempengaruhi perkembangan anak-anak, salah satunya adalah faktor warisan (genetik).

memastikan dengan siapakah ia akan berkahwin kerana dalaman (roh, pemikiran dan perasaan) dan sifat ibu bapa akan berpindah kepada anak yang bakal dilahirkan.¹⁵⁹

b) Menjauhi dosa

Sepertimana dosa memberi kesan kepada hati maka dosa juga memberi kesan ke atas anak dalam rahim. Begitu juga, sepertimana ketakwaan dan sifat-sifat yang mulia memberi kesan kepada hati maka ketakwaan dan sifat-sifat yang mulia juga memberi kesan ke atas anak dalam rahim.¹⁶⁰ Sebagaimana firman Allah:

عَنْقَبَةَ الَّذِينَ أَسْءَلُوا السُّوْأَىٰ أَنْ كَذَّبُوا
بِعَايَةِ اللَّهِ وَكَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِءُونَ ﴿١٠﴾

Surah al-Ruum (30): 10

Maksudnya:

“kesan (akibat) orang-orang yang melakukan kejahatan (dosa) adalah lebih buruk kerana mereka mendustakan ayat-ayat Allah dan mereka sering memperolok-olokkannya (mempermain-mainkannya).”

Perlu juga diberi perhatian dosa yang dilakukan tanpa sedar juga akan menyebabkan anda merasa kosong atau hilang diri tanpa mengetahui puncanya. Jiwa merasa kosong kerana telah melakukan dosa tanpa sedar juga akan memberi kesan ke atas anak dalam rahim. Sebagaimana firman Allah:

¹⁵⁹ Prof. Dr. Saedah siraj (2007), *op.cit.*, h. 143-144.

¹⁶⁰ *Ibid.*, h. 167.

حُنَفَاءَ لِلَّهِ غَيْرَ مُشْرِكِينَ بِهِ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ
فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخْطَفُهُ الطَّيْرُ أَوْ
تَهْوَى بِهِ الرِّيحُ فِي مَكَانٍ سَحِيقٍ ﴿٣١﴾

Surah al-Haj (22): 31

Maksudnya: “ Dengan ikhlas kepada Allah, tidak mempersekutukan sesuatu dengan Dia. barangsiapa mempersekutukan sesuatu dengan Allah, Maka adalah ia seolah-olah jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau diterbangkan angin ke tempat yang jauh.”

c) Tidak mendedahkan diri (membuka aurat) kepada lelaki bukan mahram

Sewaktu hamil, selain menjadi isteri, sebagai ibu yang baik seharusnya tidak mendedahkan diri kepada lelaki bukan mahram apatah lagi bergaul dengan mereka. Oleh itu, anda hendaklah memakai hijab apatah lagi Allah S.W.T. mewajibkan wanita untuk memakainya.¹⁶¹ Firman Allah:

¹⁶¹ *Ibid.*,

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ
 فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ
 مِنْهَا ^ط وَلَا يَضْرِبْنَ خُمْرَهُنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ ^ط وَلَا
 يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ
 أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاؤِ
 بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ
 بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ
 أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ
 الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ^ط
 وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ^ط مِنْ
 زِينَتِهِنَّ ^ج وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ
 لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Surah al-Nur (24) : 31

Maksudnya:

“ Katakanlah kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung kedadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau Saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara

perempuan mereka, atau wanita-wanita islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.”

Jika sewaktu hamil mendedahkan diri kepada lelaki bukan mahram bererti kita telah melakukan dosa, dan dosa berkenaan akan memberi kesan ke atas anak dalam rahim-paling tidak mencacatkan rohnya. Roh anak akan berkeadaan sepertimana orang sedang naik nafsu seksual- tangan, maka dan anggota-anggota tubuhnya yang lain akan mengalami perubahan. Begitulah kesan dosa ibu ke atas anak dalam rahim apabila tidak memakai hijab di hadapan lelaki bukan mahram. Apatah lagi jika bergaul dengan mereka.

d) Melakukan amalan-amalan wanita salihah

Sewaktu hamil, kita seharusnya berusaha melakukan apa yang diamalkan oleh wanita-wanita salihah. Antaranya seperti berikut:

- i) Sentiasa membuat perhubungan dengan Allah S.W.T. seperti solat pada malam hari, membaca al-Quran, berzikir dan berdoa.
- ii) Tidak akan tidur kecuali dalam keadaan berwuduk
- iii) Sentiasa menjadikan diri (lahir batin) dalam keadaan bersih dari melakukan dosa.¹⁶²

¹⁶² *Ibid.*, h. 168.

e) Menjaga daripada makan yang tidak halal dan subahat

Daging, tulang dan kulit anak dalam rahim adalah terbentuk daripada makanan yang dimakan oleh ibu. Oleh itu, sewaktu hamil, kita seharusnya menghindari makan makanan tidak halal dan subahat ¹⁶³sepertimana yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. di bawah ini:

“.....sesiapa yang terlibat dalam subahat (syubhah) maka ia sama seperti gembala yang mengembala ternakan di sekeliling ‘kawasan larangan’ (perkara-perkara yang dilarang Allah S.W.T.)... ”¹⁶⁴

Jika ibu yang hamil terlibat dengan perkara yang subahat dan makan makanan yang dibeli daripada sumber pendapatan yang subahat maka anak dalam kandungannya juga akan menerima kesan buruk. Cara untuk membaiki diri setelah termakan makanan yang subahat adalah dengan membaca *A‘uzubil-lahimin-as-syaitan-nirrajim*, *Bismillahirrahmanirrahim* dan kemudian berdoa kepada Allah S.W.T. supaya kekotoran *syubhah* dibersihkan daripada kita.

Selain itu, sihat atau sakit mahupun cerdik atau lembab anak-anak dalam kandungan sebahagian besarnya adalah berpunca daripada sistem pemakanan ibunya.

f) Menjaga lidah

¹⁶³ *Ibid.*, h. 169.

¹⁶⁴ Al-Bukhari (1994), *Sahih*, j. 1, h. 59

Selain tidak melakukan perbuatan dosa sewaktu hamil, kita juga seharusnya tidak mengumpat iaitu menceritakan keburukan orang lain, kerana hanya sekali sahaja mengumpat, kita seperti telah makan daging saudara seagama. Dengan erti kata lain, apabila kita mengumpat bermakna kita telah membunuh saudara kita sendiri. Dosa berkenaan akan memberi kesan ke atas anak dalam rahim, khususnya, roh anak.¹⁶⁵

g) Mengawal emosi

Sewaktu hamil juga seharusnya mengawal dengan baik emosi kita. Kita tidak boleh merasa terlalu gembira, terlalu sedih ataupun terlalu marah. Emosi yang berlebih-lebihan seperti terlalu gembira ataupun terlalu marah dan yang terkurang seperti terlalu sedih, juga akan memberi kesan ke atas anak dalam rahim.

Oleh itu, suami yang tidak boleh membuat isteri yang hamil menjadi terlalu marah, terlalu gembira dan terlalu sedih kerana kadangkala boleh menyebabkan anak dalam rahim menjadi cacat, tidak sempurna, kembar siam, tidak aktif ataupun penyedih. Sekiranya anak tidak cacat kadangkala akan meninggalkan tanda tompok hitam, luka, parut pada bayi yang biasanya tidak akan hilang hingga ke akhir hayat.¹⁶⁶

h) Berdoa dan menguatkan hubungan dengan Allah S.W.T

¹⁶⁵ Saedah siraj (2007), *op.cit.*, h. 169-170

¹⁶⁶ Husain Mazahiri (1375), *Tarbiyate farzand az nazare Eslom* (Terj: Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam), c. 5. Iran: Instisharat Sazmane Tablighate Eslom, h. 72-73.

Apa yang perlu kita lakukan ketika berhadapan dengan masalah adalah berdoa dan menguatkan lagi perhubungan kita dengan Allah S.W.T. kerana dua amalan berkenaan akan memberi kesan yang lebih positif- kemungkinan Allah S.W.T. memperkenankan doa kita, sebagaimana firman Allah:

أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۗ

Surah al-A'raaf (7): 55

Maksudnya: “Berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendah diri dan (dengan) suara yang lembut”

Firman Allah:

إِنَّمَا أَشْكُوا بَثِّي وَحُزْنِي إِلَى اللَّهِ ۗ

Surah Yusof (12): 86.

Maksudnya: “Sesungguhnya hanyalah kepada Allah aku mengadu kesusahan dan kesedihanku”

Kesan doa dan perhubungan dengan Allah S.W.T. adalah sepertimana jika kita melakukan dosa (dosa memberi kesan pada hati seperti merasa tidak senang hati).

Sebaliknya, jika kita berdoa dan menguatkan lagi perhubungan kita dengan Allah maka hati kita akan merasa tenang dan aman.¹⁶⁷

Islam juga mengambil berat tentang penjagaan anak sewaktu di peringkat janin lagi. Pengisian rohani perlu dititik beratkan sewaktu ibu sedang mengandung seperti banyakkkan ibadat, sentiasa membaca al-Quran, berzikir dan berdoa agar dikurniakan anak yang soleh. Oleh kerana janin dalam kandungan bergantung hidup kepada ibunya, maka ibu-ibu yang mengandung perlu menjaga kesihatan tubuh badan dengan memakan makanan yang berzat dan halal.

Ibu-ibu yang sedang hamil hendaklah mengawal diri daripada sebarang tingkah laku yang buruk dan sentiasa berhati-hati mengeluarkan kata-kata kerana janin dalam kandungan peka kepada pengaruh luar dan merakamkan segala tingkah laku dan tabiat ibunya.¹⁶⁸ Oleh itu ibu yang mengandung perlu menjaga dengan teliti semua aspek kehidupannya kerana faktor-faktor tersebut boleh mempengaruhi pembentukan dan perkembangan janin

Sebagai rumusnya, pada peringkat pra kelahiran ini, para ibu bapa khususnya ibu-ibu perlu memainkan peranan yang penting dalam menjaga diri dan anak dalam kandungan masing-masing, kerana penerapan pendidikan akidah pada peringkat ini adalah bergantung sepenuhnya kepada mereka.

4.5.2 Peringkat Selepas Kelahiran

¹⁶⁷ Saedah siraj (2007), *op.cit.*, h. 172.

¹⁶⁸ *Ibid.*,

Setelah anak dilahirkan ke dunia maka kedua ibu bapa berkewajipan menjaga anak-anak mereka dengan baik kerana selepas kelahirannya anak-anak bergantung kepada ibu bapa untuk membesar. Anak-anak tidak berdaya dalam tempoh tertentu dalam kehidupan mereka. Mereka memerlukan penjagaan yang berterusan untuk pembesaran mereka. Hanya ibu bapa sahajalah yang mampu memberi jagaan dan perlindungan yang sempurna. Sekiranya anak-anak tidak diberi layanan begini oleh ibu bapa maka mereka tidak dapat hidup. Jikalau mereka tidak diberi penjagaan yang cukup rapi, mereka tidak terdidik dengan seimbang dan matang. Berdasarkan perkara ini Islam menjadikan tugas penting bagi kedua ibu bapa untuk membesarkan anak-anak dengan cara yang betul dan sempurna.¹⁶⁹

“ Hak seorang anak adalah kamu (ibu bapa) hendaklah menyedari bahawa dia (anak) berasal daripada kamu. Jika dia (anakmu) baik ataupun jahat semuanya berkait dengan kamu. Kamu (ibu bapa) adalah bertanggungjawab untuk membesarkan, dan membimbingnya ke Jalan Allah serta membantunya menjadi anak yang taat. Kamu (ibu bapa) wajib melakukan sedemikian sehingga jika kamu berbuat baik kepadanya (anak), kamu (mereka) yakin (bahawa) kamu akan mendapat ganjaran (daripada Allah) dan jika kamu berbuat tidak baik kepadanya (anak), kamu (ibu bapa) akan mendapat seksaan (di neraka)”¹⁷⁰

Firman Allah :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

¹⁶⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1997), *Tanggungjawab Ibu Bapa Dan Anak Menurut Al-Quran Dan Sunnah*, c. 2. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 112.

¹⁷⁰ Imam as-Sajjad ibn Husain ibn ‘Ali ibn Abi Talib ‘a.s., (38-34/95 H), dalam Saedah Siraj (2001), *Pendidikan Rumahtangga*. Selangor: Alam pintar Enterprise, h. 214.

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka”

Pemeliharaan anak-anak menjadi kewajiban ibu bapa, mereka hendaklah melaksanakan tanggungjawab ini dengan cara bekerjasama. Pemeliharaan anak-anak ini melibatkan tiga tugas besar, iaitu:

- a) Memberi makanan dan minuman serta membesarkan anak-anak.
- b) Memberi pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak
- c) Mendidik mereka dengan akhlak yang mulia.¹⁷¹

Tugas pertama ialah menyusu, memberi makanan dan perlindungan supaya mereka boleh hidup dan membesar untuk menjadi manusia yang bertanggungjawab. Wanita secara tabiinya diberikan tanggungjawab menyusu dan memelihara anak-anak sedangkan lelaki diberi tugas mencari nafkah untuk orang-orang di bawah jagaannya.¹⁷² Menurut Islam anak berhak mendapat penyusuan daripada ibunya sebagaimana firman Allah:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ

Surah al-Baqarah (2) : 233.

¹⁷¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1997), *op.cit.*, h. 112.

¹⁷² *Ibid*, h. 113

Maksudnya:

“ Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, yaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan.”

Ayat ini jelas menunjukkan anak-anak berhak mendapat penyusuan daripada ibu kandungnya selama dua tahun sekiranya ibu tersebut tidak mampu menyusukan bayinya maka Islam mensyariatkan dibolehkan penyusuan oleh wanita lain¹⁷³, sebagaimana firman Allah:

وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ
بِالْعُرْفِ

Surah al-Baqarah (2): 233

Maksudnya:

“Dan jika kamu menginginkan anak-anakmu disusukan oleh orang lain maka tidak ada dosa bagimu untuk memberikan pembayaran menurut yang patut.”

Dari segi ilmu perubatan dan psikologi masa dua tahun penyusuan bayi adalah penting bagi pertumbuhan anak membesar secara fizik dan psikologi. Oleh itu penetapan kewajipan penyusuan anak selama dua tahun adalah satu jaminan untuk anak membesar secara baik dan sempurna. Dalam proses penyusuan itu anak bukan sahaja membesar

¹⁷³ Wan Hamzah Awang al-Haj (2007), *Mendidik Anak mengikut Sunnah*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd., h. 63.

dengan sihat dari segi tubuh badan tetapi juga meliputi nalurinya . Melalui penyusuan ibu anak mendapat makanan berkualiti yang tiada bandingnya baik dari segi jasmani atau rohani. Semua zat asli yang diperlukan bayi terkandung dalam susu ibu termasuk elemen-elemen antibodi yang boleh membuatkan imune anak atau daya tahan (sukar) dari terkena penyakit.¹⁷⁴

Melalui penyusuan ibu juga anak mendapat kasih sayang yang sejati dan ikhlas dari ibu kandung. Dakapan semasa penyusuan itu boleh mengeratkan rasa mesra dan kasih sayang antara ibu dan anak. Di bawah ini adalah tips-tips penting bagi para ibu yang menyusukan anak-anak mereka dengan susu ibu:

- Takwa
- Taubat
- Mengingati Allah S.W.T
- Wuduk
- Senyum
- Menjaga dalaman diri¹⁷⁵

Firman Allah:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا
لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ

¹⁷⁴ *Ibid*, h. 64.

¹⁷⁵ Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 189.

وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا
كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Surah al-A'raf (7): 96.

Maksudnya:

“ Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, Pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat kami) itu, Maka kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.”

Ayat di atas merujuk kepada para ibu yang beriman dan bertakwa yang menyusukan anaknya dengan susu ibu maka Allah akan menurunkan ke atas mereka keberkatan dari langit dan bumi.. Antaranya , urusan hidup mereka dipermudahkan oleh Allah, mereka hidup aman dan bahagia, mereka akan diberi balasan baik di akhirat dan banyak lagi. Sementara anak-anak yang menyusu dengan susu ibu berkenaan akan lebih mudah memahami ilmu-ilmu yang utama di sisi Allah, mereka memiliki akhlak yang mulia, urusan hidup mereka juga akan dipermudahkan oleh Allah, mereka disenangi oleh ibu bapa, teman-teman dan masyarakat¹⁷⁶ dan banyak lagi berdasarkan maksud firman Allah di bawah ini:

¹⁷⁶ *Ibid*, h. 190.

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ
 وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً
 وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا
 يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Surah al- Nahl (16) : 97.

Maksudnya:

“Barangsiapa yang mengerjakan amal saleh, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, Maka Sesungguhnya akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan Sesungguhnya akan kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang Telah mereka kerjakan.”

Sebaliknya, anak-anak yang disusukan oleh ibu yang sering melakukan dosa akan menjadikan anak-anak yang degil, suka melawan, sering merasa tidak puas hati, menjadi pemarah, memiliki hati yang kotor dan tidak mahu mendalami ilmu-ilmu yang utama di sisi Allah. Sementara ibu-ibu berkenaan ditimpakan azab di dunia lagi. Sewaktu hidup di dunia para ibu berkenaan tidak akan mendapat keberkatan Allah. Antaranya, hidup mereka dipenuhi dengan pelbagai kesusahan, penderitaan dan masalah yang bertimpa-timpa¹⁷⁷ berdasarkan maksud mutiara kata di bawah ini:

“ Sesiapa yang melalui (waktu-waktu) pagi dan petangnya lebih mementingkan (urusan dunia) dunianya (urusan

¹⁷⁷ *Ibid*, h. 190-191.

dunia yang tidak diniatkan untuk menghampirkan diri kepada Allah bukanlah sebahagian daripada urusan akhirat) maka Allah akan meletakkan 'kemiskinan' (merasa tidak cukup-merasa tidak puas dengan apa yang telah dimiliki) di antara kedua-dua matanya, dan (Allah juga akan) memisah-misahkan (menyulitkan setiap) urusannya dan ia tidak memperolehi apa-apa pun (bagi setiap) urusan dunianya (setiap usahanya tidak diberkati Allah) kecuali apa yang diperuntukkan kepadanya (kerana orang-orang kafir yang telah berusaha pun Allah mengurniakan mereka atas apa yang telah mereka usahakan tetapi Allah tidak memberkati hidup mereka)...”¹⁷⁸

Oleh kerana susu ibu berasal daripada apa yang telah dimakan oleh ibu maka para ibu yang menyusukan anak-anak mereka dengan susu ibu haruslah sentiasa menjaga dari makan makanan yang tidak halal dan subahat.¹⁷⁹

Selain itu, para ibu juga seboleh-bolehnya bertaubat dari melakukan dosa dengan membaca istighfar secara lisan ataupun dalam hati dan kemudian barulah menyusukan anak. Membaca “bismillah...” sebelum menyusukan anak dan sentiasa mengingati Allah semasa menyusukannya. Jika mampu hendaklah para ibu dalam keadaan berwuduk semasa menyusukan anak-anak dan seharusnya sentiaa tersenyum kerana senyuman ini akan memberi kesan ke atas pemikiran anak yang sedang disusukan. Senyuman ibu bapa pada hari-hari awal penyusuan akan memberi kesan yang luar biasa ke atas dalaman kanak-kanak. Ini kerana dosa yang dilakukan oleh ibu yang menyusukan anaknya memberi kesan ke atas dalaman anak-anak maka senyuman yang merupakan salah satu amal salih juga memberi kesan yang baik ke atas dalaman mereka. Ibu-ibu juga hendaklah menjauhi dosa-dosa termasuk tidak hasad, tidak dalam keadaan marah, tidak

¹⁷⁸ *Ibid*, h. 191.

¹⁷⁹ *Ibid*, h. 192.

mengumpat dan sebagainya semasa menyusukan anak-anak. Ini kerana sifat buruk ibu akan turun kepada anak yang disusukannya.¹⁸⁰

Seterusnya tugas kedua ibu bapa adalah memberi pendidikan untuk anak-anak. Ibu bapa harus menyedari bahawa pendidikan anak-anak mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan dalaman mereka (roh, pemikiran dan perasaan) dan bukannya semata-mata perkembangan fizikal (sel-sel tubuh) mereka sahaja. Sebenarnya, hanya pendidikan yang tidak betul akan memberi kesan buruk ke atas dalaman anak-anak kemudian barulah mendatangkan kesan ke atas fizikal mereka seperti lemah badan.¹⁸¹

Oleh kerana itu, ibu bapa bukan sahaja harus memberi perhatian ke atas perkembangan fizikal anak-anak sebaliknya mereka juga harus memberi perhatian ke atas perkembangan dalaman anak-anak mereka, khususnya penyuburan dan pengukuhan iman.

Menurut pandangan Islam, tempoh yang amat kritikal dalam hayat seorang insan dari aspek pendidikan ialah semenjak lahir hinggalah ke tempoh aqil baligh. Pada tahap ini kanak-kanak mengalami pertumbuhan fizikal, persepsi kognitif, nilai, emosi dan pertumbuhan sosial.¹⁸²

Pendidikan anak-anak adalah satu program awal kehidupan manusia yang paling berharga dan penting dan perlu mendapat perhatian masyarakat seluruhnya. Ibu bapa

¹⁸⁰ *Ibid.*, h. 194.

¹⁸¹ *Ibid.*, h. 195.

¹⁸² Rohani Abdullah (2004), *Bayi Cerdik*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 161.

haruslah perhatin bahawa anak-anak mempunyai hak ke atas ibu bapa mereka iaitu hak untuk dibesarkan, hak mendapat pertolongan, hak untuk mendapat layanan yang baik dan hak untuk mendapat didikan dan bimbingan ke jalan Allah bagi membantu mereka menjadi anak-anak yang taat.¹⁸³

Justeru, apabila seseorang anak dilahirkan, ibu bapa bertanggungjawab melaksanakan perkara- perkara di bawah ini ke atas anak tersebut iaitu :

i) Memberi bayi nama yang baik.

Jika lahir seorang anak, maka penghormatan pertama yang diberikan kepadanya adalah menghiasinya dengan nama yang baik serta memberikan julukan yang mulia. Nama yang baik akan benar-benar terpahat di dalam jiwa sejak pertama kali mendengarnya. Demikianlah yang diperintahkan oleh Allah S.W.T kepada para hambaNya. Allah sendiri mewajibkan kepada kita agar memanggilNya dengan nama-namaNya yang mulia.¹⁸⁴ Allah berfirman:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۚ وَذَرُوا
الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ ۚ
سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Surah al-‘Araf (7) : 180

¹⁸³ Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 173.

¹⁸⁴ Muhammad Nur Suwaid (1998), *op.cit.*, h. 119.

Maksudnya: “ KeputusanNyalah nama-nama yang baik (al-asma al-Husna). Maka mohonlah kepadaNya dengan menyebut nama-nama baik itu dan tinggakanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran mengenai nama-namaNya mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.”

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Hak seorang anak ke atas ibu bapanya adalah memberinya nama yang baik dan memperbaiki adabnya (percakapan dan perbuatannya-akhlakunya).”¹⁸⁵

Tidak dapat dinafikan pemberian nama pada anak-anak akan memberi kesan ke atas diri mereka. Dengan erti kata yang lain, pemberian nama yang baik pada anak-anak adalah seumpama mendoakan mereka menjadi anak yang baik dan begitu juga sebaliknya.¹⁸⁶

ii) Mengumandangkan Azan di telinga kanan dan Iqamah di telinga kiri.

Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmidhi meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengumandangkan azan di telinga Hasan bin ‘Ali ketika Fatimah melahirkannya.¹⁸⁷

Rahsia atau hikmah dari perkara itu sebagaimana dikatakan oleh Dahlawi¹⁸⁸ adalah :

¹⁸⁵ ‘Ali al-Muttaqi (1989), *op.cit.*, j. 16, no. hadis.45192, h. 417.

¹⁸⁶ Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 176.

¹⁸⁷ *Ibid.*

¹⁸⁸ Al-Dahlawi (t.t), *Hujjat al-Balighah*.Qaherah: T.T.P, h. 63.

- a) Azan merupakan sebahagian dari syiar-syiar Islam
- b) Pemberitahuan berkenaan agama Muhammad
- c) Mengkhususkan pengumandangan azan pada bayi yang dilahirkan pada bahagian telinganya
- d) Khasiat azan adalah membuatkan syaitan lari. Syaitan dapat meyakini si bayi sejak awal kelahirannya, sampai di dalam hadis disebutkan bahawa dia boleh mati kerananya.

iii) Melaksanakan ‘Aqiqah¹⁸⁹

Ahmad, Tirmidhi, Abu Dawud, Nasa‘i, Hakim dan Ibnu Hiban dalam shahihnya meriwayatkan dari ‘Umar Karz al-Ka’ban bahawa dia pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai aqiqah, lalu baginda bersabda:

“Dua ekor kambing untuk lelaki dan satu untuk perempuan. Tidak ada masalah, apakah kambing itu jantan atau betina.”

Para pengarang Kitab Sunan (*Ashabu Sunan*) meriwayatkan dari Samurah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Setiap anak (yang lahir) tergadai oleh aqiqahnya yang disembelihkannya untuknya pada hari ketujuh, lalu diberi nama dan dicukur rambutnya.”¹⁹⁰

¹⁸⁹ Suatu amalan sunat muakkad (yang dituntut), iaitu menyembelih seekor haiwan ternakan seperti kambing yang sihat dan tidak cacat untuk bayi pada hari ketujuh setelah dilahirkan.

¹⁹⁰ Tirmizi dan Hakim, *Hadis Shahih*. ‘*Shahih al-Jami*’, no. hadith 4184.

v) Mencukur rambut.

Malik meriwayatkan bahawa Fatimah r.a menimbang rambut Hasan dan Husin, demikian juga rambut Ummu Kalthum, lalu menyedekahkan perak seberat rambut tersebut. Ibnu Ishaq menyebutkan bahawa Rasulullah s.a.w pernah berkata kepada Fatimah ketika melahirkan Hasan: “Wahai Fatimah, cukurlah rambutnya lalu bersedekahlah dengan mengeluarkan perak seberat timbangan rambutnya.” Lalu Fatimah pun menimbanginya dan ternyata beratnya adalah satu dirham¹⁹¹ atau kurang sedikit.

Empat perkara yang disebutkan di atas adalah merujuk kepada apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas cucunda pertama baginda, Imam Hasan ibn ‘Ali bin Abi Talib ‘a.s. – anak sulong Fatimah al-Zahra’ binti Muhammad s.a.w. yang dilahirkan di Madinah pada 15 Ramadhan, 3H (1 Mac 625M).¹⁹²

Sewaktu kelahiran Imam Hasan ‘a.s., Rasulullah s.a.w. berada di luar Madinah.¹⁹³ Apabila Rasulullah s.a.w. pulang ke Madinah dan mendengar berita kelahiran cucunda baginda tersebut maka baginda pun pergi ke rumah az-Zahra’ ‘a.h.a.s.. Kemudian, Rasulullah s.a.w. mengambil bayi yang baru lahir itu lalu mendakapnya dengan kedua tangan baginda. Pada waktu yang sama, malaikat Jibril ‘a.s.. telah turun menyampaikan perintah Allah kepada baginda untuk menamakan bayi tersebut dengan nama al-Hasan (Sybbar dalam bahasa Hebrew atau Ibrani) sama dengan nama anak

¹⁹¹ Dirham adalah wang perak di zaman Rasulullah s.a.w.

¹⁹² Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 175.

¹⁹³ Abu Muhammad (Pengumpul) Ordoni (Jordaniah) (1987), *Fatimah The Gracious*. Rahmati, Muhammad Sadeq (Ed.). c. 2. Iran: Anssarian Publications, h. 145. Lihat juga Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 175.

sulong nabi harun ibn ‘Imran ‘a.s.. Setelah menamakan bayi tersebut kemudian baginda pun mengazankan serta mengiqamahkan di telinga kanan dan kiri bayi berkenaan. Pada hari ketujuh kelahiran al-Hasan ‘a.s., baginda telah melaksanakan ‘aqiqah dengan menyembelih dua ekor kambing untuk cucunda baginda dan kemudian mencukur rambut al-Hasan ‘a.s. dan memberi sedekah perak seberat rambut al-Hasan ‘a.s. yang telah dicukur.¹⁹⁴

Seterusnya penulis akan bincangkan tentang pendekatan-pendekatan yang sesuai untuk mengajar tiga asas akidah kepada peringkat awal kanak-kanak mengikut peringkat umur mereka. Nabi s.a.w. ada bersabda dalam hadith sahih di bawah ini:

“ Anak-anak adalah tuan ketika umurnya 7 tahun (0-7 tahun); mereka adalah orang suruhan pada 7 tahun berikutnya (8-14 tahun); mereka adalah pembantu pada 7 tahun berikutnya (15-21 tahun). Jadikanlah (anak kamu sebagai) pembantumu ketika umurnya 21 tahun sekiranya kamu mahu. Jika tidak, tepuklah bahunya. Sesungguhnya, kamu (ibu bapa) telah memperbanyakkan keuzuran (dosa) kepada Allah pada mereka.”¹⁹⁵

Berdasarkan maksud hadis sahih di atas pendidikan anak-anak terbahagi kepada tiga peringkat usia sepertimana berikut:

- d) Peringkat usia 0-7 tahun
- e) Peringkat usia 8 – 14 tahun
- f) Peringkat usia 15-21 tahun

¹⁹⁴ Abu Muhammad (Pengumpul) Ordoni (Jordaniah) (1987), *op.cit.*, h. 176.

¹⁹⁵ ‘Ali al-Muttaqi (1989), *op.cit.*, hadis sahih, j. 16, no. hadith 45338, Beirut: Mu’assah Ar-Risalah, h. 445.

Bagi setiap peringkat usia, kaedah yang berbeza digunakan dalam mendidik anak-anak,¹⁹⁶ iaitu :

- a) Kaedah mendengar dan mengikut kehendak anak (tetapi tidak boleh berlebihan dan tidak boleh terkurang) bagi peringkat usia 0-7 tahun.
- b) Kaedah memberi arahan secara baik tanpa marah atau memukul bagi peringkat usia 8-14 tahun
- c) Kaedah melayan anak seumpama seorang kawan karib bagi peringkat usia 15-21 tahun.

Kaedah-kaedah yang dikemukakan adalah berdasarkan hadith di atas. Bertitik tolak dari situ, penulis hanya akan memfokuskan kepada peringkat awal kanak-kanak iaitu yang berusia dari 0-7 tahun sahaja. Penulis akan cuba perincikan lagi kaedah-kaedah atau pendekatan-pendekatan yang sesuai dalam memberikan pendidikan akidah kepada anak-anak dengan membahagikan peringkat umur 0-2 tahun dan 3-7 tahun. Pembahagian ini adalah berasaskan dalil al-Quran.

1. Firman Allah:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ

Surah al-Baqarah (2) : 233.

¹⁹⁶ Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 110

Maksudnya:

“ Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh”

2. Firman Allah:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا
عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصْلُهُ فِي سِنَيْنِ أُمَّةٍ
أَشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

Surah Luqman (31) : 14

Maksudnya:

“Dan kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu- bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, bersyukur kepadaku dan kepada dua orang ibu bapamu, Hanya kepada-Kulah kembalimu.”

Berdasarkan ayat pertama di atas, ia merujuk kepada pembahagian pertama iaitu 0 hingga 2 tahun. Dalam tempoh berkenaan kanak-kanak masih lagi menyusu dan proses pendidikan adalah didominasi oleh ibu bapa mereka kerana kedua-duanya lebih hampir dengan mereka. Manakala ayat yang kedua, adalah merujuk kepada pembahagian yang kedua iaitu kanak-kanak yang berumur 3 hingga 7 tahun. Pada tempoh ini, kanak-kanak itu telah diceraikan susunya dan proses pendidikan mereka adalah lebih meluas dan tidak tertumpu sekitar kedua ibu bapa mereka sahaja.

4.5.2.1 Peringkat umur 0 hingga 2 tahun

Menurut Jean Piaget, seorang pakar kognitif dan biologis dari Switzerland, pada peringkat bayi, intelek bayi terpengaruh oleh dua perkara, iaitu kemampuan deria dan kemahiran motor atau pergerakannya. Pengetahuan bayi dipengaruhi oleh maklumat yang diterima oleh alat deria seperti melihat menggunakan mata, merasa dengan menggunakan lidah, mendengar dengan telinga dan menyentuh dengan tangan. Melalui derianya, bayi menerima pelbagai maklumat dari persekitarannya.¹⁹⁷

Perhubungan mesra dan komunikasi antara bayi dan orang dewasa (ibu bapa) bermula sejak kelahiran. Kajian membuktikan bahawa bayi lebih berminat melihat manusia sebelum mengenali objek. Mereka hanya mula menunjuk minat kepada objek selepas usia 3 bulan, manakala mereka berminat dengan suara dan gerak geri manusia dari saat mereka dilahirkan.¹⁹⁸

Justeru, dalam konteks mengajar atau menanam akidah kepada kanak-kanak yang baru lahir adalah lebih tertumpu kepada ibu bapa bagaimana untuk memainkan peranan masing-masing. Sabda Nabi s.a.w. :

¹⁹⁷ Prof. Madya Dr. Rohani Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 112.

¹⁹⁸ *Ibid.*, h. 161.

Maksudnya :

*“Tiada seorang pun (bayi muslim dan bukan muslim) yang dilahirkan kecuali dilahirkan di atas ‘fitrah’ maka ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi dan menjadikannya Kristian dan menjadikannya Majusi”.*¹⁹⁹

Hadis di atas bermaksud, setiap bayi yang lahir mengikut fitrahnya (semulajadinya) adalah dalam keadaan mukmin (beriman dan berkehendak untuk menghampiri/mendapatkan Allah S.W.T).

Firman Allah :

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ
ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ
أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا بَلَىٰ ۗ شَهِدْنَا ۗ
أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا
عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Surah al-A'raf (7) :172

Maksudnya:“ Dan ketika Tuhanmu mengambil (memindahkan) daripada (roh) keturunan anak-anak Adam (manusia) daripada sulbi-sulbi mereka (lelaki) dan Dia (Allah) mengambil persaksian ke atas ‘diri mereka’ (manusia ketika itu masih dalam bentuk roh) (dengan berfirman):

¹⁹⁹ Abu Zakariya bin Sharaf al- Nawawi, (1999), *Sharh Sahih Muslim*, Kitab al-Qadar, Bab Kul Mawlud Yulad ‘Ala Fitrah, no. hadith: 2658, 16-18. Beirut: Dar al-Ma’rifah, h. 157. Lihat juga Muslim (1999), *Sahih Muslim bisharh an-Nawawi*, no. hadith 2658. j. 4. Indonesia: Maktabah Dahlan, h. 2047.

'Bukankah Aku (Allah) Tuhan kamu?' Mereka (manusia yang masih dalam bentuk roh) berkata: 'Benar (Dikaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi.' (Ini Kami-Allah lakukan) supaya kamu (manusia) tidak akan berkata di hari kiamat (kelak): 'Sesungguhnya, kami tidak mengetahui (perkara) ini''

Intipati ayat suci di atas juga menunjukkan manusia (yang semulajadinya diciptakan dalam keadaan memiliki iman dan untuk tunduk mentaati Islam) akan mengakui (di hari akhirat) Tuhannya adalah Allah S.W.T.. Oleh yang demikian, di hari akhirat (sewaktu menghadapi perbicaraan di Padang Mahsyar) tidak ada manusia akan berkata terhadap Allah 'Azza Wajalla mereka tidak tahu menahu mengenai perkara berkenaan. Dengan erti kata yang lain, manusia (sewaktu dalam bentuk roh) ketika berada dalam tulang-tulang belakang (sulbi) lelaki, dan ketika belum berpindah ke dalam rahim-rahim wanita, telah membuat persaksian (perakuan) mengakui Tuhannya adalah Allah S.W.T.²⁰⁰

Justeru, berdasarkan perbincangan hadis Nabi dan firman Allah di atas, kita dapat memahami bahawa, mengapa Rasulullah s.a.w. menganjurkan umatnya supaya mengazankan di telinga kanan dan iqamah di telinga kiri bayi yang baru lahir. Ini kerana selain setiap bayi yang lahir semulajadinya diciptakan antaranya memiliki iman, berkehendak kepada kesempurnaan dan ilmu pengetahuan, Rasulullah s.a.w. juga memberitahu kita setiap bayi yang lahir semulajadinya boleh mendengar dan memahami azan dan iqamah berkenaan. Oleh yang demikian, yakinilah bahawa azan dan iqamah

²⁰⁰ Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 180.

berkenaan akan memberi kesan jangka panjang yang baik ke atas dalaman (roh, pemikiran dan perasaan) mahupun fizikal anak berkenaan.²⁰¹

Walaupun bayi baru lahir tidak tahu apa-apa, tetapi sebenarnya ia sedang menjalani proses pembelajaran yang sangat drastik melalui kelima-lima pancainderanya. Justeru, seorang ibu perlu niatkan setiap gerak gerinya terhadap bayi semata-mata untuk mendidik bayinya. Berbagai pengajaran yang diperolehinya melalui setiap sentuhan ibu, mimik mukanya, perasaannya dan sebagainya. Ia sebenarnya sedang belajar tentang alam melalui ibunya.²⁰²

Lanjutan daripada perbincangan di atas, oleh kerana setiap bayi yang lahir semulajadinya diciptakan dalam keadaan memiliki iman dan pada peringkat ini bayi juga terdorong dengan bunyi-bunyian yang menarik²⁰³ ketika anak jaga dan ketika hendak menidurkannya, ibu bapa disarankan supaya memperdengarkan mereka sesuatu yang baik seperti bacaan ayat-ayat suci al-Quran (membaca sendiri atau menggunakan alat perakam), dodoikanlah anak-anak dengan zikir-zikir atau selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dengan tujuan untuk menyuburkan iman kanak-kanak di peringkat usia 0-2 tahun dan bukannya lagu-lagu yang tidak baik berdasarkan firman Allah di bawah ini:

²⁰¹ *Ibid.*

²⁰² Maimunah Syarif (1997), *Praktikal Mendidik Anak*. Selangor: Pustaka Ilmi, h. 36.

²⁰³ Prof. Madya Dr. Rohani Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 114.

وَالشُّعْرَاءُ يَتَّبِعُهُمُ الْغَاوُونَ ﴿٢٢٤﴾ أَلَمْ تَرَ
 أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ ﴿٢٢٥﴾ وَأَنَّهُمْ
 يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ﴿٢٢٦﴾ إِلَّا
 الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا
 اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا

﴿٢٢٧﴾

....

Surah al-Syu'ara'(26): 224-227

Maksudnya:“ Dan penyair-penyair (penyanyi, penyajak dan pembaca puisi) (yang tidak mukmin) (adalah) diikuti oleh orang-orang yang sesat; ‘Tidakkah kamu melihat sesungguhnya mereka berada di setiap ‘wadi’ (petempatan); Dan sesungguhnya, mereka mengatakan (dalam nyanyian, sajak, puisi, syair, gurindam mereka) apa yang mereka tidsak lakukan?’ ; Kecuali orang-orang (penyair, penyanyi, penyajak, pembaca puisi) yang beriman dan beramal soleh dan banyak mengingati Allah dan memperoleh kemenangan setelah mereka dizalimi.....”

Bacaan ayat-ayat suci al-Quran, puisi-sajak-nyanyian-syair-gurindam berunsur agama dan cerita-cerita nabi yang diperdengarkan pada kanak-kanak adalah seumpama menyiram dalaman mereka dengan air dan baja. Yakinilah bahawa bacaan ayat-ayat suci al-Quran, puisi-sajak-nyanyian-syair-gurindam berunsur agama dan cerita-cerita nabi yang diperdengarkan akan memberi kesan jangka panjang ke atas dalaman dan fizikal anak-anak berkenaan²⁰⁴ berdasarkan maksud firman Allah:

²⁰⁴ Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 180.

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ
 وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۗ
 وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا
 يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Surah al-Nahl (16) : 97

Maksudnya :

“ Sesiapa yang melakukan amalan yang salih daripada lelaki dan wanita dan ia adalah mukmin maka Kami (Allah) akan memberi kepadanya kehidupan yang baik dan Kami (Allah) akan memberi mereka balasan yang lebih baik dengan apa yang telah mereka lakukan (dengan keimanan mereka kepada Allah)”

Memandikan bayi atau anak yang masih kecil merupakan satu rangsangan untuk anggota lahir bayi. Bayi akan lebih aktif bila berada dalam keadaan terdedah badannya. Waktu itu apabila kedudukan bayi diubah dengan pantas atau serta merta, dengan sendirinya ia menunjukkan gerakbalas terkejut secara mengepak kedua belah lengan dan kakinya. Selain merangsang anggota lahirnya, elok juga sewaktu memandikannya ibu merangsang rohaninya sekaligus. Misalnya sewaktu membersihkan matanya, niatkanlah agar mata anak itu hanya melihat perkara yang baik sahaja. Bila dibersihkan tangan kanannya, niatkanlah tangan itu digunakan untuk membuat kebajikan, tangan kiri pula, jangan sampai melakukan kejahatan. Bila membersihkan kaki kanannya, niatkanlah kaki itulah yang akan melangkah ke Syurga. Bila membersihkan kaki kirinya, niatkanlah agar

jangan sampai ia tergelincir ke Neraka. Begitulah seterusnya bila membersihkan seluruh anggota badannya.²⁰⁵

Sewaktu menyalinkan lampin anak juga, ibu bapa boleh mengambil peluang ini untuk bertutur, mendendangkan nasyid dan memberi ilmu kepadanya. Mungkin kita akan terkejut bila seorang ibu bercakap-cakap kepada bayi yang baru lahir. Sebenarnya menurut kajian yang dibuat, otak dan sistem saraf manusia berkembang dengan pesatnya dari dalam rahim dan sepanjang tiga tahun pertama. Enam bulan pertama usianya, kematangan otak akan mencapai sebanyak 50 peratus. Sepanjang proses kematangan itu apa jua yang diterima atau dialaminya akan menjadi pengalaman dan pengajaran yang kekal kepadanya. Justeru, waktu inilah ibu boleh mengambil peluang untuk merangsang perkembangan otaknya. Segala maklumat yang diterima akan terkumpul dalam ingatannya. Sebab itu waktu inilah ibu boleh memberikan seberapa banyak ‘input’ yang mengenalkannya kepada Allah.²⁰⁶

Selain itu, dengan perkembangan sains dan teknologi maklumat, maka pendidikan akidah pada peringkat ini boleh juga dibantu dengan menggunakan alat-alat elektronik seperti radio, televisyen, CD dan juga VCD. Dengan bantuan alat-alat ini, secara tidak langsung ia akan meresap melalui pendengaran dan penglihatan kanak-kanak. Pengajaran akidah yang boleh diterapkan melalui alat-alat tersebut adalah bergantung kepada kebijaksanaan ibu bapa dalam memilih bahan-bahan yang sesuai dengan tahap umur kanak-kanak.

²⁰⁵ Maimunah Syarif (1997), *op.cit.*, h. 38.

²⁰⁶ *Ibid.*, h. 39

Sebagai contoh, apa yang berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w. dalam peristiwa *Isra'* dan *Mi'raj* juga menggambarkan penggunaan kaedah pembelajaran audio-visual. Visualisasi beberapa situasi yang diperlihatkan secara langsung melibatkan tontonan, penerangan dan penjelasan daripada Jibril a.s menghasilkan kesan yang mendalam kepada Rasulullah S.A.W. Metode ini juga berperanan sebagai pengukuhan ilmu dan juga keyakinan terhadap Allah S.W.T. Daripada peristiwa tersebut, satu kaedah yang hampir sama tetapi dalam ruang lingkup yang berbeza boleh direalisasikan iaitu melalui teknologi yang dihasilkan. Misalnya penggunaan projektor atau tayangan slaid menerusi LCD.

Di peringkat usia 0-1 tahun kanak-kanak memerlukan kasih sayang dan meminta ibu bapanya memberi kasih sayang kepadanya. Oleh kerana itu, di peringkat usia berkenaan anak-anak akan merasa tertekan bila orang lain tertekan; menangis bila tidak suka sesuatu; mungkin menunjukkan rasa irihati; ketawa atas kebolehan diri sendiri; hendak berjalan sendiri; suka melihat diri mereka di dalam cermin; ingin menunjukkan kebolehan mereka; bermain sendiri; biasanya suka menghempas alatan permainan dan membuat bising.²⁰⁷

Pada umumnya, di peringkat 0-1 tahun, apabila ibu bapa senyum dan bermanja dengannya maka anak berkenaan akan senyum dan ketawa. Begitu juga, apabila ibu bapa memarahinya atau menjerit-jerit kepadanya, ia akan menangis dan menjerit-jerit juga. Ini

²⁰⁷ Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 185.

menunjukkan kanak-kanak dalam usia sebegini memerlukan kasih sayang dan meminta ibu bapanya memberi kasih sayang kepadanya.

Pada peringkat usia 2 tahun, kanak-kanak sudah boleh merujuk seseorang dengan nama sebenar, mengenal diri mereka mengikut jantina, bercakap mengenai diri mereka dengan menggunakan gantinama diri pertama – ‘saya’, boleh makan sendiri pada waktu makan dan sentiasa mengekori dan meniru apa yang dilakukan oleh ibu bapanya dan mempunyai keinginan untuk menolong walaupun belum dapat berdikari.²⁰⁸

Berdasarkan perkembangan kanak-kanak pada usia 2 tahun, ibu bapa bolehlah mengambil peluang keemasan ini untuk meningkatkan pengajaran dalam bidang akidah kepada anak-anak mereka dalam menghubungkan kanak-kanak dengan rasa kasih kepada Allah dan RasulNya.

Pada peringkat apabila kanak-kanak sudah mula berbicara ibu bapa bolehlah mengajar mengucap dua kalimah syahadah pada setiap masa secara berulang-ulang kepada anak-anak. Hendaklah ibu bapa selalu mengingatkan anak-anak dengan dua kalimah ini, baik di kala di rumah atau di dalam kenderaan juga di jalan; kerana cara ini adalah dapat membaharui keimanan terhadap dua kalimah syahadah, merupakan dua kalimah yang paling agung di dalam neraca timbangan Allah, dengan keduanya manusia

²⁰⁸ *Ibid.*, h. 113. Lihat juga Kamarulzaman Kamaruddin (2003), *Psikologi Perkembangan Teori dan Konsep*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 13. Lihat juga Prof. Madya Dr. Rohani Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 120.

terkeluar dari kekufuran, memasuki Islam dan dia akan tergolong daripada orang-orang yang mengEsakan Allah.²⁰⁹ Ibn Qayyim dalam kitabnya *Ahkam al-Maulud* mengatakan:

“ Di awal waktu ketika anak-anak mulai dapat bercakap, hendaklah mengajarkan kepada mereka kalimat *La Ilaha Illahhah Muhammad Rasulallah*, dan hendaklah sesuatu yang pertama kali di dengar oleh telinga mereka adalah makrifatullah (menenal Allah S.W.T.) dan mentauhidkanNya. Juga diajarkan kepada mereka bahawa Allah berada di atas singgahsanaNya yang sentiasa melihat dan mendengar perkataan mereka dan Dia sentiasa bersama dengan mereka di mana pun mereka berada. Adalah Bani Israel dahulu seringkali memperdengarkan kepada anak-anak mereka ‘Imanuel’, yang bererti : “Tuhan bersama kita”. Oleh kerana itu, nama yang paling dicintai oleh Allah adalah Abdullah dan Abdul Rahman. Sebab jika anak kelak sudah tahu bahawa dia adalah hamba Allah dan bahawa Allah adalah Tuhannya.”²¹⁰

Sebagaimana juga ada disebut dalam al-Quran, firman Allah:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ
لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ
عَظِيمٌ

²⁰⁹ Abu Ahmad Fatanah ((2001), *Mendidik Anak Genius & Soleh*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h. 30-31.

²¹⁰ Muhammad Nur Suwaid (1998), *op.cit.*, h. 168.

Surah Luqman (31) : 13

Maksudya:

“Dan (Ingatlah) ketika Luqman Berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar".

Berdasarkan ayat di atas, Luqman menasihatkan anak-anaknya supaya jangan mensyirikkan Allah. Ibu bapa juga boleh mengajar menyebut nama tuhan yang menciptakan manusia. Ibu bapa perlu memberitahu anak-anak bahawasanya tuhan kita ialah Allah. Selain itu, mengajar anak-anak nama-nama Nabi dan Rasul. Sebagaimana terbukti dalam al-Quran, Allah pernah mengajar nabi Adam a.s. tentang nama-nama .
Firman Allah :

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى
الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ
إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

Surah al-Baqarah (2) : 31

Maksudnya:

“Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, Kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku

nama benda-benda itu jika kamu mamang benar orang-orang yang benar!"

Selain itu, bagi memupuk perasaan kasih kepada Allah, ibu bapa boleh lakukan dengan menghubungkan segala kegiatan harian dengan Allah sebagai contoh, segala yang ada meliputi kejadian manusia, mata pendengaran, lidah, akal, kedua kaki dan tangan dan sebagainya dihubungkan dengan nikmat Allah.

Sambil berbicara dengan anak-anak semasa makan dan minum pula, ibu bapa bolehlah mengajarkan anak-anak dengan menyebut nama Allah dalam ucapan *basmalah* sebelum makan dan untuk memulakan setiap pekerjaan dan bila makan, makanlah dengan menggunakan tangan kanan. Nabi s.a.w. sentiasa menyempatkan untuk makan bersama anak-anak. Umar bin Abi Salmah r.a berkata, "Dulu aku menjadi pembantu di rumah Rasulullah s.a.w. Ketika makan, biasanya aku menghulurkan tanganku ke perbagai-bagai penjuru."²¹¹ Melihat itu baginda bersabda yang bermaksud:

*"Hai ghulam, bacalah basmallah, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah apa yang berdekatan denganmu."*²¹²

Cara tersebut akan mempereratkan keterikatan batin antara seorang pendidik dengan anak didiknya. Dengan cara begitu kita dapat berbincang tentang apa saja maklumat atau kekeliruan yang anak-anak alami melalui dialog terbuka dan diskusi.. Alangkah baiknya jika ibu dan bapa dapat berkumpul dengan anak-anak ketika makan bersama, sehingga mereka merasakan pentingnya peranan kedua-dua ibubapa. Hal ini

²¹¹ Najib Khalid Al'Amir (t.t), *op.cit.*, h. 15. Lihat juga 'Abd Allah Nasih 'Ulwan (1998), *op.cit.*, j. 1, h. 328.

²¹² Muslim (1999), *op.cit.*, no. hadith 2022, j. 13-15, h. 167.

juga dapat mempermudah meresapnya segala nasihat sama ada dalam hal tingkahlaku, keimanan atau pendidikan.

Riwayat tersebut menyiratkan beberapa nilai tarbiyyah yang dapat kita terapkan dalam mendidik anak, iaitu menyatukan hati anak dengan Tuhannya ketika memulai bersantap dengan menyuruhnya membaca basmalah. Cara tersebut merupakan pengarahannya yang fitrah bagi otak anak-anak untuk mencintai Allah S.W.T. sekaligus memberikan pengertian bahawa Dialah yang memberikan rezeki makanan, tanpa Dia pastilah kita akan mati kelaparan dan kehausan. Dengan begitu kecintaan mereka kepada Allah akan bertambah. Ketika mereka mulai mencintai Allah, saat itu pula tertanamlah dalam fikiran dan benak mereka kesiapan menerima segala apa yang diserukan Allah. Dengan begitu, ibubapa telah berjaya menyambungkan tali penghubung antara anak dengan penciptanya.

Di samping itu, ibu bapa boleh mengajar doa makan dan doa selepas makan. Para ibu bapa boleh mengambil kesempatan pada peringkat ini mengajar nasyid berkaitan dengan akidah yang memuji kebesaran Allah. Para ibu bapa juga boleh membangkitkan rasa bahawa Allah sentiasa berada bersama dan sentiasa hampir, yang mana Allah mendengar dan melihat segala perbuatan seperti mana yang dinyatakan dalam al-Quran surah al-Hadid ayat 4:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي
 سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ
 يَعْلَمُ مَا يَلْجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ
 مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ
 فِيهَا ۗ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ ۗ وَاللَّهُ
 بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Surah al-Hadid (57) : 4

Maksudnya:

“Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa: Kemudian dia bersemayam di atas ‘arsy²¹³ Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar daripadanya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepada-Nya²¹⁴. Dan Dia bersama kamu di mana saja kamu berada dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.

Dalam menjalankan kewajiban mendidik kanak-kanak supaya mempunyai rasa kasih kepada Nabi s.a.w., ibu bapa hendaklah ajarkan kepada mereka bacaan doa selawat atas Nabi (mengucapkan *sollallahu ‘alihi wa sallam*) ketika mereka mendengar nama Nabi disebut serta didiklah mereka dengan tingkah laku atau akhlak yang mulia, yang sering

²¹³ 'Arsy ialah satu sifat Allah yang wajib kita imani, sesuai dengan kebesaran Allah dsan kesucian-Nya.

²¹⁴ yang dimaksud dengan yang naik kepada-Nya antara lain amal-amal dan do‘a-do‘a hamba.

Rasulullah s.a.w. lakukan, misalnya doa yang beliau baca setiap hari, iaitu doa bangun tidur dan doa ketika keluar dari rumah.

Dalam menghubungkan kanak-kanak dengan al-Quran, ibu bapa hendaklah memperkenalkan kanak-kanak pada peringkat awal ini dengan huruf-huruf hijaiyyah, iaitu huruf *Alif* hingga *Ya'* . Ibu bapa boleh perkenalkan huruf-huruf ini salah satunya dengan menggunakan kaedah *Iqra'* . Pendidikan al-Quran sejak kecil lagi amat sesuai dengan fitrah semula jadi kanak-kanak.

Ibu bapa harus menunjukkan contoh kepada anak-anak. Biarkan anak-anak kecil melihat cara kedua ibu bapa mereka mengerjakan ketaatan kepada perintah Allah. Biasanya kita lihat di rumah-rumah, apabila ibubapa hendak sembahyang maka anak-anak mereka diletakkan jauh-jauh dari mereka atau dibiarkan terkurung di dalam bilik, takut mengganggu. Ini merugikan dari segi pendidikan anak-anak itu. Seboleh-bolehnya biarlah anak-anak itu melihat bagaimana cara sembahyang dilakukan. Sekurang-kurangnya ketika anak-anak itu berumur dua, mereka sudah kenal apa itu sembahyang dan kesan yang paling baik ialah anak-anak itu telah biasa dengan sembahyang. Oleh itu pendedahan awal seumpama ini penting bagi mereka untuk mengenal bentuk-bentuk ibadah kepada Allah.

Pada usia begini juga, anak-anak boleh dilatih bersalam dengan orang yang lebih tua darinya terutama ayah atau ibunya.

Antara pendekatan-pendekatan yang sesuai dalam pendidikan akidah untuk peringkat 0 hingga 2 tahun ialah pendekatan pengulangan (tikrar), dialog dan soal jawab, lembah-lembut dan kasih sayang, nyanyian dan muzik, qudwah hasanah, bermain serta pendekatan-pendekatan sunnah Rasulullah seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Manakala pendekatan al-Ghazali dan Abdullah Nasih al-Ulwan, merupakan pendekatan pendidikan akidah secara umum dan bergantung kepada kebijaksanaan ibu bapa dan kemampuan kanak-kanak mengikut tahap umur mereka. Apa yang dicadangkan ini adalah berasaskan kepada kesesuaian pengajaran isi kandungan asas-asas akidah dan tahap umur kanak-kanak.

4.5.2.2 Peringkat Umur 3-7 tahun

Kanak-kanak ketika berusia dua tiga tahun akan mula menunjukkan kemampuan mereka dalam menyebut benda-benda dan hubungan dengan apa yang dilihatnya. Sementara di akhir tahun ketiga, anak sudah boleh menggunakan kata-kata dan menyusunnya sesuai dengan tatabahasa yang betul dan pada masa itulah ia telah dapat menyusun kalimah-kalimahnya yang masih sangat sederhana dengan keadaan yang lebih baik dan betul. Manakala kanak-kanak yang berumur antara tiga hingga enam tahun pula, akan meniru apa sahaja yang dilakukan oleh orang tua. Ketika mereka mengenalkan kepada Allah, anak akan mengenal Allah sejauh mana kemampuan orang tuanya dalam menerangkan pengajaran tersebut dalam bentuk kata-kata.²¹⁵

²¹⁵ Kamarulzaman Kamaruddin (2003), *op.cit.*, h. 13. Lihat juga Tengku Sarina Aini (2006), *op.cit.*, h. 97.

Para ibu bapa hendaklah mengambil berat berkenaan pendidikan akidah pada peringkat ini iaitu semasa bercerai susu yang disebut sebagai *fitam*. Ibu bapa juga hendaklah mengambil peluang dalam usia awal kanak-kanak lagi bagi memastikan pendidikan akidah dapat ditanam dengan sempurna. Apa yang diajarkan kepada kanak-kanak pada peringkat 0 hingga 2 tahun masih berterusan untuk peringkat ini, malah perlu ditingkatkan pengajarannya di samping menggunakan pelbagai pendekatan yang telah dibincangkan sebelum ini.

Bagi mengukuhkan perasaan cinta kepada Allah dalam diri kanak-kanak dan menguatkan keimanan kepadaNya, ia boleh dijayakan secara beransur-ansur atau *tadarruj* dalam diri kanak-kanak pada peringkat usia ini. Pendekatan melalui al-Quran digunakan yang mana ia dapat memperkenalkan kekuasaan Allah pada sesuatu yang nampak pada pancaindera seterusnya dapat difahami oleh akal fikiran.

Contoh yang dikemukakan adalah cara Allah memperkenalkan kekuasaanNya di sebalik kejadian alam yang dicipta oleh Allah yang dapat dilihat dan difikirkan oleh akal kanak-kanak. Firman Allah :


فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَىٰ طَعَامِهِ ۚ أَنَا
صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ۚ ثُمَّ شَقَقْنَا
الْأَرْضَ شَقًّا ۚ فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ۚ

 وَزَيْتُونًا وَخَلًّا  وَعِنَبًا وَقَضْبًا
 وَأَبًّا  وَفَكْهَةً  وَحَدَائِقَ غُلْبًا 
 مَتَاعًا لَكُمْ وَلِأَنْعَمِكُمْ

Surah ‘Abasa (80) : 21-32

Maksudnya: “ Maka hendaklah manusia itu memperhatikan makanannya. Sesungguhnya Kami benar-benar telah mencurahkan air (dari langit), kemudian Kami belah bumi dengan sebaik-baiknya, lalu Kami tumbuhkan biji-bijian di bumi itu, anggur dan sayur-sayuran, zaitun dan kurma, kebun-kebun (yang) lebat, dan buah-buahan serta rumput-rumputan, untuk kesenanganmu dan untuk binatang-binatang ternakmu.”

Firman Allah:

قُلْ أَنْظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
 وَمَا تُغْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ عَنْ قَوْمٍ لَا
 يُؤْمِنُونَ

Surah Yunus (10) : 101

Maksudnya:

“ Katakanlah: "Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi. tidaklah bermanfaat tanda kekuasaan Allah dan rasul-rasul yang memberi peringatan bagi orang-orang yang tidak beriman".

Dengan mengambil pengajaran daripada fenomena alam seperti ciptaan –ciptaan Allah di bumi dan di langit termasuk matahari,²¹⁶ bulan,²¹⁷ bintang dan sebagainya. Dengan ini kanak-kanak dapat menghayati perasaan cintanya kepada Allah.

Firman Allah:

إِنَّ فِي اخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَمَا خَلَقَ
اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لآيَاتٍ لِّقَوْمٍ
يَتَّقُونَ ﴿٦﴾

Surah Yunus (10) : 6

Maksudnya:

“Pada pertukaran malam dan siang itu dan pada apa yang diciptakan Allah di langit dan di bumi, benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan-Nya) bagi orang-orang yang bertakwa.”

Ayat di atas, membuktikan bahawa melalui pemerhatian kejadian siang dan malam serta apa yang diciptakan di langit dan di bumi oleh Allah S.W.T. akan membawa seseorang itu kepada ketakwaan kepada Allah.

²¹⁶ Lihat Surah Yasin 36 :38.

²¹⁷ Lihat Surah Yasin 36 :39

Selain itu, kanak-kanak juga boleh diperkenalkan dengan zikir-zikir untuk mengingati Allah dalam bentuk doa harian; contohnya doa apabila melihat cermin, doa untuk memakai baju baru, doa naik kenderaan dan sebagainya.

Begitu juga kanak-kanak diperingatkan dengan sifat-sifat Allah yang sentiasa berada bersama manusia. Kanak-kanak juga boleh didedahkan dengan pendekatan bercerita dalam mengukuhkan keimanan kepada Allah. Contohnya, kisah Umar r.a. dengan seorang pemuda penjaga kambing. Umar cuba menguji anak muda itu supaya menjual kambing tersebut tanpa pengetahuan tuannya. Bagaimanapun, pemuda itu menjawab, “ Di mana Allah?” Kesemua merupakan pengajaran yang baik dalam mengukuhkan asas keimanan terutama kepada kanak-kanak.

Dalam menghubungkan kanak-kanak dengan pengajaran al-Quran, pada peringkat ini ibu bapa boleh meneruskan pembelajaran kanak-kanak kepada bacaan surah-surah pendek dalam *muqaddam*. Pembacaan yang sentiasa diulang-ulang, secara tidak langsung kanak-kanak dapat mengingatnya dengan mudah. Kaedah hafazan yang dicadangkan oleh Imam al-Ghazali adalah amat sesuai untuk kanak-kanak pada peringkat ini.

Kajian-kajian yang disokong dengan bukti-bukti imperikal menunjukkan di peringkat usia 4-5 tahun kanak-kanak telah menunjukkan pemahaman yang meningkat dan mengetahui bagaimana hendak meluahkan perasaan mereka.²¹⁸ Oleh itu, dalam usia sebegini mereka sudah boleh diteruskan pengajaran al-Quran-muqaddam. Di samping itu kanak-kanak juga dididik supaya dapat menghafaz ayat-ayat al-Quran terutamanya surah-

²¹⁸ Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 114.

surah pendek. Ini kerana usia muda memudahkan proses hafazan. Antara surah-surah pendek dalam aspek akidah yang perlu diketengahkan kepada kanak-kanak adalah surah *al-Ikhlash*, *al-Falaq* dan *al-Nas* di samping surah-surah lain termasuk surah *al-Fil*, *Quraysh* dan *al-Masad*.²¹⁹

Pada masa yang sama, diperkenalkan dengan penjelasan ringkas berkenaan maksud ayat-ayat al-Quran yang mana pada peringkat usia ini, kanak-kanak mudah memahami, mengingat dan mengambil pengajaran. Di samping membaca dan menghafaz, penjelasan boleh dibuat berkaitan nama surah, keutamaan, sebab diturunkan dan tafsirnya.²²⁰

Ibu bapa yang mengajar anak-anaknya al-Quran akan mendapat kebaikan di Syurga iaitu mereka akan dipakaikan baju yang cahayanya menyinari wajah ahli-ahli Syurga yang lain menurut maksud mutiara kata Imam Ja'far as-Sadiq 'a.s.:

*“Sesiapa yang mencium anaknya maka baginya kebaikan dan sesiapa yang mengembirakan anaknya maka Allah mengembirakannya pada hari kiamat dan sesiapa yang mengajar anak-anaknya al-Quran maka Allah akan memanggil mereka dan dua baju akan dipakaikan kepada mereka di mana cahayanya akan menyinari wajah ahli-ahli Syurga yang lain”*²²¹

²¹⁹ Muhammad Nur Suwaid (1998), *op.cit.*, h. 165.

²²⁰ Dr. Muhammad Khayr Fatimah (1998), *Manhaj al-Islam fi Tarbiyyah 'Aqidah al-Nashi'i*, Beirut: Dar al-Khayr, h. 230.

²²¹ *Ibid.*, h. 197.

Sesetengah ibu bapa mengatakan usia 4-5 tahun tahun kanak-kanak masih terlalu kecil untuk diajar membaca al-Quran. Ini adalah pandangan yang kurang tepat sebilangan ibu bapa yang menunggu hingga terlalu lewat untuk membangunkan potensi anak-anak mereka. Perbuatan berkenaan sebenarnya mengaibkan orang-orang yang hidup termasuk datuk, nenewk dan moyang dan mengkhianati orang-orang yang hidup selepasnya termasuk anak, cucu, cicit sepertimana yang dijelaskan dala hadith berikut:

“ Sesiapa yang tidak memperkukuhkan (mempertingkatkan) (iman, ilmu, amalan dan akhlaknya) yang terdahulu dengan yang baru (yang lebih baik) (maka) ia (termasuk ibu bapa dan anak-anak) telah mengaibkan orang yang (hidup) sebelumnya dan mengkhianati orang-orang yang hidup selepasnya (termasuk anak, cucu, cicit)”²²²

Sebenarnya kanak-kanak boleh diajar al-Quran sejak 2 ½ tahun lagi dan mereka boleh menghafaz seluruh al-Quran pada usia 7 tahun sepertimana yang telah dilakun oleh Sayyid Mohammad Hossein Tabataba’i (7 tahun), seseorang kanak- di Republik Islam Iran, yang telah dapat menghafaz seluruh al-Quran dan menterjemahkan mana-mana ayat yang ditanyakan kepadanya ketika berusia 7 tahun.²²³

Pada usia 7 tahun, pendekatan yang terdahulu boleh digunakan, tetapi dengan lebih jitu dan mendalam. Dalam usia sebegini, kanak-kanak sudah dikira cukup dewasa untuk memahami sesuatu perkara yang dipelajari dan juga dapat membezakan antara

²²² Murtada Farid (1373), *op.cit.*, j. 1, c. 5, , h. 123.

²²³ *Berita Minggu*, Februari 11, 2005: 17 “ Sudah hafal al-Quran pada usia 2 tahun setengah”. Lihat juga Prof. Dr. Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 198.

yang baik dan buruk bagi sesuatu perkara. Ia dikenali sebagai usia *tamyiz* atau kanak-kanak *mumaiyyiz*.

Dalam usia sebegini, ibu bapa disarankan mulai membimbing anak-anak untuk mengerjakan solat dengan cara mengajak melakukan solat di sampingnya bagi persediaan menghadapi ke peringkat taklif atau baligh. Para ibu bapa tidak boleh mengambil mudah pendidikan akidah pada peringkat ini, malah pada peringkat ini pendidikan akidah perlu diperkukuhkan. Ibu bapa boleh mengajarkan rukun-rukun solat, kewajipan-kewajipan dalam mengerjakan solat serta perkara-perkara yang membatalkan solat. Rasulullah s.a.w. telah menetapkan bahawa usia 7 tahun merupakan awal tahap pengajaran.²²⁴

Kanak-kanak perlu juga dididik dan disemai supaya melakukan ibadah tertentu sejak berusia tujuh tahun. Ibadah yang dimaksudkan adalah seperti menggalakkan berpuasa dan sebagainya. Rahsia di sebalik pelaksanaan ini ialah dapt membiasakan kanak-kanak melakukan ibadah sejak kecil. Apabila menjelang remaja dan dewasa amalan-amalan tersebut telah menjadi sehati dalam diri mereka. Maka mudah bagi mereka untuk melaksanakannya.

Anak-anak di peringkat usia 7 tahun haruslah disemai ciri-ciri iman yang paling asas serta mudah difahami. Antaranya, meyakinkan mereka bahawa Allah S.W.T. yang menciptakan matahari, bintang, bulan, langit, gunung-ganang, manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Selain itu, ibu bapa juga seharusnya menanam keimanan dalam diri anak-anak mengenai Syurga dan ketakutan terhadap azab api neraka dengan tidak

²²⁴ Dr. Muhammad Khayr Fatimah (1998), *op.cit.*, h. 234.

menunggu pahala mahupun balasan bagi setiap perbuatan yang baik yang telah mereka lakukan, di samping menggalakkan mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang berakhlak.²²⁵

Ibu bapa juga harus memahami kanak-kanak mempunyai daya khayalan (imajinasi) yang sangat kuat. Oleh yang demikian, adalah lebih baik jika ibu bapa dapat mengubah khayalan yang sangat kuat dengan sesuatu yang lebih baik seperti menceritakan keadaan langit yang berlapis-lapis dan cekerawala yang diciptakan oleh Allah S.W.T.; menceritakan keadaan manusia di neraka dan syurga (daripada terjemahan al-Quran ataupun buku-buku cerita agama) untuk mengukuhkan iman dan menanam perasaan takut kepada Allah. Tetapi harus diingat ketakutan kepada Allah seharusnya disertakan dengan keinginan ke atas keampunannya yang tiada batasan. Inilah yang dipanggil ketakutan yang sebenar.²²⁶

Bagi mengukuhkan perasaan cinta kepada Rasulullah s.a.w., kanak-kanak pada peringkat ini hendaklah didedahkan bahawa iman seseorang mukmin menjadi sempurna apabila mencintai Rasulullah s.a.w. sepenuhnya berbanding diri sendiri, ibu bapa, anak dan orang lain seperti mana yang diperkatakan dalam hadith. Cinta kepada Rasulullah s.a.w. terdapat dalam pelbagai bentuk, antaranya mengikuti sunnahnya dan berselawat ke atas baginda. Ibu bapa juga perlu duduk bersama kanak-kanak menceritakan perihal Rasulullah s.a.w. terutama akhlak baginda dan peperangan yang ditempuhi bagi

²²⁵ Saedah Siraj (2007), *op.cit.*, h. 203.

²²⁶ *Ibid.*, 214.

mendapat pengajaran yang berguna. Mereka juga perlu digalakkan menghafaz hadith-hadith dan diterangkan isi kandungan dan pengajaran daripadanya.

Perasaan mencintai Rasulullah perlu dikembangkan meliputi cinta kepada para keluarga dan para sahabat baginda serta salaf al-soleh. Ini boleh dilakukan dengan mempelajari sejarah hidup mereka meliputi jasa mereka, sejarah dakwah dan pembukaan wilayah Islam termasuklah kedatangan Islam ke negara-negara Islam sekarang. Kesemuanya dapat memberi pengajaran yang berguna kepada kanak-kanak supaya mereka dapat mencontohi generasi Islam yang terdahulu.

Dalam pada itu, penerusan perlu dilakukan dalam tilawah dan hafazan al-Quran. Kanak-kanak pada peringkat 7 tahun, perlu digalakkan menghafaz keseluruhan al-Quran. Ini kerana hafazan dapat mengukuhkan akidah kanak-kanak kerana al-Quran adalah hidayah kepada hati dan akal kepada Allah. Hal yang sama dilakukan oleh para sahabat, *salaf al-soleh* dan ulama' Islam. Imam al-Shafie, contohnya menghafaz al-Quran pada usia tujuh tahun.

Dalam persoalan halal dan haram, kanak-kanak perlu sentiasa ditunjuk ajar, dipandu, diasuh, diperhatikan dan diikuti berdasarkan pendekatan Nabawi. Ajaran yang disampaikan perlu secara lemah lembut dan segala kesalahan diperbetulkan dengan baik. Segalala yang halal dan haram diperjelaskan dengan terperinci. Kanak-kanak hendaklah dibiasakan dengan adat kebiasaan yang baik dan menyukai perkara halal dan membenci perkara haram.

Anak-anak perlu dibiasakan untuk mentaati ibu bapa. Perasaan kasih dan takut terhadap ibu bapa akan menghalang anak-anak daripada melawan orang tua. Pergaulan dan didikan adalah secara berhikmah. Sebagaimana kita tahu, kanak-kanak pada peringkat ini juga suka memerhati dan meniru sama ada dari segi tingkahlaku atau percakapan kedua ibu bapanya. Justeru, peluang ini adalah amat sesuai untuk ibu bapa sebagai pendidik untuk menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak, kerana bagi anak-anak ibu bapalah orang yang paling hampir untuk dijadikan contoh bagi melakukan sesuatu tindakan.

Harus diingat bahawa, ibu bapa hendaklah melaksanakan perkara yang sama dengan apa yang diajarkan kepada anak-anaknya. Mustahil anak-anak akan melaksanakan apa yang disuruh oleh ibu bapa sekiranya ibu bapa sendiri tidak melaksanakannya terlebih dahulu. Sebagai contoh, seorang ibu melarang anaknya mendedahkan aurat, tetapi pada masa yang sama ibunya sendiri tidak menutup aurat. Perkara ini mendatangkan kekeliruan kepada si anak kerana wujud pertembungan maklumat antara arahan (suruh anak menutup aurat) dan praktik (ibu sendiri tidak menutup aurat) . Apabila berlakunya kekeliruan ini, maka tidak mustahil anak-anak itu tidak mahu mendengar dan mengikut nasihat ibunya.

Wajar juga bagi ibu bapa menghantar anaknya ke pusat asuhan yang baik, memperkenalkan anak-anak dengan kawan-kawan yang baik serta menggalakkan supaya bercampur gaul dengan mereka supaya anak-anak itu memperoleh keimanan, pendidikan

moral, pendidikan jasmani, pendidikan rohani dan pendidikan mental. Apabila anak-anak itu berada dalam persekitaran yang baik, mustahil dia akan menyeleweng dari segi akidah, moral, terganggu jiwanya, lemah jasmaninya dan mundur ilmunya. Bahkan dia akan meningkat ke mercu kesempurnaan dalam ketapan akidahnya, keutamaan akhlakunya, keteguhan urat sarafnya, kekuatan badanya serta kematangan akal fikiran dan ilmu pengetahuannya.²²⁷

Inilah beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh ibu bapa, para pendidik dan pendakwah termasuk sekolah-sekolah yang ada. Kesemuanya adalah metode atau pendekatan yang perlu dalam mendidik kanak-kanak dengan akidah yang betul supaya ia benar-benar tertanam dalam akal dan jiwanya dan terhasil menerusi amalan. Sebagai kesimpulannya, pendekatan yang dikemukakan adalah keterangan lanjut daripada pendekatan-pendekatan sebelum ini. Hal ini dapat dilihat daripada kategori umur kanak-kanak. Ia nampak mudah untuk dilaksanakan. Semoga kajian ini dapat membantu para ibu bapa khususnya dan juga para pendidik.

Berdasarkan perkembangan kanak-kanak pada peringkat 3-7 tahun maka penulis berpendapat bahawa kesemua pendekatan mengajar akidah yang dibincangkan sebelum ini bersesuaian dengan mereka tetapi ia bergantung kepada kebijaksanaan ibu bapa dalam memilih pendekatan yang sesuai dengan kemampuan mentaliti kanak-kanak.

4.6 Kesimpulan

²²⁷ ‘Abd Allah Nasih ‘Ulwan (1997), *op.cit.*, h. 176.

Pendidikan akidah dalam diri kanak-kanak adalah salah satu proses penting yang perlu diambil berat oleh ibu bapa. Ini kerana, akidah yang mantap dan teguh adalah bermula dengan pendidikan asas yang disemai sejak kecil dan seterusnya akan menjadi pegangan hidup dalam diri kanak-kanak apabila menjelang dewasa kelak. Akidah adalah tunjang dalam kehidupan manusia. Jika akar tunjang ini tidak subur bagaimana mungkin pokok dan buahnya akan berhasil.

Tidak dapat dinafikan, ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan dan masa depan kanak-kanak. Jika ia dicorakkan dengan nilai-nilai Islam maka akan lahir generasi muslim yang cemerlang. Jika sebaliknya berlaku, maka akan terjadilah sepertimana sekarang. Menularnya gejala sosial di kalangan remaja dan masyarakat hidup dalam ketakutan akibat jenayah yang semakin berleluasa.

Dalam pendidikan akidah kepada peringkat awal kanak-kanak, pendekatan khusus perlu diberikan termasuk pemilihan isi kandungan asas-asas akidah bagi memastikan kesesuaian dengan tahap mentaliti dan perkembangan fisiologi mereka. Merujuk kepada pendekatan-pendekatan yang dikaji menurut perspektif Islam, maka dapatlah disimpulkan bahawa terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunapakai oleh ibu bapa dalam mendidik serta menanam akidah kepada anak-anak mereka. Dengan kepelbagaian pendekatan tersebut, ibu bapa dapat memvariasikan teknik pengajaran akidah mengikut tahap kemampuan kanak-kanak. Selain itu, pendekatan tersebut bersifat selektif dan

dengan ini ia memudahkan ibu bapa dalam memilih dan menentukan pendekatan terbaik bagi menilai kemampuan tahap penerimaan anak-anak mereka.